

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB PUAN ZAITON BINTI ISMAIL (SUNGAI BALANG)
SOALAN B1**

Mohon penjelasan dengan jelasnya berapakah peruntukan kewangan yang diberikan kepada penyelarasa-penyelarasa DUN yang dilantik oleh kerajaan PH mengikut kategori?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Merujuk kepada Surat Edaran Perbendaharaan Negeri Johor Tahun 2019 bertarikh 23 Januari 2019 setiap Jawatankuasa Penyelarasan DUN (JPD) – Kerajaan PH peruntukan yang diberi melalui peruntukan pembangunan Pejabat Menteri Besar Johor adalah sebagaimana berikut:-

Bil	Perkara	Jumlah (RM)
1.	Skop Pentadbiran	100,000.00
2.	Skop Pemberian Terus	50,000.00
3.	Skop Aktiviti	50,000.00
Jumlah Besar		200,000.00

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB PUAN ZAITON BINTI ISMAIL (SUNGAI BALANG)
SOALAN B2**

Kerajaan PH menuduh Melayu pemalas. Mohon huraikan apa maksudnya dan buktikan Melayu itu dikategorikan pemalas oleh kerajaan PH. Huraikan dengan jelas.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Terma “Melayu Pemalas” sebenarnya hanya sebuah khabar angin yang sengaja di jadikan senjata untuk memincangkan kerajaan pimpinan Pakatan Harapan hari ini. Kerajaan kini telah berubah lebih baharu atas erti kata lain lebih tersusun, berintegriti, adil dan saksama dalam menyantuni semua kalangan masyarakat antara pelbagai kaum. Ianya tidak akan wujud dan menimbulkan apa-apa diskriminasi kaum disebabkan sesetengah sifat dan bentuk sikap.

“Pemalas” itu merupakan sebuah sentimen yang sengaja digembar-gemburkan bagi mewujudkan sebuah suasana gawat sekali gus percubaan untuk meningkatkan jurang dan persepsi negatif antara kepelbagaian kaum di negara ini. Bukan cara Pakatan Harapan untuk mentadbir dengan menggunakan diskriminasi dan melabel antara kaum. Jelas kita telah lama majmuk dan sejahtera. Giliran kita bersama-sama untuk meningkatkan lagi upaya kesejahteraan tersebut.

Oleh yang demikian, kerajaan negeri Johor yang ditadbir oleh Pakatan Harapan tidak pernah mengeluarkan kenyataan dengan menyatakan “Melayu Pemalas” atau melabelkan mana-mana kaum sebagai pemalas.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB PUAN ZAITON BINTI ISMAIL (SUNGAI BALANG)
SOALAN B3**

Mohon YAB Menteri Besar Johor berikan penjelasan yang nyata bagi perlantikan ALP bagi YPJ dengan melantik kroni seperti lantikan ketua bahagian PPBM Tanjung Piai dan ketua bahagian PPBM Johor.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman, pelantikan Ahli Lembaga Pengarah telah pun dipersetujui Lembaga Pengarah YPJ sebagaimana ketetapan beredar No. 4/2018 bertarikh 11hb Jun 2018.

Pihak YPJ ingin menjelaskan bahawa pelantikan Ahli Lembaga Pengarah dibuat berdasarkan kelayakan akademik dan pengalaman dalam bidang pendidikan dan korporat. Kedudukan kroni atau politik tidak pernah dijadikan merit dalam pemilihan Ahli Lembaga Pengarah YPJ.

Tuan Haji Zais bin Mohd Akil mempunyai kelulusan BA (Hons) Sains Sosial dan Psikologi, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau merupakan mantan Ketua Penolong Pengarah Hal Ehwal Pelajar di Kementerian Pelajaran Malaysia (2005-2008) dan juga merupakan bekas Pengetua di Maktab Sultan Abu Bakar. Beliau juga pernah bertugas di Jabatan Pelajaran Johor sebagai Ketua Penolong Pengarah selama 19 tahun.

Manakala Tuan Haji Karmaine bin Sardini mempunyai kelulusan Advance Diploma In Architecture, Universiti Teknologi Mara. Beliau merupakan bekas guru di Sekolah Menengah Teluk Kerang, Pontian sebelum meneruskan pelajaran dalam bidang seni bina. Beliau pernah berkhidmat sebagai arkitek di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (1980-2000).

YPJ merupakan sebuah badan yang bertanggungjawab membantu pembangunan pendidikan dan modal insan kepada warga Johor di seluruh negara. Selain daripada pembangunan pendidikan, pihak YPJ juga memfokuskan kepada sektor perladangan, hartanah dan pembinaan melalui anak-anak syarikat YPJ Holdings Sdn. Bhd.

Pelantikan Tuan Haji Zais bin Mohd Akil dan Tuan Haji Karmaine bin Sardini dibuat dengan keyakinan bahawa kedua-dua individu tersebut mampu membantu YPJ dalam meneruskan misi membangunkan pendidikan dengan berbekalkan pengalaman luas dalam bidang masing-masing.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB PUAN ZAITON BINTI ISMAIL (SUNGAI BALANG)
SOALAN B4**

Setelah ketua kampung dilantik 98% ketua kampung dari kerajaan PH dan kini gerakan untuk mengambil alih jawatan pengerusi PDK pula. Mohon kerajaan Johor mengeluarkan surat arahan untuk perkara tersebut sekiranya benar dan surat arahan juga perlu diberikan sekiranya perkara itu tidak benar.

JAWAPAN YB CIK LIOW CAI TUNG

Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) mula diperkenalkan di negeri Johor sejak tahun 1989. Sehingga kini terdapat sebanyak 73 buah PDK telah ditubuhkan di seluruh negeri Johor yang memberi manfaat kepada 2500 orang pelatih OKU dan 434 orang penyelia serta petugas.

Di negeri Johor, PDK dipengerusikan oleh Isteri Wakil-Wakil Rakyat di kawasan DUN atau Wakil Rakyat di kawasan itu sendiri untuk meneraju dan mengurus tadbir PDK mengikut Garis Panduan Pengurusan PDK yang ditetapkan. Berbeza dengan negeri-negeri lain di mana pelantikan Pengerusi PDK adalah dari kalangan komuniti setempat dan dibuat secara undian melalui Mesyuarat Pemilihan Jawatankuasa PDK setiap 2 tahun sekali.

Pada bulan Januari 2018, kesemua PDK di negeri Johor telah berdaftar sebagai Pertubuhan Kebajikan dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan. Tindakan ini merupakan usaha jabatan dalam mewujudkan PDK sebagai *Legal Entity* dengan menambah baik pengurusan pentadbiran, kewangan dan operasi PDK dengan mewajibkan setiap PDK perlu berdaftar sebagai pertubuhan di Jabatan Pendaftaran Pertubuhan atau ROS. Nama PDK juga turut ditukar kepada Pertubuhan Kebajikan Pemulihan Dalam Komuniti (PKPDK).

Bagi meneruskan tanggungjawab dan kesinambungan program ini, kerajaan negeri sedang mengemas kini dan menambah baik program pemulihan di PDK yang turut melibatkan pelantikan jawatankuasa dan sebagainya. Dalam hal ini, Pengerusi dan keahlian Jawatankuasa masih lagi dikekalkan iaitu pelantikannya hendaklah dalam kalangan isteri Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) atau Ahli Parlimen di bawah kerajaan negeri. Surat yang menyatakan berkaitan perkara ini telah diserahkan kepada semua Pengerusi PDK yang masih belum melepaskan jawatannya mulai 25 Februari 2019.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB PUAN ZAITON BINTI ISMAIL (SUNGAI BALANG)
SOALAN B5**

Adakah kerajaan negeri Johor berpendirian seperti kerajaan pusat hanya memberikan kelulusan untuk jemaah yang menunaikan ibadat umrah melalui Tabung Haji sahaja. Kalau ya, bagaimana pula dengan nasib syarikat swasta yang menjalankan perniagaan umrah untuk pilihan jemaah-jemaah yang rata-ratanya orang Melayu, mohon penjelasan.

JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan pusat **tidak pernah** mengeluarkan sebarang arahan kepada Lembaga Tabung Haji (**TH**) untuk mengendalikan semua jemaah umrah Malaysia.

Orang ramai yang berhasrat untuk menunaikan ibadah umrah boleh menggunakan perkhidmatan dan pakej umrah ditawarkan oleh agensi / syarikat pengendali umrah yang dilesenkan oleh Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya (MOTAC).

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN HAJI ABD. TAIB BIN ABU BAKAR (MACHAP)
SOALAN B6**

Apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi menjaga kebajikan penduduk di taman-taman perumahan?

JAWAPAN YB TUAN TAN HONG PIN

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bertanggungjawab menjaga kebajikan komuniti dan menampilkan imej bandar yang sejahtera, bersih, tersusun, makmur, maju dan selesa bagi kepentingan pengguna untuk menerima kehidupan yang moden dan selesa mengikut arus kemajuan yang berkembang pesat melalui perkhidmatan yang disediakan. Antara adalah melalui;

1. Perancangan pembangunan yang menyeluruh dari segala aspek yang dilihat mampu memberi kesan positif dengan perancangan untuk menaik taraf ekonomi rakyat seperti menaik taraf gerai-gerai makan, premis-premis perniagaan, menaik taraf jalan raya, dan membina lebih banyak kawasan rekreasi serta memperbanyakkan lagi aktiviti-aktiviti yang menjana ekonomi penduduk setempat selaras dengan dasar kerajaan untuk meningkatkan taraf penduduk.
2. Meningkatkan tahap keselamatan penduduk melalui Program Bandar Selamat.
3. Mengimarahkan lagi keperluan sosial dengan menambah dewan serba guna di taman-taman perumahan mampu meningkatkan keperluan sosial penduduk seterusnya menjadi platform peningkatan keharmonian masyarakat setempat.
4. Hasil kutipan cukai dimanfaatkan sebaik mungkin bagi melestarikan rakyat supaya kehidupan yang kondusif dapat dinikmati.

Saya menggalakkan kerjasama yang lebih erat antara orang awam, persatuan komuniti dengan Ahli Majlis dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk meningkatkan lagi usaha menjaga kebajikan penduduk di taman perumahan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN HAJI ABD. TAIB BIN ABU BAKAR (MACHAP)
SOALAN B7**

Apakah isu-isu utama yang dihadapi oleh ketua-ketua kampung yang baru dilantik menggantikan ketua-ketua kampung yang lama?

JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD

Untuk makluman Yang Berhormat, antara isu yang dihadapi oleh Ketua-ketua Kampung yang baharu dilantik adalah berkaitan dengan penyerahan aset-aset Kerajaan Negeri oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) terdahulu kepada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK). Walau bagaimanapun, perkara ini telah diambil tindakan oleh Kerajaan Negeri dengan mengeluarkan arahan supaya aset-aset yang sebelum ini diselenggara oleh JKKK bolehlah diteruskan oleh Pengerusi MPKK yang baharu. Pengerusi MPKK hendaklah bertanggungjawab terhadap pengurusan dan penyelenggaraan aset-aset Kerajaan ini.

Selain itu, Ketua Kampung merupakan Pengerusi MPKK di negeri Johor. Isu yang dihadapi oleh Ketua-ketua Kampung yang baharu adalah kurangnya pengalaman berkaitan panduan tugas sebagai Ketua Kampung merangkap Pengerusi MPKK. Pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) melalui Institut Kemajuan Desa (INFRA) telah menganjurkan Kursus Induksi Majlis Pengurusan Ketua Kampung Negeri Johor Tahun 2019 pada 20 – 21 Februari 2019 yang lalu. Kursus ini bertujuan memberi pendedahan akan peranan dan fungsi MPKK dalam membangunkan masyarakat luar bandar dan memberi pengetahuan yang sebaiknya dalam pengurusan dan pentadbiran setiap MPKK.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN HAJI ABD. TAIB BIN ABU BAKAR (MACHAP)
SOALAN B8**

Mohon penjelasan tentang tarikh pembukaan sesi persekolahan di SMK Seri Machap?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

Merujuk kepada surat KPM dengan rujukan KPM-200-3/1/22 bertarikh 20 Februari 2019 , pihak KPM telah menerima sijil CCC dan CPC juga telah dikeluarkan kepada pihak kontraktor. Bagi tujuan pengoperasian sekolah, JPN Johor, PPD daerah Kluang dan Bahagian-Bahagian KPM akan melaksanakan mesyuarat operasi PIB (Pembukaan Institusi Baharu) pada 4 Mac 2019. Tarikh operasi sebenar SMK Seri Machap akan diperhalusi dan diputuskan semasa mesyuarat tersebut (4 Mac 2019) setelah perincian dari kesediaan segi mobiliti murid dan guru, pengurusan dan lantikan pentadbiran "*care taker*" dibentangkan oleh PPD Kluang.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN HAJI ABD. TAIB BIN ABU BAKAR (MACHAP)
SOALAN B9**

Mohon penjelasan tentang usaha-usaha kebajikan yang dilakukan kepada imam-imam surau di seluruh negeri Johor?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

Pihak Jabatan Agama Islam Negeri Johor akan mencadangkan kepada kerajaan negeri supaya sugu hati bulanan kepada imam-imam surau di negeri Johor dikaji dan dipertimbangkan mengenai jumlah imbuhan yang diterima pada masa ini bersesuaian dengan keadaan semasa.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN HAJI ABD. TAIB BIN ABU BAKAR (MACHAP)
SOALAN B10**

Apakah usaha-usaha yang dilakukan bagi memperkenalkan dan mengembangkan perusahaan madu kelulut di negeri Johor?

JAWAPAN YB TUAN DR. SAHRUDDIN BIN JAMAL

Melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), Jabatan Pertanian telah diberi peranan mengawal selia perkembangan industri madu kelulut dalam aspek khidmat nasihat, latihan dan perkhidmatan kuarantin bagi memantau kemasukan kelulut dari luar. Antara khidmat nasihat yang disampaikan kepada penternak kelulut adalah berkaitan pengesyoran tanaman sumber nektar untuk pemakanan lebah dan kelulut, kaedah menternak dan pengekalan koloni, pemecahan (penggandaan) koloni serta kawalan perosak penyakit terhadap koloni kelulut.

Bagi tujuan latihan dalam penternakan kelulut, Jabatan Pertanian telah mewujudkan Pusat Apiari terletak di Pusat Pertanian Parit Botak, Batu Pahat, Johor bagi menjalankan pelbagai aktiviti berkaitan penternakan dan pemeliharaan lebah dan kelulut. Peruntukan Persekutuan pada tahun 2016 dengan nilai RM100,000.00 telah digunakan untuk menggerakkan semula Pusat Apiari, Pt. Botak, Batu Pahat sebagai pusat rujukan dan latihan lebah dan kelulut.

Tahun	Perolehan	Jumlah Peruntukan (RM)
2016	Kemudahan pengumpulan madu, peralatan & bahan pameran	100,000.00
JUMLAH		100,000.00

Pada tahun 2016, 2017 dan 2018, kursus penternakan kelulut diadakan menggunakan peruntukan negeri. Tenaga pengajar dan kepakaran adalah dari Jabatan Pertanian, MARDI dan penyelidik-penyelidik universiti tempatan. Kursus yang diberikan adalah melibatkan kursus asas pengurusan ternakan kelulut serta penerangan teknologi dan teknik yang betul bagi mendapatkan madu kelulut yang berkualiti.

Program Kelulut Walk telah diadakan sebagai sebahagian daripada promosi sempena MAHA 2016. Pada 18 September 2017, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) telah menjenamakan madu kelulut sebagai *Superfood* pertama Malaysia dan mempromosikannya di peringkat antarabangsa sekali gus membantu meningkatkan pendapatan negara.

Kerajaan memandang serius isu ketulenan madu di pasaran. Oleh yang demikian, Jabatan Pertanian telah mewujudkan kerjasama dengan MARDI, Kementerian Kesihatan, Jabatan Standard Malaysia, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Akademi Kelulut Malaysia (AKM), Institut Genom Malaysia (MGI) dan agensi-agensi lain berkaitan pembangunan Standard Madu yang meliputi Pembangunan Standard Madu Kelulut Malaysia, Spesifikasi Madu Kelulut dan SOP Penternakan Lebah Kelulut. Ini adalah bagi memastikan madu yang dihasilkan oleh penternak lebah kelulut adalah berkualiti dan memenuhi standard yang ditetapkan serta boleh menembusi pasaran madu kelulut ke luar negara.

Standard yang dibangunkan itu mengambil kira Akta Makanan 1983 dan Peraturan Makanan 1985 yang mensyaratkan madu mestilah mengandungi air tidak lebih daripada 20

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

peratus dan kandungan gula penurun tidak kurang daripada 60 peratus. Kandungan pemakanan yang dipertimbang dalam standard tersebut adalah kandungan karbohidrat, protein, asid amino, vitamin, mineral dan bahan antioksidan iaitu asid fenolik bebas dalam madu.

Kandungan bahan-bahan tersebut adalah asas utama pembangunan standard bagi menjamin ketulenan dan kualiti produk yang tinggi. Asas-asas standard tersebut juga bagi memastikan agar status madu lebah kelulut sebagai *Superfood* Malaysia benar-benar ditepati.

Selain khidmat nasihat, latihan dan perwujudan SOP Penternakan Kelulut serta standard madu melalui pihak SIRIM, kerajaan juga ada menyalurkan insentif bagi mengukuhkan lagi industri penternakan kelulut di negeri Johor. Insentif peruntukan negeri yang telah disalurkan kepada projek kelulut bagi tahun 2016, 2017 dan 2018 adalah sebanyak RM164,895.00 bagi 42 buah projek dengan melibatkan peserta seramai 50 orang penternak kelulut. Pada tahun 2016, dicatatkan pengeluaran sebanyak 11,486 kg bagi madu kelulut di negeri Johor.

Tahun	Bil. Projek	Jumlah Keluasan Aktiviti (ha)	Jumlah Penternak (orang)	Jumlah Peruntukan (RM)
2016	13	12.66	13	37,580.00
2017	10	13.84	18	46,079.00
2018	19	16.93	19	81,236.00
JUMLAH	42	43.43	50	164,895.00

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN B11**

Senaraikan jumlah pajakan geran yang berstatus kurang daripada 10 tahun tempoh pajakan mengikut pecahan-pecahan yang berkaitan bagi seluruh daerah di negeri Johor?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Sebagai makluman kepada Yang Berhormat, jumlah hak milik berdaftar dalam Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) yang berstatus pajakan kurang bagi tempoh 10 tahun dan kurang adalah sebanyak 38 hak milik dengan pecahan sebanyak 12 hak milik di Daerah Johor Bahru, 11 hak milik di Daerah Kota Tinggi, 8 hak milik di Daerah Kulai, 4 hak milik di Daerah Segamat dan 1 hak milik di setiap Daerah Kluang, Mersing dan Batu Pahat.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN B12**

Senaraikan jumlah permohonan yang telah berjaya memohon Skim Takaful Warga Emas Negeri Johor (TWENJ) bagi setiap DUN serta nyatakan jumlah tuntutan yang telah dibuat?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

Mengikut rekod, jumlah keseluruhan yang telah berdaftar di dalam skim TWENJ adalah seramai 8,664 orang. Berikut adalah jadual pendaftaran keahlian mengikut DUN:-

BIL.	NO.	KAWASAN DUN	JUMLAH PESERTA	%
1	N.01	BULOH KASAP	127	63.5%
2	N.02	JEMENTAH	314	157%
3	N.03	PEMANIS	148	74%
4	N.04	KEMELAH	223	111.5%
5	N.05	TENANG	210	105%
6	N.06	BEKOK	167	83.5%
7	N.07	BUKIT KEPONG	67	33.5%
8	N.08	BUKIT PASIR	81	40.5%
9	N.09	GAMBIR	75	37.5%
10	N.10	TANGKAK	186	93%
11	N.11	SEROM	194	97%
12	N.12	BENTAYAN	192	96%
13	N.13	SIMPANG JERAM	43	21.5%
14	N.14	BUKIT NANING	254	127%
15	N.15	MAHARANI	139	69.5%
16	N.16	SUNGAI BALANG	115	57.5%
17	N.17	SEMERAH	148	74%
18	N.18	SRI MEDAN	248	124%

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

19	N.19	YONG PENG	300	150%
20	N.20	SEMARANG	75	37.5%
21	N.21	PARIT YAANI	300	150%
22	N.22	PARIT RAJA	115	57.5%
23	N.23	PENGGARAM	183	91.5%
24	N.24	SENGGARANG	184	92%
25	N.25	RENGIT	174	87%
26	N.26	MACHAP	196	98%
27	N.27	LAYANG-LAYANG	108	54%
28	N.28	MENGGIBOL	199	99.5%
29	N.29	MAHKOTA	135	67.5%
30	N.30	PALOH	169	84.5%
31	N.31	KAHANG	61	30.5%
32	N.32	ENDAU	108	54%
33	N.33	TENGGAROH	117	58.5%
34	N.34	PANTI	189	94.5%
35	N.35	PASIR RAJA	145	72.5%
36	N.36	SEDILI	73	36.5%
37	N.37	JOHOR LAMA	161	80.5%
38	N.38	PENAWAR	146	73%
39	N.39	TANJONG SURAT	42	21%
40	N.40	TIRAM	171	85.5%
41	N.41	PUTERI WANGSA	140	70%
42	N.42	JOHOR JAYA	126	63%
43	N.43	PERMAS	74	37%

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

44	N.44	LARKIN	92	46%
45	N.45	STULANG	204	102%
46	N.46	PERLING	195	97.5%
47	N.47	KEMPAS	199	99.5%
48	N.48	SKUDAI	181	90.5%
49	N.49	KOTA ISKANDAR	175	87.5%
50	N.50	BUKIT PERMAI	110	55%
51	N.51	BUKIT BATU	204	102%
52	N.52	SENAI	94	47%
53	N.53	BENUT	179	89.5%
54	N.54	PULAI SEBATANG	142	71%
55	N.55	PEKAN NANAS	203	101.5%
56	N.56	KUKUP	64	32%
JUMLAH			8,664	77.36%

Jumlah tuntutan yang telah direkodkan adalah seramai 34 orang dengan jumlah tuntutan sebanyak RM34,000.00. Berikut adalah jadual tuntutan kematian yang telah direkodkan:-

BIL.	NAMA	KAWASAN DUN	ID	KELAYAKAN
1	OOI BA BA	PUTERI WANGSA	N.41TWENJ0021	RM 1,000.00
2	SAEYAH BINTI SURAT	SRI MEDAN	N.18TWENJ0123	RM 1,000.00
3	MOHD FADZILAH BIN IBRAHIM	KUKUP	N.56TWENJ0039	RM 1,000.00
4	M. KHASIM BIN WODDI	BENUT	N.53TWENJ0001	RM 1,000.00
5	A RAHMAN BIN OTHMAN	SRI MEDAN	N.18TWENJ0084	RM 1,000.00

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

6	SELAMAT BIN SULAIMAN	PANTI	N.34TWENJ0003	RM 1,000.00
7	JAFRI BIN IJAM	SRI MEDAN	N.18TWENJ0022	RM 1,000.00
8	PONNUSAMY A/L ALAGAN	JOHOR LAMA	N.37TWENJ0110	RM 1,000.00
9	APARAO A/L APPLASAM	TIRAM	N.40TWENJ0038	RM 1,000.00
10	MANI RASSU A/L RASSU SUPPIAH	TIRAM	N.40TWENJ0110	RM 1,000.00
11	CHOW KAM MEI	STULANG	N.45TWENJ0055	RM 1,000.00
12	SALIMAH BINTI RAJA IBRAHIM	PANTI	N.34TWENJ0072	RM 1,000.00
13	THANGGAMAH A/P KARUPPANNAN	YONG PENG	N.19TWENJ0012	RM 1,000.00
14	MOHD NOH BIN A KARIM	KAHANG	N.31TWENJ0028	RM 1,000.00
15	TAN CHER HUA	PEKAN NENAS	N.55TWENJ0140	RM 1,000.00
16	AH MOY @ WOK BINTI ABDULLAH	PENAWAR	N.38TWENJ0041	RM 1,000.00
17	LIM KIM CHUAN	SEROM	N.11TWENJ0033	RM 1,000.00
18	AHMAD BIN SAPTU	PUTERI WANGSA	N.41TWENJ0047	RM 1,000.00
19	NGOH THIEN SEONG	PALOH	N.30TWENJ0002	RM 1,000.00
20	GAN LIONG	SUNGAI BALANG	N.16TWENJ0009	RM 1,000.00
21	SA'DON BIN ALI	PANTI	N.34TWENJ0009	RM 1,000.00
22	NOROHMAN BIN DOLAH	SENGGARANG	N.24TWENJ0139	RM 1,000.00
23	NORDIN BIN MASDAR	TENANG	N.05TWENJ0098	RM 1,000.00

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

24	PALANIAMAH A/P VYTHILINGAM	TIRAM	N.40TWENJ0030	RM 1,000.00
25	JASNI BIN PADIMAN	BENUT	N.53TWENJ0027	RM 1,000.00
26	MASRUN BIN MOHD BASRI	SEROM	N.11TWENJ0099	RM 1,000.00
27	CHAN YAN FOOK	YONG PENG	N.19TWENJ0019	RM 1,000.00
28	ABDULLAH BIN AHMAD	LARKIN	N.44TWENJ0034	RM 1,000.00
29	SAMUDAH BINTI SALIM	PASIR RAJA	N.35TWENJ0120	RM 1,000.00
30	RAJA A/L SUBRAMANIAM	PALOH	N.30TWENJ0165	RM 1,000.00
31	UDAH BINTI BONTEL	TENANG	N.05TWENJ0081	RM 1,000.00
32	SALBIAH BINTI A RAHMAN	PENAWAR	N.38TWENJ0082	RM 1,000.00
33	HASHIM BIN SABTU	PALOH	N.30TWENJ0043	RM 1,000.00
34	SAMAK BIN ILIAS	KEMPAS	N.47TWENJ0016	RM 1,000.00

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN B13**

Senaraikan jumlah lot kedai serta lot rumah yang tidak dapat dijual pada tahun 2016, 2017 & 2018 di sekitar daerah Muar dan mengapa?

JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD

Antara punca yang menyumbang kepada harta tanah tidak terjual selain skim perumahan yang kedudukannya agak jauh dari Pusat Bandar Muar iaitu melebihi 15 kilometer adalah majoriti harta tanah adalah berstatus Rizab Melayu / Lot Bumiputera.

Berikut adalah bilangan unit kediaman dan kedai yang tidak terjual mengikut tahun di daerah Muar :-

SEKTOR	PERINGKAT KESIAPAN	TAHUN		
		2016	2017	2018
KEDIAMAN	DALAM PEMBINAAN (25% - 99%)	440	339	349
	SIAP DIBINA (100%)	53	124	85
	JUMLAH RUMAH TIDAK DIJUAL	493	463	434

SEKTOR	PERINGKAT KESIAPAN	TAHUN		
		2016	2017	2018
KEDAI	DALAM PEMBINAAN (25% - 99%)	122	74	23
	SIAP DIBINA (100%)	14	80	50
	JUMLAH KEDAI TIDAK DIJUAL	136	154	73

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN B14**

Senaraikan kesemua jeti-jeti yang ada di seluruh daerah Muar serta nyatakan bersama pihak-pihak yang menyelia/menguruskan jeti-jeti tersebut?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

Berikut adalah maklumat jeti-jeti bersama pihak penyelia di seluruh Muar.

SENARAI JETI DI SEPANJANG SUNGAI MUAR

LOKASI	JETI	JENIS	AGENSI
KUALA SUNGAI MUAR	JETI TANJUNG EMAS	TERAPUNG	MAJLIS PERBANDARAN MUAR
	JETI DATARAN TANJUNG EMAS	TERAPUNG	JPS
	JETI ISTANA	TERAPUNG	JKR
PARIT OTHMAN	JETI HOTEL MUAR TRADERS	KAYU/PAPAN	KUMPULAN NELAYAN MUAR
	JETI POLIS MARIN	KONKRIT	POLIS MARIN
	JETI KASTAM	KONKRIT	KASTAM & EKSAIS DIRAJA
PARIT SAYANG	JETI AZ MARINE	KAYU	AZ MARINE
JAMBATAN SULTAN ISMAIL	JETI PENUMPANG	KONKRIT	LKIM
	JETI BENTAYAN	KAYU	KUMPULAN NELAYAN MUAR
	BENTAYAN	KONKRIT	LKIM
SUNGAI BENTAYAN	PASAR AWAM MAHARANI	KONKRIT	MAJLIS PERBANDARAN MUAR
	JETI BOMBA	KONKRIT	JABATAN BOMBA

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

			DAN PENYELAMAT
	JETI PARIT TIRAM	KONKRIT	JPS
	JETI PARIT TIRAM	KONKRIT	LKIM/PERIKANAN
PARIT MOHD DERUS	JETI PARIT MOHD DERUS	KAYU	KUMPULAN NELAYAN MUAR
	JETI SAMIN	KAYU	SYARIKAT SAMIN
PARIT BETING	JETI PARIT BETENG	KONKRIT	JPS
	SABAK AWOR	KAYU	KUMPULAN NELAYAN MUAR
PARIT LONG MOHD	SABAK AWOR	KONKRIT	LKIM
	MAHARANI AYU	KAYU	CITRO MURNI DEVELOPER
JAMBATAN KEDUA MUAR BY PASS	BAKAR BATU	KONKRIT	JPS
	SABAK AWOR RESORT	KAYU	SABAK AWOR RESORT
PARIT BESAR	BUKIT TREH	KONKRIT	JPS
	BUKIT TREH	KAYU	KUMPULAN NELAYAN MUAR
SUNGAI TERAP	SUNGAI TERAP	TERAPUNG	JPS
PERGAM	JETI PERGAM	KONKRIT	PEJABAT DAERAH MUAR
	OASIS BAY	KAYU	OASIS BAY
TANJUNG SELABU	TANJUNG SELABU	TERAPUNG	JPS
	PARIT DURIAN DAUN	TERAPUNG	JPS
	JETI JORAK	KONKRIT	PEJABAT DAERAH MUAR

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

SUNGAI JORAK	JETI JORAK	TERAPUNG	JPS
	JETI PANCHOR	TERAPUNG	JPS
KAMPUNG BROHOL	JETI KG BROHOL	KONKRIT	PEJABAT DAERAH MUAR
KAMPUNG OLAK SEPAM	OLAK SEPAM	KONKRIT	JPS
SUNGAI RENCHONG	KG RENCHONG	TERAPUNG	JPS
SUNGAI LIANG BATU	KG LIANG BATU	KONKRIT	LKIM
	KG LIANG BATU	KONKRIT	PERIKANAN
PEKAN LENGA	KG SUNGAI BERANI	TERAPUNG	JPS
SUNGAI MEDA	KG SUNGAI MEDA	KONKRIT	JPS
PEKAN BUKIT KEPONG	GALERI DARURAT	TERAPUNG	JPS
PEKAN GOMBANG	JETI PEKAN GOMBANG	KONKRIT	LKIM
	JETI PEKAN GOMBANG	KONKRIT	JPS

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN B15**

Senaraikan jumlah lot rumah berstatus lot di sekitar daerah Muar yang masih tidak dijual lagi setakat ini ataupun yang masih belum dibuka untuk sebarang permohonan?

JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD

Berikut adalah bilangan unit kediaman atau rumah yang tidak terjual di daerah Muar :-

SEKTOR	PERINGKAT KESIAPAN	TAHUN			
		2016	2017	2018	
KEDIAMAN	i	DALAM PEMBINAAN (25% - 99%)	440	339	349
	ii	SIAP DIBINA (100%)	53	124	85
	JUMLAH RUMAH TIDAK DIJUAL		493	463	434

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB PUAN NOR HAYATI BINTI BACHOK (MAHARANI)
SOALAN B16**

Apakah kekangan yang dihadapi kerajaan untuk membangunkan projek Rumah Mampu Biaya di daerah Muar khususnya kawasan Maharani dan sama ada kerajaan bercadang menjalin usaha sama dengan pemaju swasta atau mengkaji pembangunan atas tanah wakaf bagi mengatasi kekangan ini?

JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD

Terdapat banyak kekangan yang dihadapi oleh kerajaan dalam menyediakan Rumah Mampu Biaya Johor yang mencukupi. Antara kekangan yang dihadapi adalah kos bagi pembangunan yang tinggi. Namun begitu kerajaan telah menggariskan empat (4) strategi bagi menampung kekurangan tersebut. Berikut merupakan strategi yang dilaksanakan:-

1. Pengambilan Balik Tanah (PBT)

Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM87 juta bagi mengambil balik tanah-tanah yang strategik. Melalui pengambilan balik tanah-tanah ini, kerajaan akan membina perumahan mampu biaya di atas tanah-tanah tersebut. Tanah-tanah ini akan dimajukan oleh GLC Negeri Johor bagi pembangunan Rumah Mampu Biaya Johor.

2. Pembangunan Rumah Mampu Biaya oleh pemaju swasta

Dengan usaha sama yang erat bersama pihak pemaju swasta, setiap pembangunan yang akan dibina oleh pihak pemaju perlulah menyediakan komponen Rumah Mampu Biaya Johor sebanyak 40% bagi setiap pembangunan yang dimajukan.

3. Usaha sama antara kerajaan negeri bersama kerajaan persekutuan

Melalui penyediaan dana RM1.5 bilion yang telah diumumkan oleh kerajaan persekutuan bagi membina dan menyiapkan rumah mampu milik di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR), Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM), PRIMA dan Syarikat Perumahan Nasional Berhad (SPNB). Kerajaan negeri menyambut baik dan mengalu-alukan usaha sama kerajaan persekutuan bagi memenuhi impian rakyat untuk memiliki kediaman yang selesa serta harga yang berpatutan.

4. Projek-projek Penswastaan

Antara strategi kerajaan dalam menambah lagi bilangan rumah mampu biaya adalah melalui kaedah projek penswastaan. Kerajaan negeri akan bekerjasama dengan GLC negeri Johor serta pemaju-pemaju swasta bagi menampung permintaan rumah mampu biaya di seluruh negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB PUAN NOR HAYATI BINTI BACHOK (MAHARANI)
SOALAN B17**

Menjelang Tahun Melawat Johor 2020, apakah inisiatif terbaharu kerajaan negeri untuk menambah produk-produk tarikan pelancongan baharu di Muar, meningkatkan tahap infrastruktur dan menggiatkan lagi promosi daerah Muar sebagai destinasi utama pelancongan negeri Johor?

JAWAPAN YB CIK LIOW CAI TUNG

Daerah Muar merupakan salah satu daerah pelancongan di Johor. Produk pelancongan di Muar termasuk dari segi sejarah, budaya, makanan serta pelbagai lagi produk pelancongan.

Daerah Muar turut dianugerahkan sebagai 'ASEAN Clean City Strandard 2017' sekali gus meletakkan Muar sebagai destinasi pelancongan di mata dunia.

Bagi menyahut seruan kerajaan negeri Johor dalam merealisasikan Tahun Melawat Johor 2020, beberapa perancangan telah digariskan di daerah Muar seperti:

1. Memperhebatkan kempen promosi di dalam dan luar negara melalui penyertaan di dalam pameran pelancongan serta mengadakan 'road show' bagi menggalakkan kesedaran tentang produk pelancongan.
2. Menggalakkan penganjuran acara pelancongan bertaraf domestik dan antarabangsa.
3. Menganjurkan program lawatan pengenalan produk kepada agensi pelancongan, media serta pemegang taruh pelancongan.
4. Memperkukuh pengiklanan digital melalui laman web dan media sosial.
5. Mewujudkan mentaliti pelancongan kepada penduduk tempatan melalui bengkel serta kempen kesedaran pelancongan.
6. Menaik taraf infrastruktur dan kemudahan sokongan pelancongan bagi memastikan keselesaan pelancong dapat dijaga.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB PUAN NOR HAYATI BINTI BACHOK (MAHARANI)
SOALAN B18**

Sila nyatakan kuota asal dan jumlah pemberian Lesen Sampan Khas kepada nelayan daerah Muar dan sekiranya kerajaan bercadang menyemak semula senarai data penerima serta syarat-syarat kelulusan lesen baharu bagi memastikan hanya nelayan tulen sahaja diberikan lesen.

JAWAPAN YB TUAN DR. SAHRUDDIN BIN JAMAL

Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Perikanan Malaysia tidak menetapkan kuota tetap untuk Lesen Sampan Khas, ia bergantung kepada permohonan dan kelulusan oleh pihak pengurusan tertinggi, dengan berpandukan syarat-syarat dan kelayakan yang sangat ketat. Pihak Jabatan mengambil maklum cadangan Yang Berhormat di mana kelulusan lesen baharu hanya untuk nelayan tulen yang memenuhi syarat sahaja.

Pengeluaran lesen sampan yang tidak terkawal akan memberi impak negatif ke atas sumber perikanan. Kawalan pengeluaran lesen, merupakan satu kaedah pengurusan sumber perikanan yang sedang digunakan. Untuk maklumat tambahan Yang Berhormat, pengeluaran lesen sampan telah dibekukan sejak tahun 1982.

Untuk makluman Yang Berhormat, dari tahun 2008 sehingga tahun 2013, sebanyak 295 lesen sampan khas telah dikeluarkan bagi nelayan daerah Muar.

Tahun	Bilangan Lesen Sampan Khas
2008	119
2011	10
2012	105
2013	61
Jumlah	295

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB PUAN NOR HAYATI BINTI BACHOK (MAHARANI)
SOALAN B19**

Berdasarkan jumlah kutipan zakat yang tinggi, apakah tindakan kerajaan untuk meningkatkan kecekapan agihan zakat termasuk mengenal pasti dan menjejaki golongan yang layak menerima zakat tetapi tidak berdaftar sebagai asnaf agar kutipan zakat segera diagihkan dan memanfaatkan seramai mungkin penerima?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

Dalam melaksanakan tanggungjawab mengagihkan wang zakat di dalam negeri Johor, Majlis Agama Islam Negeri Johor merencanakan setiap pengagihan kepada asnaf-asnaf mengikut peruntukan bajet tahunan. Setiap agihan yang dilakukan juga adalah berdasarkan kepada bajet pungutan zakat dalam tahun semasa. Peruntukan kepada setiap asnaf pula adalah berdasarkan kepada perancangan aktiviti yang akan dijalankan supaya setiap sen perbelanjaan menepati matlamat pengagihan dan ketetapan syarak.

Dalam mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatannya kepada masyarakat Islam terutama golongan asnaf zakat, Majlis Agama Islam Negeri Johor juga telah mengambil pelbagai inisiatif untuk meminimumkan keciciran terhadap bantuan kepada golongan asnaf zakat ini. Antara pendekatan yang diambil ialah :

1. Mewujudkan Program Jejak Asnaf di setiap daerah yang berkonsep mencari golongan yang memerlukan bukan menunggu mereka datang ke pejabat zakat untuk memohon. Skuad Jejak Asnaf juga ditubuhkan di peringkat Ibu pejabat MAINJ untuk memberikan tindak balas pantas kepada setiap aduan sama ada di media sosial atau media cetak. Kaunter permohonan bantuan zakat di kawasan-kawasan penempatan masyarakat dan juga menggalakkan pemimpin dan masyarakat memaklumkan jika mengetahui golongan yang memerlukan bantuan.
2. Pelantikan Amil Agihan Zakat. Ketika ini terdapat 121 Amil Agihan Zakat di seluruh negeri Johor yang bertindak sebagai agen mencari asnaf dan juga sebagai rujukan masyarakat di mukimnya untuk membuat permohonan bantuan zakat. Kaedah ini dilihat sangat berkesan kerana mereka dapat sampai kepada setiap aduan dan golongan memerlukan dengan lebih cepat. Untuk memperluaskan lagi skop tugas Amil Agihan Zakat ini bilangan mereka akan ditambah dari semasa ke semasa mengikut mukim-mukim dalam negeri Johor.
3. Bagi mengesan keperluan pesakit pula MAINJ juga bekerja sama dengan Jabatan Kebajikan Sosial Hospital di setiap daerah jika ada pesakit-pesakit yang memerlukan bantuan rawatan. Pihak hospital akan menyalurkan maklumat pesakit dan keperluan rawatan bagi dibantu keperluan segera para pesakit seperti peralatan perubatan, pembedahan dan ubat-ubatan.
4. Bagi membantu pesakit jantung negeri Johor, MAINJ juga telah mengadakan kerjasama dengan Institut Jantung Negara (IJN) dengan meletakkan dana khas di IJN bagi memudahkan urusan membantu pesakit yang memerlukan kos yang tinggi.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

5. Permohonan bantuan melalui talian. Setakat ini MAINJ telah melaksanakan permohonan bantuan pendaftaran ke Pusat Pengajian Tinggi melalui kaedah dalam talian. Kaedah ini lebih memudahkan para pelajar dan dapat dicapai walau di mana berada. Kaedah ini juga akan diperluas kepada skim-skim bantuan yang lain.

Antara kesan daripada pelaksanaan program ini ialah peningkatan jumlah permohonan bantuan zakat, peningkatan jumlah kelulusan bantuan, penurunan jumlah yang memerlukan bantuan rumah uzur dan juga peningkatan perbelanjaan wang zakat.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB PUAN NOR HAYATI BINTI BACHOK (MAHARANI)
SOALAN B20**

Sila nyatakan jumlah peruntukan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) daerah Muar untuk penyelenggaraan sistem saliran dan perparitan bagi tahun 2018, tatacara penggunaan peruntukan serta projek yang telah dan akan dirangka bagi menaik taraf sistem saliran di dalam kawasan Maharani.

JAWAPAN YB TUAN DR. SAHRUDDIN BIN JAMAL

Pada tahun 2018, kerajaan negeri telah memperuntukkan sejumlah RM38.760 juta kepada JPS Johor bagi menjalankan kerja penyelenggaraan. Dari jumlah tersebut, sejumlah RM4.9 juta telah diagihkan kepada JPS Daerah Muar. Bagi DUN Maharani sebanyak 17 batang parit atau saliran sepanjang hampir 87 km telah di selenggara oleh kontraktor yang dilantik dengan melibatkan kos berjumlah RM446,292. Manakala 23 batang parit atau saliran dengan panjang hampir 106 km dilakukan oleh JKKK dengan harga RM59,272.82 secara berkala dengan 2 pusingan kerja.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN TAN CHEN CHOON (JEMENTAH)
SOALAN B21**

Senaraikan secara terperinci jumlah permohonan Rumah Mampu Biayai mengikut pecahan jenis rumah PKJA, PKJB, RMMJ, PPR, RKR, RKSR di setiap mukim di Daerah Segamat dan jumlah bekalan perumahan sedia ada yang terkini di setiap mukim tersebut?

JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD

Jumlah terkini bagi permohonan Rumah Mampu Biaya Johor di seluruh daerah Segamat sehingga 31 Januari 2019 adalah seperti berikut dan juga di **Lampiran B21**: -

DAERAH / MUKIM	KEDAI	RUMAH MAMPU BIAYA JOHOR A	RUMAH MAMPU BIAYA JOHOR B	RUMAH MAMPU BIAYA JOHOR C	JUMLAH
BATU ANAM	2	19	16	10	47
BEKOK	1	1	3	2	7
BULOH KASAP	5	55	114	103	277
CHAAH	2	18	15	16	51
GEMAS	1	15	16	4	36
GEMEREH	0	12	15	11	38
JABI	0	16	30	9	55
JEMENTAH	0	15	14	9	38
LABIS	2	87	109	94	292
POGOH	3	146	259	108	516
SERMIN	0	1	1	3	5
SG. SEGAMAT	6	97	42	83	228
JUMLAH :	22	482	634	452	1,590

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN TAN CHEN CHOON (JEMENTAH)
SOALAN B22**

Mohon pencerahan mengenai status kemajuan pemasangan *biogas plant* di sebuah kilang memproses buah kelapa sawit yang terletak di sempadan Kebun Bahru/Jementah?

JAWAPAN YB TUAN DR. SAHRUDDIN BIN JAMAL

Merujuk kepada pemeriksaan terkini oleh Pegawai Jabatan Alam Sekitar Cawangan Muar ke atas Kilang Kelapa Sawit Milik Mestika Sdn. Bhd. Tangkak, Johor pada 24 Januari 2019 mendapati loji biogas (*biogas plant*) masih belum siap sepenuhnya untuk beroperasi.

Susulan dan maklum balas daripada pihak Kilang Kelapa Sawit Milik Mestika Sdn. Bhd. mengenai status pemasangan loji biogas adalah seperti berikut :

- I. Kemajuan kerja sehingga 24 Januari 2019 adalah sebanyak 80 % berbanding sepatutnya dijangka siap dan operasi pada 31 Disember 2018 ;
- II. Menghadapi masalah teknikal dan kelewatan daripada pembekal bagi bahan komponen loji biogas iaitu *high-density polyethylene (HDPE) membrane lagoon*. Walau bagaimanapun bahan komponen tersebut dijangka sampai pada bulan Mac 2019 bagi proses seterusnya untuk menyiapkan baki kerja ;
- III. Kerja-kerja untuk pemasangan loji biogas dijangka akan siap sepenuhnya pada bulan Mei 2019 jika tiada halangan daripada faktor teknikal dan cuaca ; dan
- IV. Melaksanakan semburan bahan ezim secara harian ke permukaan semua sistem kolam rawatan efluen dan pemantauan prestasi sistem tersebut bagi mengawal pelepasan bau serta mematuhi keperluan syarat-syarat lesen yang telah ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar dan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Jabatan Alam Sekitar Cawangan Muar akan terus memantau secara berkala untuk pihak kilang tersebut mematuhi keperluan syarat-syarat lesen yang telah ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor dan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN TAN CHEN CHOON (JEMENTAH)
SOALAN B23**

Senaraikan dengan secara terperinci mengenai kelulusan permohonan Skim Takaful Warga Emas di setiap kawasan DUN dan setiap Pejabat Daerah?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

Secara terperinci, pemberian manfaat TWENJ ini adalah secara khusus diberikan kepada golongan warga emas yang berdaftar di dalam rekod e-Kasih dan di bawah kategori B40. Proses pendaftaran boleh dilihat sebagaimana **di Lampiran B23**.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN TAN CHEN CHOON (JEMENTAH)
SOALAN B24**

Berapakah jumlah nilai pelaburan mengikut pecahan sektor pembuatan, pertanian dan perkhidmatan yang telah dilaburkan oleh pelabur-pelabur domestik dan luar negara di Daerah Segamat daripada Januari 2013 sehingga Disember 2018?

JAWAPAN YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE

Pusat Pelaburan Negeri Johor (JSIC) hanya boleh membekal maklumat yang berkaitan dengan sektor pembuatan dan pengilangan.

Dari Januari 2013 sehingga September 2018, jumlah pelaburan bagi sektor pembuatan yang diterima oleh Daerah Segamat adalah sebanyak RM2.178 bilion di mana pelaburan asing adalah sebanyak RM2.107 bilion iaitu 96.77% berbanding pelaburan tempatan iaitu sebanyak RM70.337 juta iaitu 3.23% dari jumlah keseluruhan pelaburan pembuatan di Segamat.

Berikut merupakan pecahan pelaburan yang diterima oleh Daerah Segamat untuk sektor pembuatan dari tahun 2013 sehingga September 2018.

	Segamat	
	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)
2013	-	-
2014	6,045,800	8,754,200
2015	57,491,680	-
2016	-	14,752,270
2017	6,800,000	-
Sep-18	-	2,084,200,000
Jumlah	70,337,480	2,107697,470

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN TAN CHEN CHOON (JEMENTAH)
SOALAN B25**

Nyatakan bilakah projek Fasa Ke-2 menaik taraf jalan dua hala empat lorong dari Jementah ke Tangkak akan dimulakan dan jangkaan masa persiapannya dan jumlah kosnya?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

Projek Fasa Ke-2 menaik taraf jalan dua hala empat lorong dari Jementah ke Tangkak telah siap dilaksanakan sepenuhnya. Projek ini bermula pada 14 Mac 2012 dan siap pada 30 Julai 2015 dengan kos bernilai RM118,015,475.80.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN MOHD. IZHAR BIN AHMAD (LARKIN)
SOALAN B26**

Kewujudan serta lambakan pengemis jalanan kini semakin membimbangkan. Selain mengundang persepsi negatif pelancong asing, ianya turut menimbulkan perasaan tidak selesa serta isu keselamatan di kalangan orang awam. Apakah pendekatan yang diambil oleh kerajaan bagi menangani isu ini?

JAWAPAN YB CIK LIOW CAI TUNG

Kewujudan serta lambakan pengemis jalanan kini adalah disebabkan faktor ekonomi yang mana golongan pengemis tersebut tiada pekerjaan tetap dan menjadikan bandar raya utama sebagai transit sementara mendapat pekerjaan. Perkara yang amat membimbangkan adalah kalangan pemabuk dan gelandangan mental yang sering meminta wang daripada orang awam. Golongan ini tidak mempunyai tempat tinggal dan tiada penjagaan daripada waris, kenalan atau ahli keluarganya.

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat mengambil pendekatan menangani isu ini dengan mengadakan operasi bersepadu atau *ad-hoc* bersama agensi lain antaranya Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kesihatan Negeri, Jabatan Imigresen dan Jabatan Agama Islam. Dari segi penguatkuasaan, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menjalankan tindakan operasi secara *ad-hoc* sebaik sahaja menerima aduan. Pejabat Kebajikan Masyarakat (JKM) di setiap daerah akan mengadakan rondaan secara berkala atau berjadual di tempat yang berpotensi (*Hotspot*) sering berlaku aktiviti pengemisan atau gelandangan.

Terdapat juga golongan pengemis mengambil kesempatan mencari rezeki di persimpangan lampu isyarat dengan mengetuk cermin kereta pelanggan. Pihak penguat kuasa JKJ sukar membanteras sepenuhnya kerana tindakan mereka yang sering berpindah lokasi, kawasan bandar raya yang begitu luas dan hanya menjalankan kegiatan pada waktu tertentu dalam tempoh masa yang singkat. Golongan ini memilih lokasi yang lebih mudah bagi mereka melarikan diri jika terserempak dengan kenderaan penguat kuasa atau pegawai JKJ terutama ketika berlaku kesesakan lalu lintas. Bagi menangani isu ini, peranan setiap agensi amat diperlukan dengan membantu mereka yang terlibat dalam aspek bantuan kewangan, pencarian kerja, penempatan yang bersesuaian dan sebagainya. Peranan orang ramai juga penting supaya memberikan sumbangan/derma/sedekah hanya kepada pihak yang betul dan bukannya kepada pengemis dan gelandangan tersebut.

Isu ini boleh juga dielakkan dengan pendekatan penyebaran maklumat dan pendidikan pencegahan kepada orang ramai melalui media elektronik dan media sosial *facebook*, *instagram*, *twitter*, blog dan lain-lain media. Penulisan dan artikel berkaitan isu pengemisan di dalam akhbar harian juga memainkan peranan. Selain itu, kaedah pemberian sumbangan yang lebih telus boleh dilakukan oleh orang ramai melalui sistem *QR Pay* iaitu kaedah pemberian wang dengan mengimbas kod QR.

Selain itu, inisiatif kempen kesedaran juga dibuat melalui khutbah Jumaat dengan kerjasama JAKIM. Program kesedaran atau program advokasi juga dijalankan kepada pemimpin setempat dan masyarakat seperti Penghulu, Ketua Kampung, Pelajar Sekolah, IPTA/IPTS dan kakitangan Awam/Swasta.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN MOHD. IZHAR BIN AHMAD (LARKIN)
SOALAN B27**

Kelestarian taman-taman awam di Larkin berada di tahap yang menyedihkan. Keadaan fizikal taman yang tidak di selenggara dengan baik dan terbiar boleh membahayakan kanak-kanak. Apakah langkah proaktif kerajaan dalam memastikan taman-taman awam terbabit kembali dalam keadaan yang baik dan selamat digunakan?

JAWAPAN YB TUAN TAN HONG PIN

Terdapat sebelas (11) buah taman permainan kanak-kanak di kawasan Larkin yang diselenggara oleh pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru iaitu di Lorong 5, Jalan Sentosa, Jalan Puyoh, Jalan Langkasuka, Jalan Murai, Jalan Kasawari, Jalan Merak, Jalan Aman Larkin Utama, Jalan Aman Larkin 6, Jalan Sri Bahagia 4, Taman Sri Bahagia, Jalan Ungku Mohsin, Kampung Ungku Mohsin dan Jalan Indah, Taman Indah.

Pihak Majlis sentiasa menyelenggara taman-taman permainan tersebut melalui kontraktor penyelenggaraan tahunan yang telah dilantik bagi memastikan kebersihan dan kekemasan 'softscape' serta peralatan permainan kemudahan awam yang disediakan sentiasa terpelihara dan selamat digunakan.

Pihak Majlis juga melaksanakan kerja-kerja menaik taraf taman permainan di mana pada tahun 2018, kerja-kerja menaik taraf landskap taman permainan kanak-kanak di Jalan Ungku Mohsin, Kampung Ungku Mohsin telah dilaksanakan manakala pada tahun 2019 pihak Majlis memberi tumpuan kepada pelaksanaan kerja-kerja menaik taraf landskap di taman permainan di Jalan Puyoh, Larkin.

Pihak Majlis juga mengambil inisiatif dengan mengadakan mesyuarat penyelarasan bersama Ahli Majlis Zon Larkin dan juga pihak kontraktor penyelenggaraan tahunan yang dilantik pada 6 Januari 2019 bagi memastikan kerja-kerja penyelenggaraan dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan supaya taman-taman terbabit berada dalam keadaan yang baik dan selamat digunakan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN MOHD. IZHAR BIN AHMAD (LARKIN)
SOALAN B28**

Kelemahan strategi hebahan media dan sebaran am menyumbang kepada kekeliruan dan tahap kesedaran awam yang amat rendah mengenai dasar, insentif serta perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan kepada masyarakat. Apakah pelan perancangan pihak kerajaan bagi menangani permasalahan ini?

JAWAPAN YB TUAN SHEIKH 'UMAR BAGHARIB BIN ALI

Kerajaan negeri sentiasa bekerjasama dengan jabatan dan agensi-agensi di peringkat negeri dan persekutuan dalam memastikan informasi/penyampaian maklumat am kerajaan mahupun agensi berkaitan dapat dicapai dengan meluas serta tidak mengelirukan masyarakat mengenai dasar, insentif serta perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan kepada masyarakat.

Penyampaian maklumat ini bukan sahaja melalui program turun padang semua agensi-agensi kerajaan termasuk bersemuka tetapi juga menggunakan medium seperti media sosial seperti *facebook*, *instagram* dan banyak lagi termasuk *twitter*, portal rasmi jabatan dan agensi kerajaan, bahan cetakan, media elektronik seperti televisyen dan radio serta media cetak seperti akhbar.

Kekeliruan itu terjadi apa bila sesetengah pihak memanipulasi sesuatu maklumat yang sedang disampaikan kepada masyarakat.

Jabatan/agensi kerajaan yang ada kini ini merupakan mekanisme yang bertindak bagi melaksanakan usaha-usaha dalam mengurus dan memberikan penjelasan akan semua informasi berkaitan dasar, insentif serta perkhidmatan yang di sediakan oleh kerajaan kepada masyarakat.

Kaedah lain yang digunakan juga adalah kaedah konvensional komunikasi secara bersemuka seperti ceramah, taklimat, pameran dan program pemimpin turun padang akan terus digunakan untuk menyampaikan maklumat. Kaedah ini digunakan melalui aktiviti kempen kesedaran awam dengan cara bersemuka, ceramah dan pameran yang diadakan.

Dengan menggunakan kaedah ini, pihak kerajaan akan dapat mendekati secara langsung masyarakat dalam menterjemahkan usaha serta perancangan yang telah digembleng oleh kerajaan negeri secara langsung.

Cara ini juga akan mewujudkan satu hubungan yang erat serta mengurangkan birokrasi bagi masyarakat dalam menyampaikan aduan ataupun permasalahan yang berlaku di kawasan setempat.

Bagi menjamin keberkesanan penyampaian maklumat kepada masyarakat melalui komunikasi bersemuka, pendekatan yang diambil ialah dengan memberikan tumpuan kepada dua kelompok kumpulan sasar iaitu *key communicators* di semua daerah dan kumpulan-kumpulan kecil seperti pertubuhan NGO, persatuan belia, pengusaha kecil, persatuan penduduk dan sebagainya.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

Melalui pendekatan ini, *front-liner* akan diberikan kefahaman dan maklumat terkini kerajaan negeri, impaknya dapat dilihat apabila mereka mampu menjadi agen penyampaian yang lebih *credible* kepada kelompok masyarakat dan ahli-ahli bawahannya untuk menyokong dasar-dasar semasa kerajaan. Kewujudan rangkaian ini juga dilihat sekali gus dapat memperbetul persepsi negatif orang ramai terhadap kerajaan terutamanya dalam hal yang membabitkan isu-isu sensitif.

Di samping itu, kaedah media massa seperti media cetak (surat khabar, majalah & buletin) dan media elektronik (radio & televisyen) turut digunakan untuk menyampaikan maklumat perancangan, pembangunan dan pentadbiran berkepentingan negeri Johor.

Seiring dengan kemajuan teknologi masa kini, kerajaan negeri akan menyediakan kandungan informasi mengenai dasar, perkhidmatan dan insentif yang lebih segar, menarik dan ringkas menerusi media sosial seperti *facebook*, *twitter*, *instagram*, *whatsapp* dan lain-lain sekali gus meningkatkan kefahaman rakyat terhadap perkara berkaitan.

Selain itu, penyampaian maklumat melalui radio johor juga digunakan bagi menceritakan akan apakah perancangan & pembangunan yang dibuat oleh kerajaan negeri di bawah portfolio masing-masing.

Semua maklumat melalui medium ini akan sentiasa dikemas kini dari semasa ke semasa bagi memperjelaskan kepada rakyat mengenai perancangan, pembangunan & pentadbiran yang berkepentingan negeri sampai kepada rakyat.

Medium ini juga akan memperlihatkan keberkesanan selain rakyat memahami bahawa apa yang dilakukan dan dilaksanakan oleh kerajaan bukan atas dasar kepentingan bagi kerajaan negeri tetapi berkepentingan kepada rakyat dan rakyat menerima nikmat sama rata tanpa memikirkan perbezaan politik.

Tambahan pula, kerajaan Johor akan fokus kepada rakyat luar bandar seperti melaksanakan program bersama rakyat dengan penglibatan bersama kepimpinan tertinggi negeri untuk sentiasa turun padang bagi aktiviti yang diadakan bagi memberi penjelasan kepada rakyat tentang dasar dan aktiviti secara menyeluruh sehingga ke peringkat akar umbi.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN MOHD. IZHAR BIN AHMAD (LARKIN)
SOALAN B29**

Kredibiliti pengurusan sistem maklumat oleh agensi/jabatan kerajaan seperti sistem capaian maklumat dan laman sesawang yang tidak lagi beroperasi atau tidak dikemas kini adalah satu kegagalan yang perlu diambil perhatian serius. Apakah inisiatif kerajaan dalam menyelesaikan isu ini?

JAWAPAN YB TUAN TAN HONG PIN

Negeri Johor merupakan negeri yang tertinggi dari segi kekerapan pengemaskinian laman web selepas Sabah dan Sarawak, menurut perangkaan yang dikeluarkan oleh pihak Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri dalam Laporan Pemantauan Laman Web Agensi yang disediakan pada tahun 2018. Penilaian yang telah dibuat ke atas 35 buah laman web milik agensi-agensi kerajaan negeri seperti Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Pejabat Tanah dan Galian Johor, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor, Majlis Bandaraya Johor Bahru serta beberapa Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi-agensi lain adalah berdasarkan kepada 10 kriteria utama yang digariskan oleh MAMPU seperti hebahan makluman,berita, piagam pelanggan, sebut harga tender dan lain-lain paparan utama. Secara keseluruhan, negeri Johor telah mencapai markah 100%.

Kerajaan negeri melalui Bahagian Sains Teknologi dan ICT sentiasa peka dan memainkan peranan utama dalam mengemudi dan membudayakan penggunaan ICT dalam agensi-agensi kerajaan negeri dalam usaha untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan terhadap rakyat serta pemegang taruh. Sehingga kini, sebanyak 23 buah sistem telah dibangunkan bagi tujuan kegunaan agensi-agensi kerajaan negeri dalam urusan seharian mereka dan sebahagiannya turut membolehkan interaksi bersama pelanggan secara *real time*. Antara sistem-sistem utama yang mencapai jumlah pengguna tertinggi adalah Sistem Hasil Tanah Johor, *Johor Online Payment* dan Sistem Perumahan Johor. Sistem-sistem ini sentiasa dibuat penambahbaikan berdasarkan '*change request*' (permintaan perubahan) bagi menampung penambahan kefungsian dan mencapai tahap ketersediaan yang optimum. Berdasarkan rekod, sebanyak RM5.5 juta telah dibelanjakan pada tahun 2018 bagi tujuan pembangunan sistem dan *change request*. Selain itu, sebanyak RM735 ribu juga turut diperuntukkan dalam tahun yang sama bagi tujuan penyelenggaraan sistem secara berkala bagi memastikan kesemua sistem yang telah dibangunkan berfungsi dengan baik dan sempurna.

Selain daripada itu, kerajaan negeri juga turut menempatkan kakitangan yang secukupnya bagi Skim Perkhidmatan Sistem Maklumat di kesemua agensi kerajaan negeri, yang terdiri daripada Pegawai Teknologi Maklumat, Penolong Pegawai Teknologi Maklumat dan Juruteknik Komputer untuk melaksanakan peranan masing-masing bagi memastikan produktiviti kerja berada pada tahap yang maksimum dan segala pengemaskinian laman web agensi dibuat seberapa segera dalam tempoh yang ditetapkan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN MOHD. IZHAR BIN AHMAD (LARKIN)
SOALAN B30**

Kelemahan pengurusan tanah wakaf menyumbang kepada risiko gejala ketirisan yang merugikan rakyat mahupun negara. Apakah pelan perancangan kerajaan dalam memastikan pengurusan tanah wakaf dapat dilaksanakan dengan telus bagi memaksimumkan manfaatnya kepada kemajuan masyarakat dan negara?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

Pelan perancangan Majlis Agama Islam Negeri Johor dalam memastikan pengurusan tanah wakaf dapat dilaksanakan dengan telus bagi memaksimumkan manfaatnya kepada kemajuan masyarakat dan negara melalui:

- i. Pelantikan Nazir Khas dalam membangunkan tanah wakaf di negeri Johor contohnya melalui pelantikan PIJ.

Menawarkan kepada masyarakat untuk menyewa tapak wakaf secara sewaan sementara melalui kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Wakaf sehingga terdapat keperluan tanah tersebut untuk dibangunkan mengikut hujah wakaf yang telah ditentukan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN HAJI RASMAN BIN ITHNAIN (SEDILI)
SOALAN B31**

Apakah rancangan kerajaan negeri untuk membangunkan pekan Tanjung Sedili?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Pekan Tanjung Sedili ialah sebuah kawasan di daerah Kota Tinggi, Johor yang terletak di muara Sungai Sedili di pinggir Laut China Selatan iaitu kira-kira 40 kilometer dari bandar Kota Tinggi. Pekan Tanjung Sedili ini juga terletak bersebelahan dengan kawasan yang sedang rancak dibangunkan seperti hab minyak dan gas di Pengerang, Bandar Penawar dan Bio-Desaru.

lanya mempunyai potensi untuk dibangunkan sebagai sebuah kawasan pelancongan kerana mempunyai kawasan pantai dan persekitaran yang indah, sesuai untuk bermain sukan luncur air dan kaya dengan sumber makanan laut.

Justeru itu, merujuk kepada Rancangan Tempatan Daerah (RTD) Kota Tinggi 2020 yang telah diwartakan pada 21 Disember 2017, Kawasan sekitar Tanjung Sedili khususnya Sg Sedili Besar dan Sg. Sedili Kechil telah dirancang untuk dibangunkan bagi kemudahan sukan rekreasi air seperti memancing, 'river cruise' dan sebagainya.

Selain itu, Kg. Sedili Kechil akan berperanan sebagai pusat pembangunan kampung yang berasaskan pelancongan komuniti yang merujuk kepada aktiviti perikanan dan juga pusat pembangunan produk Industri Kecil Sederhana (IKS).

Kawasan-kawasan ini dilihat berpotensi untuk tujuan tersebut kerana aktiviti perikanan yang dijalankan oleh nelayan-nelayan dari kampung tersebut mampu menarik kedatangan pelancong. Kewujudan produk-produk IKS sedia ada yang dijalankan oleh penduduk tempatan juga memberi kelebihan kepada cadangan pembangunan produk IKS ini.

Merujuk kepada Pelan Transformasi Daerah Kota Tinggi yang disediakan oleh Pejabat Daerah Kota Tinggi, Kampung Tuan Seh akan dibangunkan sebagai Taman Tamadun Islam (TTI). Antara strategi utama bagi cadangan ini adalah seperti penubuhan jawatankuasa pemandu bagi menentukan hala tuju TTI yang bersepadu, memastikan tapak cadangan bagi TTI dapat disediakan secukupnya dan pusat tahfiz seluas kira-kira 20 ekar akan dibangunkan sebagai pemangkin utama kepada pembangunan TTI.

Oleh itu, rancangan pembangunan khususnya Kawasan Pekan Sedili dan sekitar akan meningkatkan ekonomi dan taraf hidup penduduk melalui penyediaan peluang pekerjaan melalui kajian-kajian yang telah dirancang sebagaimana yang termaktub dalam RTD Kota Tinggi 2020.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN HAJI RASMAN BIN ITHNAIN (SEDILI)
SOALAN B32**

Apakah pihak kerajaan ada perancangan untuk membangunkan pantai Jason Bay atau Teluk Mahkota di masa akan datang?

JAWAPAN YB CIK LIOW CAI TUNG

Untuk makluman Yang Berhormat ADUN Kawasan Sedili, pihak Majlis Daerah Kota Tinggi (MDKT) mempunyai perancangan untuk membangunkan pantai Jason Bay sebagai salah satu tarikan pelancongan di daerah Kota Tinggi yang dijalankan secara berperingkat-peringkat.

Pihak Majlis Daerah Kota Tinggi (MDKT) setakat ini telah menyediakan peruntukkan untuk kerja-kerja pembersihan kawasan dan pantai terlebih dahulu di samping menambah baik kemudahan asas serta memperbaiki gerai-gerai yang terdapat di pantai Jason Bay, Kota Tinggi, Johor.

Selain daripada itu, Tourism Johor juga banyak membantu dalam mempromosikan pantai Jason Bay ini sebagai salah tarikan pelancong domestik dengan menganjurkan sesi penggambaran dan rakaman dokumentari bersama pihak media elektronik (Program Moh Jalan-Jalan @ Negeri FM, RTM Negeri Sembilan) serta acara-acara berkaitan sukan pelancongan termasuklah pertandingan memancing anjuran syarikat Joran Bagus dan Program "Johor Volkswagen Swap Meet Camp 2018" pada tahun 2018 yang berjaya menarik penyertaan lebih daripada 320 pemilik kereta klasik Volkswagen Beetle dan Kombi berkumpul di pantai Jason Bay.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB PUAN CHEW PECK CHOO (YONG PENG)
SOALAN B33**

Nyatakan langkah-langkah yang telah atau bakal diadakan oleh JPS untuk mengelakkan kegiatan pencerobohan di sekitar Empangan Bekok dan Empangan Manong yang dikhuatiri mencemarkan sumber air mentah?

JAWAPAN YB TUAN DR. SAHRUDDIN BIN JAMAL

Beberapa langkah telah diambil ke arah mengelak pencerobohan Empangan Bekok dan Empangan Manong (dikenali sebagai Empangan Sembrong). Antaranya ialah telah memasang pagar keselamatan jenis *anti-cut anti-climb* pada bahagian-bahagian tertentu, dan juga memohon untuk merizabkan kawasan-kawasan empangan.

Bagi kerja memagar kawasan, memandangkan peruntukan yang besar diperlukan, ia akan dijalankan secara berperingkat berdasar kepada kemampuan kewangan yang ada. Manakala bagi proses perizaban, pihak Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (sebelum ini Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar) sejak awal Rancangan Malaysia ke-11 lagi telah menyediakan peruntukan untuk menjalankan kerja ukur terperinci bagi keperluan proses perizaban.

Beberapa mesyuarat melibatkan pelbagai pihak terutamanya Pejabat Tanah telah diadakan. Tindakan perizaban sedang diuruskan. Selain itu, permohonan untuk merizabkan kawasan empangan sebagai Kawasan Larangan dan Tempat Larangan (KLTL) telah dimajukan kepada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) untuk tindakan selanjutnya. Proses perizaban dan KLTL ini memerlukan masa untuk disiapkan kerana ia melibatkan langkah-langkah tertentu yang perlu diikuti. Setelah ia dirizabkan, tindakan susulan untuk membuat penguatkuasaan kepada pihak terlibat akan menjadi lebih berkesan, termasuk untuk melupuskan tanaman "haram" yang diusahakan.

Pengaruh, buah fikiran dan kerjasama YB Yong Peng juga dipohon untuk sama-sama membantu bagi mengelak pencerobohan ini. Sekiranya YB Yong Peng mempunyai sebarang cadangan dan buah fikiran, sila salurkan kepada Jurutera Daerah JPS Batu Pahat atau terus kepada Pengarah, JPS Negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB PUAN CHEW PECK CHOO (YONG PENG)
SOALAN B34**

Nyatakan apa rancangan Majlis Daerah Yong Peng yang boleh meningkatkan pengunjung ke Bazar Arena Warna, Ayer Hitam?

JAWAPAN YB TUAN TAN HONG PIN

Untuk makluman, Arena Warna adalah merupakan satu pusat jualan IKS dan cenderahati yang baru sahaja wujud di kawasan Ayer Hitam. Ianya menghimpunkan seramai 86 peniaga-peniaga melalui program penyusunan semula peniaga-peniaga di tepi jalan sekitar kawasan Ayer Hitam. Pihak Majlis Daerah Yong Peng (MDYP) telah mengadakan beberapa siri perjumpaan dan mesyuarat dengan peniaga-peniaga bagi meningkatkan pengunjung di kawasan Ayer Hitam melalui beberapa program telah dijalankan dan akan dilaksanakan seperti berikut :

- i. Mengadakan Karnival Arena Warna diadakan pada penghujung tahun 2018.
- ii. Mencetak Brosur untuk edaran dan promosi.
- iii. Mengadakan Majlis Pelancaran Jersey JDT pada awal tahun 2019.
- iv. MDYP mengadakan sesi '*Town hall*' pada awal tahun 2019. Program telah dihadiri oleh YB Chew Peck Choo iaitu Adun Yong Peng, penggiat-penggiat pelancongan, Jabatan Pelancongan Negeri Johor, Dewan Perniagaan Melayu Johor, pemimpin tempatan dan agensi kerajaan. Perbincangan untuk menambah baik Arena Warna telah dibincangkan secara terbuka pada masa '*Town hall*' tersebut.
- v. Program Lawatan pemandu-pemandu pelancong negeri Johor dan peniaga- peniaga di Arena Warna pada Bulan Februari 2019 bersama YDP dan warga MDYP.

Terdapat juga beberapa program yang sedang diusahakan. Antaranya :

- i. Penambahbaikan *Billboard* Arena Warna untuk lebih jelas dan kefahaman orang awam mengenai Arena Warna.
- ii. Penambahan Papan Tanda di tempat yang telah dicadangkan untuk lebih menonjol di mana letaknya Arena Warna.
- iii. Penambahbaikan infrastruktur dan keceriaan di kawasan Arena Warna.
- iv. Kursus perniagaan dan promosi bersama MOTAC dan KPDNKK.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB PUAN CHEW PECK CHOO (YONG PENG)
SOALAN B35**

Senaraikan mengikut nama projek, nama kontraktor, kos, tarikh mula dan tarikh siap masing-masing untuk setiap projek naik taraf, penyelenggaraan, pembaikan dan pembangunan yang telah dijalankan di tahun 2018 dan Januari hingga Disember 2019 oleh Majlis Daerah Yong Peng?

JAWAPAN YB TUAN TAN HONG PIN

Senarai projek adalah sebagaimana di **Lampiran B35**.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB PUAN CHEW PECK CHOO (YONG PENG)
SOALAN B36**

Nyatakan berapa kes strok di seluruh negeri Johor dari 2013 hingga Februari 2019 dan adakah kerajaan negeri bercadang membina satu *rehab centre* yang setaraf dengan Cheras *Rehab Centre* demi pemulihan yang sempurna untuk pesakit strok?

JAWAPAN YB TUAN DR. SAHRUDDIN BIN JAMAL

Sebanyak 17,114 kes strok dicatatkan di negeri Johor dari 2013 hingga Disember 2018. Pada masa ini kerajaan belum bercadang membina *rehab centre* yang setaraf dengan Cheras *Rehab Centre* kerana:

- i. Sejak 2008, telah diwujudkan dua Pusat Rawatan Perubatan Rehabilitasi di negeri Johor iaitu di Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru dan Hospital Sultan Ismail Johor Bahru.
- ii. Telah ada 5 orang pakar perubatan rehabilitasi bagi pesakit yang memerlukan perkhidmatan rehabilitasi termasuk kes strok.
- iii. Pusat rawatan ini dilengkapi dengan peralatan-peralatan pemulihan, klinik pesakit luar dan kemudahan wad bagi perawatan pesakit dalam.

Data kemasukan kes strok ke hospital-hospital negeri Johor 2013-2018 :

Tahun	Bilangan kemasukan kes strok
2013	2,779
2014	2,759
2015	2,879
2016	3,042
2017	2,806
2018	2,849
Jumlah	17,114

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB PUAN CHEW PECK CHOO (YONG PENG)
SOALAN B37**

Bilakah lampu isyarat di persimpangan Jalan Kota dan Jalan Aman, persimpangan Jalan Damai dan Jalan Aman akan dipasang memandangkan bilangan kemalangan yang melibatkan jalan-jalan tersebut semakin meningkat?

JAWAPAN YB TUAN TAN HONG PIN

Untuk makluman, perkara ini telah dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Lalu lintas Majlis Daerah Yong Peng (MDYP). Walau bagaimanapun, pihak MDYP mendapati belum ada keperluan lagi untuk memasang lampu isyarat di kawasan tersebut. Namun begitu, pihak MDYP akan menambah baik persimpangan tersebut dengan pembinaan perabot jalan seperti bonggol tambahan dan papan tanda amaran bagi meningkatkan keselamatan pengguna jalan raya yang akan dilaksanakan tidak lama lagi.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB DATUK IR. HAJI HASNI BIN HAJI MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN B38**

Minta dinyatakan langkah-langkah oleh Kerajaan Malaysia Baru dalam memperluaskan peranan Ahli Dewan termasuk peraturan-peraturan Dewan sebagai langkah untuk menggalakkan kebebasan bersuara?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Kebebasan sebenarnya mempunyai definisi yang luas kerana ianya merupakan sebuah laras yang penting dalam kehidupan terutamanya medium penyampaian melalui komunikasi yang merangkumi perbincangan dan pemberitahuan pendapat serta pandangan.

Johor mempunyai cara dan adab tersendiri dalam memerihalkan erti kebebasan terutamanya dalam konsep kebebasan bersuara. Dewan Negeri bukan merupakan sebuah medan lantang untuk memberikan kebebasan bersuara tanpa mempedulikan kedaulatan peraturan dan undang-undang. Tidak sama sekali di negeri Johor.

Sebagai makluman, semua Ahli Dewan Negeri mempunyai kebebasan bercakap dan berbahas sebagaimana yang dinyatakan di bawah Jadual Ke-8 Undang- Undang Tubuh Kerajaan 1895 dan tertakluk juga kepada Peraturan Tetap Bil. 45 Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap bagi Dewan Negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB DATUK IR. HAJI HASNI BIN HAJI MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN B39**

Minta dinyatakan sama ada dengan pembatalan projek seperti HSR serta projek oleh pihak swasta yang lembap telah menjejaskan peluang pekerjaan dan pembangunan industri rel? Maka apakah kaedah yang telah diambil oleh kerajaan untuk membangunkan pusat kecemerlangan industri rel dalam negara kita?

JAWAPAN YB TUAN DR. RAMAKRISHNAN A/L SUPPIAH

Seterusnya isu yang dibangkitkan oleh YB ADUN BENUT bagi isu pembatalan projek seperti HSR dan industri rel dalam negara kita. Untuk makluman, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah membuka langkah menerajui jalinan kerjasama industri rel bersama beberapa industri rel dan institusi pendidikan tinggi (IPT) lain dalam merealisasikan transformasi pengangkutan darat. Pusat kecemerlangan Industri-Rel (ICoE-Rel) yang ditubuhkan di bawah seliaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) untuk membantu transformasi pengangkutan kereta api yang beroperasi di kampus Pagoh, UTHM. Pusat ini akan menjadi platform utama untuk menjalin hubungan dan kolaborasi penyelidikan di peringkat nasional dan antarabangsa. Justeru itu, saya yakin dengan kerjasama erat daripada industri pengangkutan rel dalam negara dan antarabangsa ini akan berjaya meletakkan Malaysia sebagai hab pendidikan teknologi tinggi yang dinamis dalam bidang rel di peringkat antarabangsa di masa akan datang.

Kerajaan sentiasa mengambil berat setiap inisiatif yang melibatkan pembangunan industri dan modal insan di negeri ini, dengan adanya usaha ini, semoga ia menjadi suatu nafas baru dalam memberi transformasi kepada tren pengangkutan di sini. Bagi menuju ke arah pengangkutan mesra alam, maka industri-industri pengangkutan rel seharusnya di bangunkan dengan lebih serius.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB DATUK IR. HAJI HASNI BIN HAJI MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN B40**

Minta dinyatakan apakah rancangan kerajaan untuk menjayakan Pulau Kukup sebagai tapak Taman Negara Johor dan berapakah peruntukkan yang disediakan untuk mencapai matlamat tersebut?

JAWAPAN YB TUAN DR. SAHRUDDIN BIN JAMAL

Selain diwartakan sebagai Taman Negara Johor, Pulau Kukup merupakan salah satu tapak RAMSAR di Malaysia dan masih kekal status tersebut sehingga sekarang.

Bagi memastikan kelestarian Taman Negara Johor Pulau Kukup (TNJPK), Perbadanan Taman Negara (Johor) (PTNJ) meneruskan usaha-usaha dalam menjalankan 4 teras iaitu konservasi, penyelidikan, pendidikan dan ekopelancongan. Antara usaha-usaha yang telah dan sedang dilaksanakan adalah:

1. Perjanjian Kerjasama Penyelidikan bersama Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia (FRIM)

- PTNJ telah mewujudkan jalinan kerjasama bersama pihak Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia (FRIM) bagi aktiviti pembangunan kajian di TNJ Pulau Kukup dan TNJ Tanjung Piai.
- Kerjasama ini dimulakan dengan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) pada 11 Februari 2012. Kerjasama ini terus diperkukuhkan dengan menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) bagi tempoh lima (5) tahun pada 25 April 2015 sehingga 25 April 2020.
- Antara komponen dan bentuk kerjasama yang akan dilaksanakan melalui MOA ini adalah:
 - Kemudahan ruang pejabat penyelidikan di Pejabat Cawangan TNJPK dengan penempatan seorang Pegawai Penyelidik
 - Penubuhan Plot Kekal bagi penyelidikan jangka masa panjang meliputi kajian demografi, fenologi, sesaran tumbuhan, kemandirian, isi padu dirian hutan produktiviti dan kajian-kajian lain
 - Projek pemuliharaan in-situ dan ex-situ seperti pemuliharaan spesies bakau berus mata buaya. Satu plot konservasi bersaiz 10mx10m telah dibangunkan di TNJ Tanjung Piai. Sehingga kini sebanyak 50 anak benih telah disemai dan 30 daripadanya berjaya hidup.
 - Stesen kaji cuaca bersaiz 10mx10m telah dibangunkan di kawasan Kompleks Pelawat TNJPK. Pembangunan Stesen Kaji Cuaca dibangunkan menggunakan peruntukan Geran Kerajaan Negeri berjumlah RM 5,000 dan peralatan disediakan oleh pihak FRIM.

2. Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Sungei Buloh Wetlands

- Kerajaan Negeri Johor melalui PTNJ dan Kerajaan Singapura melalui Sungei Buloh Wetland Reserve (SBWR) telah menandatangani sebuah Memorandum

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

Persefahaman (MOU) pada 21 Februari 2018 bersempena Sambutan Hari Tanah Lembap Sedunia bagi melihat beberapa faktor penting terutamanya dalam perkongsian ilmu dan membangunkan ekopelancongan di TNJPK.

- MOU tersebut akan berakhir pada 20 Februari 2021 iaitu selama tiga tahun. Antara skop kerjasama adalah:
 - Menjadikan TNJPK dan Sungei Buloh Wetland Reserve sebagai *sister sites* di bawah *East Asian-Australasian Flyways*
 - Kerjasama dalam penyelidikan terhadap burung hijrah yang terdapat di kedua-dua kawasan
 - Saling mempromosikan kedua-dua kawasan sebagai kawasan penting bagi burung hijrah, *centre of excellence* bagi pengurusan kawasan tanah lembap

3. Aktiviti Konservasi, Kesedaran dan Pendidikan

- Menjalankan usaha-usaha penanaman semula bakau, *Mangroves Cleanup* melalui kolaborasi dengan institusi pendidikan, agensi awam dan swasta;
- Menyampaikan taklimat kesedaran awam atau ProKAS tentang kepentingan kawasan bakau dan Tapak RAMSAR di sekolah-sekolah serta di lapangan kepada orang awam yang melawat Pulau Kukup;
- Penganjuran aktiviti-aktiviti pendidikan bersempena Sambutan Hari Tanah Lembap Sedunia;
- Penganjuran aktiviti-aktiviti pendidikan bersempena Sambutan Hari Bumi;
- Menjalankan program bersama sekolah angkat (SK Andik Mori dan SK Seri Sinaran Chokoh) secara berterusan.

Bagi tahun 2018, sebanyak RM132,882.00 telah dibelanjakan melalui peruntukan bajet RJ5T bagi pelbagai projek menaik taraf kemudahan dan fasiliti di TNJPK.

PTNJ melalui IRDA juga telah menerima peruntukan daripada kerajaan persekutuan bagi Projek Peningkatan Kemudahan Pelancongan di Taman Negara Johor Pulau Kukup yang berjumlah RM6 juta. Projek ini telah dimulakan pada Julai 2015 dan lengkap sepenuhnya pada Disember 2016 dan dibuka kepada pelawat bermula Januari 2017. Antara komponen projek adalah sebagaimana berikut :

Kerja-kerja Menaik taraf :

1. Menaik Taraf Laluan Pejalan Kaki Sedia ada (150m)
2. Membina Kaunter Tiket
3. Membina Kedai Cenderamata
4. Membina 2 Unit Tandas Lelaki dan Perempuan

Kerja-kerja Membina Kemudahan Baru :

1. Membina Laluan Baru Pejalan Kaki (650m)
2. Membina Papan Tanda Pulau Kukup

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

3. Membina '*Covered Boardwalk*'
4. Membina 2 Unit Wakaf
5. Membina '*Floating Platform*'
6. Membina '*Pavilion*'
7. Membina '*Spiral Mangrove*'
8. Membina '*Interactive Mud Play*'
9. Membina Jeti Sungai Ular
10. Membina Pelantar Berongan

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB DATUK IR. HAJI HASNI BIN HAJI MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN B41**

Minta pendirian kerajaan negeri terhadap penggunaan ruang udara negeri Johor akibat pengoperasian Lapangan Terbang Seletar di Singapura yang mengganggu ruang udara berdekatan Pasir Gudang?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Ruang udara di kawasan Pasir Gudang merupakan ruang udara kedaulatan negara yang mana negara mempunyai hak mutlak ke atasnya selaras dengan perundangan antarabangsa di bawah **Article 1 of the Chicago Convention** dan **United Nations Convention on the Law of the Sea 1982**.

Kerajaan Malaysia tidak akan berkompromi dengan Singapura berkaitan isu penerbitan **Instrument Landing System (ILS)** dan **ILS Approach Procedure** bagi Lapangan Terbang Seletar, Singapura kerana sebahagian besar "jalan masuk" tersebut berada dalam ruang udara Kedaulatan Malaysia.

Kerajaan Malaysia juga berhak untuk mengeluarkan *Notice to Airmen* (NOTAM) bagi mengisytiharkan *Restricted Area* (RA) di kawasan Pasir Gudang sebagai kawasan ketenteraan meliputi ketinggian 2000 hingga 5000 kaki berdasarkan *Article 9 (Prohibited Area)* dan *Annex 2 (Rules of Air) to the Chicago Convention*.

Selain itu, dalam usaha mengambil semula pengurusan sebahagian ruang udara kedaulatan di Selatan Semenanjung Malaysia (Selatan Kuala Lumpur *Flight Information Region*) yang telah diwakilkan kepada Singapura melalui LOA 1974, satu mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Kementerian (*High Level Committee Meeting*) antara Malaysia dan Singapura telah ditubuhkan bagi membincangkan krisis ruang udara antara Malaysia dan Singapura.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB DATUK IR. HAJI HASNI BIN HAJI MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN B42**

Minta pendirian kerajaan negeri terhadap tindakan ahli-ahli politik yang menggunakan tempat ibadat seperti masjid untuk program ataupun ceramah politik?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

Surat daripada Jabatan Agama Islam Johor telah dikeluarkan pada tarikh 28 Mei 2018 bertajuk Larangan Kepada Mana- Mana Parti Politik Untuk Menggunakan Masjid Dan Surau Bagi Apa- Apa Jua Acara Atau Program Parti Politik.

Seterusnya surat bertajuk Kawasan Larangan Untuk Ceramah Politik Yang Tiada Kaitan Dengan Agama Islam Tanpa Kebenaran iaitu :

- 1) Masjid dan Surau Dalam Negeri Johor;
- 2) Sekolah- sekolah Agama dan Madrasah Dalam Negeri Johor;
- 3) Mana- Mana Tanah Wakaf Dalam Negeri Johor;
- 4) Mana- Mana Kawasan di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri Johor, Jabatan Agama Islam Negeri Johor, Jabatan Mufti Negeri Johor dan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN B43**

Senaraikan secara terperinci langkah-langkah kerajaan negeri mengawal kenaikan harga barang selepas pemansuhan GST?

JAWAPAN YB TUAN DR. RAMAKRISHNAN A/L SUPPIAH

Sebaik sahaja kerajaan mengumumkan GST pada kadar sifar diperkenalkan dan berkuat kuasa 1 Jun 2018, kerajaan negeri melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah melaksanakan tindakan bagi memastikan peniaga mematuhi GST berkadar sifar peratus (0%) dengan mengenakan harga yang berpatutan ke atas barangan keperluan agar tidak membebankan rakyat.

Kementerian juga sedar terdapat perubahan pada harga barangan di pasaran. Hasil pemantauan yang dibuat, perubahan harga yang berlaku adalah disebabkan oleh pelbagai faktor seperti permintaan dan penawaran, persaingan, cuaca, peningkatan kos termasuk kadar upah, bekalan negara pengeluar asal, nilai pertukaran mata wang, harga bahan mentah, komoditi serta tindakan peniaga yang disyaki mengambil keuntungan tinggi yang tidak munasabah. Sehubungan dengan itu, Kementerian telah mengatur beberapa langkah bagi menangani isu harga barang seperti berikut:

- i. melaksanakan penguatkuasaan tegas di bawah **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011** bagi mengawal pengambilan untung secara tidak munasabah oleh peniaga atau mencatut melalui **Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah) 2018** yang mula kuatkuasa pada **6 Jun 2018**;
- ii. melaksanakan tindakan penguatkuasaan pencatutan di bawah **OPS CATUT** yang telah dimulakan pada 1 Januari 2015 hingga kini meliputi **seluruh rangkaian pengedaran barangan dan perkhidmatan** di seluruh negara. Gerak gempur yang lebih agresif diteruskan bagi menangani isu kenaikan harga barangan secara tidak munasabah oleh pihak peniaga khususnya **sektor peruncitan bagi barangan dan perkhidmatan** melalui **Operasi Catut 4.0** bermula pada 1 Jun 2018 di seluruh negara. Statistik di Negeri Johor mencatatkan sebanyak 106,350 barangan telah dibuat pemeriksaan di 4,869 premis. 175 Aduan yang diterima dan 50 amaran telah di keluarkan kepada peniaga-peniaga;
- iii. mengeluarkan **Notis** di bawah **Seksyen 21 Akta** yang dikuatkuasakan dengan tegas ke atas mana-mana pihak yang didapati menaikkan harga secara mendadak dan ketara untuk mendapatkan penjelasan;
- iv. menguatkuasakan **Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1993** bagi mewajibkan peniaga meletak tanda harga ke atas barangan yang dijual atau mempamerkan senarai harga;
- v. menjalankan **pemantauan harga barangan keperluan asas secara berkala di seluruh negara** di bawah **Program Pemantauan Harga oleh Pegawai Pemantau Harga Kementerian**;

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

- vi. mengadakan libat urus (**engagement**) untuk memberi penjelasan, khidmat nasihat dan kerjasama peniaga dalam memahami dan mematuhi undang-undang. Ia bertujuan memastikan impak perubahan kadar GST 0% dapat memberi kesan yang positif kepada pengguna dan membolehkan pengguna mendapatkan harga barangan dan caj bagi perkhidmatan yang lebih rendah di pasaran; dan
- vii. menyediakan **pelbagai medium penyaluran aduan** bagi memudahkan rakyat mengemukakan aduan berkaitan isu harga untuk diambil tindakan oleh Kementerian.

Untuk makluman, kerajaan sentiasa peka dan berusaha untuk memberikan kesejahteraan kepada rakyat, khasnya dalam menangani isu kos sara hidup. Di antara yang dilaksanakan kerajaan termasuklah:

1. Mengadakan usaha sama dengan pengilang yang menjual barang-barang keperluan asas untuk menjual barang terus kepada pengguna tanpa melalui orang tengah sepertimana **Kempen Harga Patut**.
2. Menganjurkan program **“back to school”** di mana peralatan sekolah dijual dengan harga lebih rendah.
3. Melaksanakan **Skim Kawalan Harga Musim Perayaan**, yang mana pada 4 musim perayaan (Hari Raya Puasa, Tahun Baru Cina, Deepavali dan Krismas), kerajaan menetapkan harga siling sesuatu barangan.

Kementerian percaya dengan inisiatif yang berterusan melalui program serta tindakan penguatkuasaan bagi mengawal isu harga barangan akan dapat menangani tindakan peniaga yang cuba mengeksploitasi harga dan sekali gus mempertingkatkan kesejahteraan rakyat.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah melaksanakan kutipan data harga barangan keperluan pengguna sebelum dan selepas 1 Jun 2018. Kutipan data ini dilaksanakan oleh 100 orang Pegawai Pemantau Harga (PPH) bagi seluruh negeri Johor meliputi pemantauan harian terhadap 114 barangan, pemantauan mingguan bagi 253 barangan dan pemantauan secara bulanan sebanyak 417 barangan di 257 premis pasar basah, kedai runcit, *supermarket* dan *hypermarket* bagi mengesan sebarang perubahan harga barangan selepas pindaan kadar cukai barang dan perkhidmatan (GST) daripada enam (6) peratus kepada sifar (0) peratus.

Perubahan Harga Barangan Keperluan Pengguna

Bagi tujuan analisa perubahan harga sebelum dan selepas 1 Jun 2018, KPNDHEP Negeri Johor telah membandingkan harga bagi 417 barangan keperluan pengguna terpilih. Barangan ini terdiri daripada 6 kategori iaitu barangan segar, barangan kering, barangan berbungkus/tin/botol, minuman, makanan dan barangan bayi, dan barangan kebersihan. Daripada 417 barangan ini, sebanyak 195 berlaku kenaikan (47%) manakala sebanyak 210 berlaku penurunan (50%). Baki sebanyak 12 barangan dikenal pasti tidak berubah (3%)

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

417 barangan keperluan pengguna terpilih	195 berlaku kenaikan (47%)
	210 berlaku penurunan (50 %)
	12 tiada perubahan (3 %)

Berdasarkan tinjauan Kementerian ini, tidak dinafikan pelaksanaan GST sifar memberi kesan penurunan harga terhadap kebanyakan barangan di pasaran. Ketiadaan cukai 0% GST secara tidak langsung memberi impak positif ke atas beberapa jenis barang dan perkhidmatan seperti penurunan **harga kereta, penyewaan premis, penurunan harga di kedai-kedai serbaneka dan penghapusan 6% terhadap perkhidmatan perbankan.**

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN B44**

Senaraikan secara terperinci langkah-langkah oleh kerajaan negeri bagi memastikan semua bayi mendapat suntikan imunisasi?

JAWAPAN YB TUAN DR. SAHRUDDIN BIN JAMAL

Imunisasi merupakan proses melindungi bayi atau kanak-kanak terhadap penyakit yang boleh dicegah vaksin, dengan memberi suntikan vaksin kepada mereka. Vaksin mempunyai *antigen*, yang diperolehi daripada sebahagian atau keseluruhan struktur virus atau bakteria yang telah dimatikan atau dilemahkan. Ia berfungsi untuk merangsang sistem daya lawan jangkitan (sistem imuniti) tubuh terhadap jangkitan penyakit khusus.

Penyakit-penyakit yang dicegah melalui vaksin bagi bayi atau kanak-kanak adalah penyakit *Tuberculosis (Tibi)*, *Hepatitis B*, *Difteria*, *Pertussis*, *Tetanus*, *Polio*, *Measles (campak)*, *Mumps (Beguk)*, *Rubella*, *Haemophilus Influenza Type B* dan Penyakit *Human Papillomavirus*.

Sasaran aktiviti imunisasi adalah untuk sama ada menjalankan imunisasi terhadap **SEMUA** bayi atau kanak-kanak atau sekurang-kurangnya melindungi masyarakat melalui Imuniti Kelompok atau *Herd Immunity*. Imuniti kelompok adalah keadaan di mana agen jangkitan (kuman) tidak dapat tersebar di kalangan sesuatu kelompok masyarakat kerana sebahagian besar daripada anggota masyarakat tersebut mempunyai imuniti dan terlindung daripada penyebab jangkitan tersebut. Cara terbaik mencapai Imuniti Kelompok adalah melalui vaksinasi. Imuniti kelompok dapat dicapai sekiranya liputan imunisasi mencapai tahap 95% kumpulan sasaran.

Ke arah itu, Jabatan Kesihatan Negeri Johor berusaha dan berjaya memastikan liputan imunisasi mencapai tahap melebihi 95%. Di antara langkah yang diambil adalah:

1. Menyediakan perkhidmatan imunisasi di semua klinik kesihatan dan klinik desa di negeri Johor.
2. Semua bayi yang dilahirkan sama ada di hospital kerajaan mahupun swasta didaftarkan melalui klinik kesihatan di daerah berkaitan. Sekiranya bayi tersebut tidak dibawa ke klinik oleh ibunya, lawatan rumah akan dilaksanakan oleh anggota kesihatan.
3. Sistem *Personalized care* dilaksanakan oleh anggota kesihatan di mana setiap kawasan / zon dipertanggungjawabkan kepada anggota tertentu bagi tujuan mengesan keciciran / gagal temu janji suntikan bayi yang berdaftar.
4. Program *mopping up*, iaitu aktiviti memberi suntikan imunisasi kepada kumpulan-kumpulan tertentu yang masih belum di imunisasi.
5. Bagi ibu bapa yang enggan bayinya menerima suntikan, mereka akan dirujuk kepada Penjaja Jururawat / Pegawai Perubatan / Pakar Perubatan Keluarga untuk kaunseling. Penjelas tentang kepentingan imunisasi akan diberi supaya ibu bapa faham tujuan imunisasi.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

6. Tindakan promosi dan advokasi imunisasi dijalankan secara berterusan melalui ceramah, forum kesihatan dan poster di klinik-klinik untuk meningkatkan kesedaran kepentingan suntikan imunisasi dan bahaya penyakit yang dicegah vaksin.
7. Program khusus *Townhall session* kepada golongan yang tidak mahu menerima suntikan imunisasi juga turut diberikan. Perbincangan dengan golongan ini diadakan secara bersemuka agar segala kemusykilan tentang imunisasi dapat dijelaskan.

Tahap liputan imunisasi yang tinggi perlu dikekalkan bagi memastikan semua bayi dan kanak-kanak terlindung daripada penyakit merbahaya ini. Kerjasama semua pihak diperlukan, khususnya orang awam yang ingin mendirikan rumah tangga yang sihat dan selamat bagi anak-anak mereka.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN B45**

Senaraikan secara terperinci apakah inisiatif dan bantuan dalam bidang kemahiran yang disediakan kepada golongan belia?

JAWAPAN YB TUAN MOHD. KHUZZAN BIN ABU BAKAR

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah kendalian Kementerian Belia dan Sukan, terdapat **Institut Kemahiran Belia Tinggi Negara (IKTBN) di Pagoh** dan **Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) di Bandar Penawar** yang menawarkan pelbagai kursus seperti pemesinan, alatan dan acuan, kimpalan, mekanik industri, hospitaliti, serta perhotelan. Latihan dan hubungan industri turut diadakan bersama pemain industri utama setempat seperti RAPID Pengerang bagi menyediakan platform latihan kemahiran dan pengalaman dalam bidang minyak dan gas.

Dalam bidang keusahawanan pula, **program Youth Career (Y-Career)** akan terus diadakan buat tahun ke-2 di mana ianya memberi akses kepada belia miskin terutama di luar bandar mengikuti latihan kemahiran asas/ringan bersama majikan yang melibatkan bidang membaik pulih komputer, membaiki motosikal, membaiki penghawa dingin, penyediaan makanan, terapi kecantikan, jahitan serta industri yang berkaitan dengan pasaran pekerjaan setempat. Peserta perlu menjalani latihan bersama majikan/industri maksimum 40 jam bagi melayakkan mereka menamatkan latihan ini sebelum ditempatkan/memasuki pasaran pekerjaan.

Unit Strategik Modal Insan (SMI) Johor juga turut mengambil inisiatif dalam menyediakan latihan kemahiran, antaranya adalah:

- (i) **Program Johor Up skilling dan Reskilling** yang menyediakan peluang latihan antara 3 minggu hingga 4 bulan serta penempatan kerjaya. Program ini akan di laksana sebanyak dua (2) siri, iaitu Siri 1 pada bulan April hingga Julai dan terbuka kepada golongan belia yang mempunyai kelayakan minima UPSR, PMR/PT3, SPM dan sijil. Manakala Siri 2 pula akan diadakan pada bulan Jun hingga September dan terbuka kepada golongan belia yang mempunyai kelayakan minima diploma dan ijazah. Seramai 200 orang belia akan terlibat merangkumi bidang hospitaliti, pembuatan, kesihatan, pertanian, logistik, serta rekreasi / taman tema dan akan menerima pensijilan daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran Wilayah Selatan dan Badan-badan Profesional yang diiktiraf.
- (ii) **Program Perantisan melalui Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) Negeri Johor**, merupakan program kerjasama dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran Wilayah Selatan dan dibuka kepada golongan belia yang belum mempunyai sebarang sijil kemahiran. Program yang menyasarkan 100 orang belia dilaksanakan melalui kaedah pembelajaran teori di pusat latihan bertauliah (30%) dan praktikal di industri (70%) bagi membolehkan mereka memperolehi SKM Tahap 1 atau 2. Antara bidang tumpuan ialah perkhidmatan estetik, seni kecantikan, seni reka jahitan dan pelbagai lagi.
- (iii) **Program Kemahiran Pembangunan Insan Johor melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT)** yang dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

Pembangunan Kemahiran Wilayah Selatan. Program ini memberi peluang kepada pekerja mahir untuk memperoleh sijil kemahiran tanpa perlu mengikuti latihan atau sebarang ujian khas. Melalui program ini, lebih dari 200 orang disasarkan akan memperoleh sijil kemahiran dan diiktiraf berdasarkan piawaian standard untuk persijilan bagi tujuan peningkatan kerjaya dalam kalangan pekerja industri, yang merangkumi bidang kecantikan, elektrik dan elektronik, automotif, serta sistem maklumat.

- (iv) **Program Insan Johor @Kemahiran** pula menyasarkan golongan B40 dan melalui program ini peserta yang terpilih akan menghadiri kursus kemahiran teknikal di samping pengurusan kewangan. Setelah selesai kursus, peserta akan diberi bantuan dalam bentuk peralatan asas untuk memulakan perniagaan. Antara bidang yang ditawarkan adalah jahitan, gunting rambut, urutan tradisional dan kecantikan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN B46**

Apakah usaha dan perancangan untuk membangunkan semula tapak *Down Town* Parit Raja setelah premis perniagaan dirobohkan?

JAWAPAN YB TUAN TAN HONG PIN

Kawasan tapak *Ms Street Down Town* Parit Raja yang dimaksudkan adalah di atas tanah persendirian iaitu Lot PTD 10672 di mana pihak Majlis Perbandaran Batu Pahat telah diambil tindakan penguatkuasaan dengan merobohkan binaan tanpa kebenaran pada 07 Januari 2019.

Pemilik lot tersebut perlu mengemukakan permohonan pelan kepada pihak Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP) sekiranya ingin membangunkan tapak tersebut. Namun begitu, sehingga kini pihak MPBP masih belum menerima apa-apa permohonan pelan berkaitan dengan pemajuan yang hendak dilakukan oleh pemilik di atas tapak tersebut.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN B47**

Apakah status Masjid Ladang Sri Gading yang telah mendapat kelulusan kerajaan terdahulu?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

Berdasarkan semakan pihak Unit Penyelarasan Pelaksanaan Johor, tiada sebarang kelulusan yang telah diluluskan bagi pembinaan Masjid Ladang Sri Gading, Batu Pahat.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN B48**

Minta nyatakan perkembangan dan statistik jumlah lesen penjaja yang dikecualikan bayaran (sehingga Februari 2019) serta kawasan-kawasan perniagaan yang terlibat di bawah Majlis Daerah Kota Tinggi (MDKT)?

JAWAPAN YB TUAN TAN HONG PIN

Di Majlis Daerah Kota Tinggi (MDKT), sehingga Februari 2019, sebanyak 845 lesen penjaja yang diberikan pengecualian kadar bayaran lesen berjumlah "RM0.00" bermula 1 September 2018 seperti berikut :

Bil	Bilangan Lesen Sehingga Februari 2019								JUMLAH
	Pasar Malam				Penjaja (Bergerak)				
	Melayu	Cina	India	Lain-lain	Melayu	Cina	India	Lain-lain	
1.	625	165	5	15	17	14	3	7	845

Kawasan Terlibat :

1. Pasar Malam Taman Kota Jaya (Isnin dan Jumaat)
2. Pasar Malam Taman Sri Saujana
3. Pasar Malam Batu 9, Jalan Mawai
4. Pasar Malam Tg. Sedili (Rabu dan Jumaat)
5. Pasar Malam Jln Tun Sri Lanang, Bandar Tenggara (Setiap 9hb dan 20hb)
6. Pasar Minggu Taman Anggerik (Sabtu)

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN B49**

Minta nyatakan perkembangan terkini tentang projek perumahan mampu milik di Bandar Petri Jaya, Kota Tinggi di bawah pengurusan KEJORA, serta pendekatan kerajaan negeri bagi menyelesaikan masalah yang berbangkit?

JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD

Projek cadangan pembangunan perumahan mampu milik di Bandar Petri Jaya akan di mulakan tahun 2019 dengan peruntukan sebanyak RM10 Juta untuk pembangunan kerja-kerja infrastruktur.

Walau bagaimanapun, pada tahun ini (2019), peruntukan diperolehi sebanyak RM500,000.00 untuk kerja-kerja mendapatkan kelulusan kebenaran merancang terlebih dahulu daripada Pihak Berkuasa Tempatan Majlis Daerah Kota Tinggi.

Pada tahun 2020, kerja-kerja infrastruktur akan dimulakan dengan peruntukan RM9.5 Juta. Bagi pembangunan perumahan, KEJORA akan membangunkan pembangunan tersebut secara berfasa. Fasa pertama akan dibangunkan sebanyak 39 unit rumah daripada 189 lot kosong yang ada di Bandar Petri Jaya. Pembangunan perumahan tersebut akan dibangunkan pada tahun 2020.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN B50**

Minta nyatakan pendirian kerajaan negeri berkenaan penyerahan pentadbiran kawasan KEJORA kepada PBT, khususnya di kawasan Bandar Tenggara dan Bandar Petri Jaya, serta bagaimana kerajaan negeri mengatasi masalah yang wujud sepanjang berlakunya perkara ini?

JAWAPAN YB TUAN TAN HONG PIN

Penubuhan sebuah PBT yang baru di Pengerang iaitu Pihak Berkuasa Tempatan Pengerang yang mengambil alih kuasa-kuasa LBJT adalah merupakan inisiatif awal kerajaan negeri dalam memastikan pengurusan dan pentadbiran kawasan pembangunan Pengerang terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

Kawasan Pengerang sebagai hab petroleum dan gas memerlukan tadbir urus yang lebih efektif dalam memberikan perkhidmatan perbandaran melalui penubuhan sebuah PBT yang kompeten bagi menguruskan pembangunan kawasan perindustrian khususnya industri berat seperti PIPC bermula daripada pemprosesan pelan pembangunan sehingga kepada pengeluaran lesen perniagaan.

Penubuhan PBT Pengerang melibatkan perubahan sempadan kawasan Majlis Daerah Kota Tinggi dan Majlis Daerah Simpang Renggam yang melibatkan keseluruhan kawasan LBJT diletakkan di bawah pentadbiran PBT baru berikut :

Bil	Kawasan	PBT Baru
i.	Bandar Perani, Bandar Petri Jaya, Bandar Tenggara	Majlis Daerah Kota Tinggi
ii.	Bandar Mas, Bandar Penawar	Pihak Berkuasa Tempatan Pengerang
iii.	Bandar T6, Taman Sri Lambak	Majlis Daerah Simpang Renggam

Walaupun, perubahan sempadan ini menyebabkan MDKT mengalami penyusutan hasil pendapatan disebabkan pengecilan kawasan, namun proses persempadanan semula kawasan ini dilihat memberi implikasi positif dalam mengurangkan perbelanjaan MDKT. Di samping itu, kerajaan negeri juga membantu pihak MDKT melalui pemberian geran keseimbangan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN B51**

Minta nyatakan perkembangan terkini berkenaan projek Rumah Generasi Kedua FELDA di kawasan Parlimen Tenggara. Adakah masalah-masalah yang timbul telah diselesaikan oleh kerajaan negeri?

JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD

Status bagi keseluruhan projek PGBF dalam Wilayah Johor Bahru ialah seperti **Jadual 1 (Lampiran B51)**.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN B52**

Minta nyatakan serta perincikan bantuan kecemasan yang berbentuk wang tunai dan barangan bagi bantuan bencana alam, bencana buatan manusia dan bencana hibrid yang boleh diperolehi segera oleh mangsa di negeri Johor?

JAWAPAN YB CIK LIOW CAI TUNG

Kerajaan negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menyediakan skim bantuan bencana yang berlaku di negeri ini. Semua mangsa bencana akan menerima bantuan bencana seperti berikut :

1. Bantuan segera seperti pakaian, selimut, tikar, toto, kain pelikat, kain batik, baju T, bantal dan lain-lain kemudahan sama ada mereka tinggal di pusat pemindahan atau tidak.
2. Bantuan keluarga sekali gus sebanyak RM300.00 akan diberikan melalui peruntukan Panjar Wang Runcit Khas Negeri kepada ketua keluarga mangsa bencana. Bantuan ini diberikan kepada mangsa bencana seperti kebakaran, ribut dan tanah runtuh sahaja. Manakala, bantuan untuk mangsa banjir tertakluk kepada arahan dari NADMA / Pengerusi Bantuan Bencana Negeri / Daerah dan tiada kadar tetap diberikan. Pada kebiasaannya, bantuan yang diberikan adalah Bantuan Wang Ehsan sebanyak RM500.00 sekeluarga.
3. Bantuan Jangka Panjang juga akan diberikan seperti berikut :
 - 3.1. Kerosakan rumah 100% - RM3,000.00
 - 3.2. Kerosakan rumah 50% - RM1,500.00
 - 3.3. Kerosakan rumah bawah 50% - Bergantung kepada syor pegawai penyiasat.
 - 3.4. Peralatan dapur – RM300.00
 - 3.5. Dana Khas Bencana – RM1,000.00
 - 3.6. Bantuan kepada tuan rumah yang telah menyewakan rumah kepada mangsa sebanyak RM500.00 sekali gus.
4. Bantuan pengebumian sekiranya melibatkan kematian – RM300.00 seorang.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN DR. CHONG FAT FULL (PEMANIS)
SOALAN B53**

Sila senaraikan lokasi tanah-tanah milik SSI yang telah dicerobohi di Daerah Segamat dan apakah tindakan yang akan diambil?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Hartanah yang telah didaftarkan di atas nama Perbadanan Setiausaha Kerajaan Johor (SSI) di bawah seliaan Unit Pengurusan Perbadanan Setiausaha Kerajaan Johor (SSI) yang berada di daerah Segamat adalah berjumlah 6 lot dengan keluasan kira-kira 1,078 ekar. Walau bagaimanapun, 3 daripada 6 plot tanah tersebut telah pun diluluskan pajakan tanahnya bagi maksud pertanian.

Manakala baki tanah yang masih kosong kini telah dipohon dan di dalam proses pertimbangan serta rujukan kepada beberapa jabatan teknikal. Rujukan kepada jabatan teknikal ini perlu bagi mendapatkan ulasan dan cadangan kerana kawasan-kawasan yang dimaksudkan adalah tanah yang berisiko banjir serta tidak sesuai untuk dimajukan sebagai tanah pertanian.

Walaupun bagaimanapun, sekiranya tanah-tanah yang dimiliki oleh pentadbiran ini di ceroboh, tindakan penguatkuasaan akan dijalankan bersama pentadbiran tanah.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN DR. CHONG FAT FULL (PEMANIS)
SOALAN B54**

Sila senaraikan kilang-kilang industri yang mengitar semula bahan plastik dan komponen elektrik elektronik yang sah dan haram di Daerah Segamat dan Tangkak. Apakah tindakan yang akan diambil terhadap yang beroperasi secara haram?

JAWAPAN YB TUAN TAN HONG PIN

Adalah dimaklumkan bahawa, bagi daerah Tangkak, terdapat hanya sebuah kilang kitar semula plastik yang beroperasi atas nama Gambir Trading Sdn. Bhd. yang diberi lesen sementara sehingga 31 Disember 2018. Kelulusan pembaharuan lesen bagi tahun 2019 ditangguhkan kerana terdapat aduan penduduk sekitar dan kilang tersebut belum mematuhi syarat Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Manakala, terdapat enam (6) buah kilang kitar semula plastik dan barang logam berlesen dan sebuah kilang yang diberi permit sementara perniagaan kerana masih dalam proses mematuhi syarat-syarat teknikal agensi luar. Senarai kilang-kilang tersebut adalah seperti berikut :

Berlesen

1. Pengurus Segamat Yew Seng Plactic Trading Sdn. Bhd.
PLO. 139, Kawasan Perindustrian,
Jalan Genuang,
85000 Segamat
2. Chong Yean Li
PLO. 128, Kawasan Perindustrian,
Jalan Genuang,
85000 Segamat.
3. Lim Kah Chuan
Wah Cens Hardware Sdn. Bhd.
PTD 10064, Lot 41, Kawasan Perindustrian 2,
Jalan Labis,
85000 Segamat
4. Abdul Hamid Bin Mohammed Noor
Rainbow Metal Recycle Sdn Bhd
PTD. 4892, Jalan Kejuruteraan 2,
Kawasan Perindustrian 1,
85000 Segamat
5. Seah Kang Heo
Rainbow Metal Recycle Sdn Bhd
Lot. 4424, Jalan Buloh Kasap,
85000 Segamat.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

6. Abdul Hamid Bin Mohammed Noor
Lembah Daya Emas Sdn Bhd
Lot 10083, Kawasan Perindustrian Segamat 2,
85000 Segamat

Permit sementara

1. Lim Kah Chuan
Wah Cens Hardware Sdn Bhd
Lot. 4424, Jalan Buloh Kasap, 85000 Segamat

Bagi mana-mana premis yang beroperasi tanpa lesen, tindakan penguatkuasaan boleh diambil di bawah peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] bagi kesalahan menjalankan pemajuan tanah tanpa Kebenaran Merancang / Kebenaran Merancang Terhad (KMT).

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN DR. CHONG FAT FULL (PEMANIS)
SOALAN B55**

Apakah dasar kerajaan terhadap industri mengitar semula bahan plastik dan komponen elektrik elektronik?

JAWAPAN YB TUAN DR. SAHRUDDIN BIN JAMAL

Dimaklumkan bahawa berdasarkan bidang kuasa Jabatan Alam Sekitar, aktiviti kitar semula sisa plastik adalah tertakluk di bawah kehendak menjalankan Kajian Penilaian Kesan Terhadap Alam Sekeliling (EIA) di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015: Jadual Pertama, Aktiviti 14, Pengolahan dan Pelupusan Buangan (b) Sisa Pepejal: (ii) Pembinaan loji pulih guna atau loji kitar semula. Ketetapan ini adalah berkuat kuasa pada 22 Januari 2019 bagi premis atau kilang baru aktiviti kitar semula sisa plastik.

Bagi aktiviti kitar semula komponen elektrik dan elektronik pula adalah tertakluk di bawah kehendak menjalankan Kajian Penilaian Kesan Terhadap Alam Sekeliling (EIA) di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015: Jadual Pertama, Aktiviti 14, Pengolahan dan Pelupusan Buangan (a) Buangan Terjadual: (i) Pembinaan loji pulih guna luar tapak.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN DR. CHONG FAT FULL (PEMANIS)
SOALAN B56**

Apakah status pemilik tanah lot PTD5087, PTD5088, PTD5089, PTD5090 yang terletak di atas Forest City Golf Course Resort?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tanah-tanah yang dimaksudkan adalah merupakan tanah-tanah berhak milik yang terletak di Mukim Tanjung Kupang bagi tujuan pembangunan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN DR. CHONG FAT FULL (PEMANIS)
SOALAN B57**

Sila senaraikan pelabur yang sudah dikenal pasti melabur di Johor mengikut negara asal, bidang pelaburan, lokasi dan jumlah pelaburan sejak Jun 2018. Adakah kerajaan telah mencapai sasaran dan matlamat dasar 3H?

JAWAPAN YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE

Untuk menjadi sebuah Negeri Berekonomi Maju, negeri Johor memerlukan lebih banyak syarikat-syarikat tempatan bertaraf antarabangsa dalam industri berat berteknologi tinggi. Kerajaan perlu menarik lebih banyak pelabur asing untuk bertapak di negeri Johor bagi menghasilkan jentera, mesin, automobil dan barangan elektronik berteknologi tinggi.

Pada bulan Jun 2018, negeri Johor telah menerima pelaburan asing sebanyak RM656.103 juta manakala pada bulan Julai 2018, sebanyak RM18.952 bilion telah diterima melalui pelaburan asing. Untuk bulan Ogos sebanyak RM2.442 bilion telah dilaburkan oleh pelabur asing ke negeri Johor dan pada bulan September 2018, jumlah pelaburan asing yang telah melabur ke negeri Johor adalah sebanyak RM299.37 juta. Jumlah pelaburan asing yang telah melabur ke negeri dari Jun 2018 sehingga September 2018 adalah berjumlah RM22.32 bilion.

Sehingga September 2018, pelabur dari Australia telah melabur di industri plastik dan Kelengkapan Pengukuran dan saintifik yang berjumlah RM42.811 juta manakala pelabur dari Hong Kong pula telah melabur sebanyak RM74.080 juta di Industri Kayu dan Perkayuan. Bagi pelabur dari negara Belanda pula, mereka telah melabur sebanyak RM7.541 bilion di Industri Elektrik dan Elektronik dan pelabur dari Indonesia merupakan pelabur terbesar sehingga September 2018 di mana mereka telah menyumbang sebanyak RM8.416 bilion di industri petroleum.

Bagi pelabur dari negara Jepun, sebanyak RM719.126 juta telah dilaburkan sehingga September 2018 di mana industri-industri yang terlibat adalah Industri Makanan, Industri Kimia dan Produk Kimia, Industri getah, Industri mesin dan kelengkapan jentera, Industri Elektrik dan elektronik dan Industri Kelengkapan Kenderaan. Bagi negara Singapura yang terkenal dengan pelabur dan rakan niaga yang terbesar di Johor, pelabur dari Singapura telah melabur sebanyak RM448.514 juta di mana industri yang terlibat adalah Industri makanan, Industri Kayu, Industri Perabot dan Kelengkapan, Kimia dan Produk Kimia, Industri Getah, Industri Plastik, Industri Mineral Bukan Logam, Industri Besi yang dibentuk, Industri Mesin dan Kelengkapan dan Industri Saintifik dan Kelengkapan Pengukuran.

Kebanyakan pelaburan ini tertumpu di daerah Johor Bahru, Kulai, Pasir Gudang dan bagi industri melibatkan petroleum, ianya tertumpu di Pengerang. Ini kerana kawasan-kawasan industri ini dilengkapi infrastruktur yang lengkap dan juga jaringan jalan yang mudah ke pelabuhan dan lebuh raya amat diperlukan bagi pelabur dalam mengeksport produk mereka keluar negara. Berikut adalah senarai negara yang telah melabur ke negeri Johor sehingga September 2018:

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

NEGARA	Bilangan.	JUMLAH PELABURAN (RM)
Indonesia	1	8.416 billion
Belanda	1	7.541 billion
China	1	2,805 billion
Amerika Syarikat	6	2.360 billion
Jepun	7	719.13 juta
Singapura	30	448.51 juta
Taiwan	1	181.59 juta
United Kingdom	1	131.00 juta
Hong Kong	1	74.08 juta
Australia	2	42.81 juta
Switzerland	1	21.96 juta
Thailand	1	12.83 juta
British Virgin Island	1	7.40 juta
Filipina	1	3.65 juta
Finland	1	2.15 juta

Kerajaan negeri sedang memberi fokus industri berdasarkan '3H', iaitu *High-Technology, High-Value dan Halal Industry* (Teknologi Tinggi, Bernilai tambah tinggi dan Industri Halal) dan Industri 4.0. Tahun 2019 akan menjadi 'tahun pecutan' untuk negeri Johor dalam merealisasikan Johor sebagai 'Negeri Berprestasi Tinggi'. Kita perlu memberi penekanan kepada industri-industri ini kerana industri-industri ini merupakan industri penting di peringkat global dalam memacu negeri Johor sebagai Negeri Berekonomi Maju (*State Advanced Economy*). Kerajaan negeri sedang mencapai sasaran untuk mendapatkan pelaburan berasaskan 3H dan hasil pelaburan yang diterima, kebanyakan pelabur-pelabur asing ini merupakan pelabur berteknologi tinggi dan bernilai tinggi.

Pada masa ini, negeri Johor juga telah mengenal pasti industri halal sebagai sumber baharu pertumbuhan ekonomi berdasarkan kepada nilai pasaran halal global yang amat besar. Saiz pasaran ini akan terus berkembang berdasarkan peningkatan kesedaran dan permintaan kepada produk dan perkhidmatan halal daripada 1.8 bilion penduduk Islam dari seluruh dunia terutama di negara Jepun, Timur Tengah dan juga Eropah. Setakat ini, pencapaian prestasi pelaburan dalam sektor halal adalah memuaskan dan kerajaan negeri akan sentiasa mempergiatkan beberapa strategi yang berkaitan dengan Industri Halal di mana ianya melibatkan Penggalakan Industri Halal, Pemantauan Industri Halal serta Promosi Industri Halal yang akan dipergiatkan pada tahun 2019.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN IR. HAJI KHAIRUDDIN BIN A. RAHIM (SENGGARANG)
SOALAN B58**

Apakah langkah-langkah yang telah dilakukan oleh kerajaan bagi kes rumah terbengkalai dan dihuni tanpa mendapat “*certificate of fitness*” dan tiada kemudahan asas yang lengkap. Ini menimbulkan pelbagai kesan keselamatan dan kawalan vektor yang buruk seperti Taman Emas Suria, Batu Pahat?

JAWAPAN YB TUAN TAN HONG PIN

Adalah dimaklumkan, pihak Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP) akan bersama-sama membantu untuk memulihkan sesuatu projek yang terbengkalai. Pihak kontraktor penyelamat hendaklah mengemukakan permohonan kepada pihak MPBP bagi menyambung atau memulihkan projek yang terbengkalai melalui pihak Perunding yang dilantik. Bagi taman perumahan Taman Emas Suria, projek perumahan ini telah terbengkalai dan diambil alih oleh syarikat Perumahan Negara (SPNB) sejak tahun 2002. Pemaju asal iaitu Arch Realty Sdn.Bhd. telah digulingkan oleh Malaysian Building & Society Berhad (MBSB) pada tahun 2006 dan diletakkan di bawah pentadbiran Jabatan Insolvensi Malaysia (JIM) Cawangan Melaka. Projek ini masih tidak dikemukakan permohonan CFO kepada pihak MPBP.

Sehingga kini, tiada maklum balas oleh pihak SPNB terhadap status terkini projek ini.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN IR. HAJI KHAIRUDDIN BIN A. RAHIM (SENGGARANG)
SOALAN B59**

Statistik denggi negeri Johor dari 30 Dis 2018 hingga 9 Februari 2019 terdapat 1,458 kes. Pelbagai langkah telah dijalankan oleh pihak berkuasa seperti operasi mega denggi, combi, promosi kesihatan. Minta EXCO mendasari langkah-langkah intensif bagi mengurangi kes denggi yang tiada sudah penyelesaiannya?

JAWAPAN YB TUAN DR. SAHRUDDIN BIN JAMAL

Masalah penyakit denggi bukan semata-mata masalah di negeri Johor mahupun di Malaysia. Ianya merupakan masalah utama di lebih daripada 100 buah negara di seluruh dunia, khususnya di kawasan tropika dan sub tropika. Pelbagai faktor menyumbang kepada kesukaran menangani masalah ini dengan lebih cepat dan berkesan, termasuk:

- a) Faktor mobilisasi penduduk yang tinggi membantu membawa penyakit denggi dari kawasan denggi ke kawasan tiada denggi sehingga kawasan tersebut turut menjadi kawasan wabak denggi.
- b) Tingkah laku masyarakat yang suka membuang sampah merata-rata dan pengurusan sampah yang tidak teratur menyebabkan banyak kawasan atau tempat potensi pembiakan di negeri Johor. Masyarakat sendiri perlu peka tentang tanggungjawab mereka untuk sama-sama menyumbang kepada kawalan nyamuk aedes di kawasan mereka. Pembersihan di luar dan dalam premis amat penting dengan pemusnahan tempat-tempat berpotensi membiak nyamuk.
- c) Faktor sero taip virus denggi sendiri memberi kesan terhadap imuniti di kalangan masyarakat terhadap penyakit denggi.
- d) Faktor cuaca yang panas dan hujan juga secara tidak langsung menyumbang ke arah pembiakan nyamuk yang lebih tinggi.

Walau bagaimanapun, pihak Jabatan Kesihatan negeri tidak berputus asa untuk terus memastikan usaha-usaha pencegahan dan kawalan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Di antara langkah yang telah diambil oleh pihak Jabatan Kesihatan Negeri Johor bagi mengurangkan kejadian kes dan kematian akibat denggi adalah:

1. Memberi surat amaran (*Alert*) kepada pihak berkenaan

- pihak kerajaan negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan semua Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) di negeri Johor untuk meningkatkan aktiviti pencegahan dan kawalan denggi, TERMASUK aktiviti pembersihan persekitaran di kawasan-kawasan denggi.
- semua fasiliti kesihatan kerajaan dan swasta untuk berjaga-jaga di dalam pengurusan penyakit denggi, khususnya pengesanan kes dan rawatan awal.

2. Mesyuarat Jawatankuasa pengurusan penyakit denggi di peringkat negeri dan daerah. Ini termasuk:

- Mesyuarat Jawatankuasa Pasukan Petugas Khas Denggi peringkat negeri Johor pada 19 Februari 2019 yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Pengerusi

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian Negeri Johor. Mesyuarat ini dihadiri oleh semua agensi kerajaan yang berkaitan, agensi bukan kerajaan serta pasukan sukarelawan COMBI. Mesyuarat bertujuan untuk membincangkan isu-isu dan merangka strategi serta tindakan bersepadu yang perlu diambil untuk memastikan kes denggi mampu ditangani dengan lebih berkesan.

- Mesyuarat Pengurusan Wabak Denggi Peringkat Negeri Johor, yang dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam) diadakan 2 minggu sekali bagi mengenal pasti kelemahan dan perkara-perkara yang boleh ditambah baik di dalam kawalan denggi di kawasan wabak.
- Mesyuarat Pasukan Petugas Khas Denggi Daerah / Mesyuarat Tindakan Denggi Daerah, dipengerusikan oleh Pegawai Daerah, bertujuan memastikan tindakan bersepadu pengurusan denggi oleh semua agensi kerajaan, bukan kerajaan, sukarelawan, dan wakil komuniti di daerah.

3. Mobilisasi anggota di dalam aktiviti kawalan denggi

- Memandangkan daerah Johor Bahru mempunyai bilangan kes dan lokaliti wabak tertinggi di negeri Johor, pasukan bantuan dari daerah-daerah lain juga telah dimobilisasi ke daerah Johor Bahru dari awal tahun 2019 sehingga kini. Lanya melibatkan 9 pasukan bantuan daerah bagi membantu di dalam aktiviti kawalan denggi.
- Bekerjasama dengan pihak PBT di dalam membahagi kawasan kawalan denggi agar dapat memastikan tindakan kawalan yang menyeluruh di semua kawasan dilaporkan kes denggi.
- Menyediakan perkhidmatan *Outsourcing* kawalan dan pencegahan denggi (PCO) dan pekerja sambilan harian untuk membantu di dalam aktiviti kawalan di lapangan.

4. Aktiviti Penguatkuasaan

- Pemantauan premis di lapangan dijalankan bagi menguatkuasakan AKTA Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit (APSP) 1975. Sehingga 23 Februari 2019, sebanyak 100,499 premis telah diperiksa, 95 Perintah Notis (Seksyen 8) dan 465 kompaun telah dikeluarkan. Jumlah amaun kompaun yang telah ditawarkan sebanyak RM195,500.00.
- Pihak PBT turut membantu dengan menjalankan penguatkuasaan menggunakan Akta Kerajaan Tempatan berkaitan kebersihan persekitaran.

5. Aktiviti promosi, advokasi dan mobilisasi masyarakat

- Aktiviti promosi masalah penyakit denggi dijalankan di semua fasiliti kesihatan melalui ceramah-ceramah kesihatan, poster dan edaran risalah. Pameran kesihatan turut menyediakan maklumat denggi melalui program-program khas mahupun *Pit stop Dengue* yang disediakan daripada semasa ke semasa, khususnya di program-program gotong royong di lapangan.
- Promosi aktiviti pembersihan kesihatan melalui kempen S&D (*Search and Destroy*) ditingkatkan melalui agensi-agensi, kilang-kilang, pasukan sukarelawan COMBI dan masyarakat umum. Aktiviti ini bertujuan untuk mendapatkan penyertaan masyarakat

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

untuk turut sama membersihkan persekitaran luar dan dalam premis tempat tinggal atau tempat kerja masing-masing agar bebas dari tempat pembiakan nyamuk Aedes. Sehingga 23 Februari 2019, 151 aktiviti S&D telah dijalankan di seluruh negeri Johor yang melibatkan pelbagai pihak, di mana sebanyak 5,289 orang dianggarkan turut sama secara keseluruhannya. Selain itu sebanyak 461 aktiviti gotong royong COMBI telah turut dijalankan.

Namun begitu, kerjasama daripada orang ramai amat diperlukan bagi memastikan segala usaha yang diambil di dalam pencegahan dan kawalan denggi memberi impak sepatutnya. Usaha membersihkan kawasan dihalang oleh ketidakprihatinan masyarakat yang tidak memberi kerjasama di dalam menjaga kebersihan persekitaran di dalam dan di luar premis mereka. Malahan mereka terus menunjukkan tabiat pembuangan sampah yang buruk dan terus menyumbang kepada pembiakan Aedes di negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN IR. HAJI KHAIRUDDIN BIN A. RAHIM (SENGGARANG)
SOALAN B60**

Titik Fokus #48 menyebutkan sebanyak RM500 ribu diperuntukkan untuk Geran Pengoperasian Kawasan Rukun Tetangga di bawah Program Harapan Rakyat. Apakah status KRT yang ada yang telah dibentuk sejak zaman kerajaan BN yang lalu dan berapa kos peruntukan yang telah dibelanjakan?

JAWAPAN YB TUAN DR. RAMAKRISHNAN A/L SUPPIAH

Penubuhan awal Rukun Tetangga yang dikenali sebagai Skim Rukun Tetangga pada 29 Ogos 1975 diwujudkan di bawah Peraturan-Peraturan Perlu (Rukun Tetangga) 1975 di bawah Ordinan Darurat 1969. Pada awalnya ianya berfungsi untuk memastikan keselamatan kawasan kejiranan dalam menangani kejadian-kejadian yang menggugat perpaduan nasional pada ketika itu. Rancangan ini mempunyai hikmah yang besar dalam konteks pembangunan negara di mana rakyat sendiri memainkan peranan yang utama mengawal keamanan dan menjaga keselamatan. Dalam erti kata yang luas, Rukun Tetangga ini merupakan usaha positif memupuk perasaan tanggungjawab menanam perasaan muhibah serta menjamin perpaduan rakyat.

Selaras dengan perkembangan mutakhir termasuk program pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri dan Ordinan Darurat maka Akta Rukun Tetangga 2012 telah digubal dan dikuatkuasakan sejak 22 Jun 2012. Akta ini mengawal Pengoperasian dan Pengendalian Rukun Tetangga secara keseluruhan.

Rukun Tetangga memainkan peranan penting dan signifikan dalam memastikan kesejahteraan komuniti dan memelihara perpaduan di peringkat akar umbi. Peranan Kawasan Rukun Tetangga dalam menjaga keselamatan telah juga diperkasakan apabila Skim Rondaan Sukarela (SRS) diiktiraf dan di promosi sebagai salah satu pelaksana utama untuk meningkatkan keselamatan dan mencegah jenayah.

Sehingga 28 Februari 2019, terdapat **sebanyak 801 buah KRT dan 620 SRS** telah ditubuhkan di seluruh negeri Johor dengan pecahan mengikut daerah seperti berikut:

Bi I	Daerah	Jumlah Penubuhan KRT	Jumlah Penubuhan SRS
1	Johor Bahru	237	126
2	Kulai	81	52
3	Pontian	41	29
4	Batu Pahat	73	39
5	Kluang	73	51
6	Kota Tinggi	50	86
7	Mersing	36	58
8	Muar	112	126
9	Tangkak	35	36
10	Segamat	63	17
Jumlah Keseluruhan		801	620

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

Melalui Belanjawan Johor 2019, memupuk perpaduan rakyat dan meningkatkan tahap keselamatan adalah inisiatif dalam kesejahteraan rakyat. Kerajaan negeri menggalakkan penglibatan masyarakat secara langsung bagi memastikan persekitaran kehidupan rakyat di Johor yang selamat dan sejahtera. Antara inisiatif tersebut adalah Pemberian Geran Pengoperasian Kawasan Rukun Tetangga dengan peruntukan sebanyak RM500 ribu. Peruntukan ini akan diselaraskan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Johor.

Sehubungan dengan itu, pihak Jabatan telah merancang beberapa program/aktiviti dalam memastikan perbelanjaan peruntukan yang digunakan dapat memberi impak yang tinggi kepada komuniti secara keseluruhan. Antara program/aktiviti yang dirangka adalah **Program Pemerkasaan Rukun Tetangga Negeri Johor dengan anggaran perbelanjaan sebanyak RM320 ribu**. Peranan Rukun Tetangga terus diperkukuhkan untuk membantu kerajaan meningkatkan kesejahteraan komuniti melalui program transformasi yang dijalankan. Sebagai agen perpaduan di peringkat komuniti, Rukun Tetangga bertanggungjawab melaksanakan pelbagai program ke arah penyatuan masyarakat. Peranan dan tanggungjawab Rukun Tetangga adalah selari dengan misi kerajaan negeri Johor untuk Menerajui Perubahan - Menggalas Harapan Bangsa Johor Bestari.

Selain itu, **sebanyak RM60 ribu pula diperuntukkan untuk Program Pemerkasaan Jiran Muda**. Jiran Muda yang terdiri daripada golongan belia dalam kawasan komuniti merupakan salah satu tonggak utama kepada Jawatankuasa Rukun Tetangga dan mereka juga mempunyai peranan yang signifikan dalam mengharmoni dan mensejahterakan komuniti. Usaha ini di laksana untuk mengupayakan (*empower*) peranan Jiran Muda dan golongan ini wajar diberikan perhatian yang tinggi agar mampu mengembangkan potensi diri dan meneroka pembangunan diri. Secara tidak langsung ianya dapat menjadi platform dalam melahirkan golongan belia dan anak muda Johor yang akan menyumbang kepada negeri serta menjadi barisan pelapis kepimpinan negeri Johor pada masa depan.

Sebagai sebuah organisasi sukarela yang berkonsepkan sepenuhnya kesukarelawanan, peranan Rukun Tetangga dalam meningkatkan kesejahteraan rakyat perlulah diberi penghargaan dan pengiktirafan yang sewajarnya untuk meningkatkan lagi motivasi mereka. Sehubungan dengan itu, pihak Jabatan juga telah memperuntukkan **sebanyak RM120 ribu melalui Anugerah Kecemerlangan Rukun Tetangga**. Dengan pengiktirafan yang diberikan kepada warga Rukun Tetangga diharapkan agar mereka dapat memainkan peranan secara lebih berkesan bagi mencapai aspirasi kerajaan negeri untuk memelihara keharmonian dan meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Program Pemerkasaan Rukun Tetangga bermula tahun 2019 ini adalah untuk memastikan agar program/aktiviti yang dilaksanakan memberi impak yang tinggi kepada kumpulan sasar dan bukan bersifat *'touch and go'*. Kejayaan dan keberkesanan program/aktiviti sebegini adalah memerlukan kerjasama, sokongan dan komitmen yang tinggi daripada semua pihak.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN IR. HAJI KHAIRUDDIN BIN A. RAHIM (SENGGARANG)
SOALAN B61**

Titik Fokus #186, disebutkan tentang usaha kerajaan dalam Program Pengukuhan Perlombongan Sektor Mineral Negeri Johor. Apakah langkah kerajaan agar proses *handling mineral* tersebut tidak menjejaskan keselamatan rakyat termasuk kenderaan berat yang lebih muatan dan membahayakan rakyat?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Aktiviti perlombongan di negeri Johor adalah tertakluk kepada Enakmen Mineral Negeri Johor 2003 dan Peraturan-Peraturan Mineral Negeri Johor 2012. Adalah suatu yang tidak dapat dinafikan aktiviti perlombongan merupakan hasil galian kepada kerajaan negeri untuk kategori hasil bukan cukai. Ia merupakan sumber semula jadi di mana terdapat pelbagai mineral yang ada seperti Bijih Besi, Bijih Timah, Bauksit, Emas, Kaolin serta Pasir Silika khususnya di dalam negeri Johor. Namun demikian, kerajaan negeri sentiasa memberi penekanan agar aktiviti perlombongan ini tidak menjejaskan keselamatan rakyat dan juga kelestarian alam sekitar.

Antara langkah-langkah yang diambil adalah menubuhkan Jawatankuasa Pemantauan Mineral Negeri Johor yang dipengerusikan oleh Pengarah Tanah dan Galian Johor dengan turut disertai oleh Pentadbir-Pentadbir Tanah Daerah yang terlibat, Pejabat Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) Negeri Johor, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Johor, Bahagian Trafik Polis DiRaja Malaysia (PDRM) IPK Johor, Jabatan Kastam DiRaja Malaysia Negeri Johor, Jabatan Laut Malaysia Wilayah Selatan, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Johor, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Kerja Raya (JKR) serta beberapa jabatan/agensi lain. Dengan tertubuhnya jawatankuasa ini, isu-isu keselamatan termasuklah kenderaan berat yang membawa lebih muatan telah diberi perhatian.

Melalui mesyuarat-mesyuarat yang diadakan ini, penekanan sentiasa diberikan agar semua jabatan/agensi teknikal membuat pemantauan dan penguatkuasaan di bawah bidang kuasa jabatan/agensi masing-masing. Sebarang pelanggaran syarat kelulusan juga akan dimaklumkan kepada Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Johor bagi membolehkan tindakan lanjut diambil termasuk pembatalan atau tidak menyambung lesen-lesen yang telah tamat tempoh.

Di samping itu antara langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan bagi memastikan proses *handling mineral* tidak menjejaskan bukan sahaja keselamatan rakyat, tetapi juga alam sekitar, terutamanya bagi kerja-kerja penghantaran mineral bauksit adalah kerjasama penguatkuasaan antara jabatan/agensi penguat kuasa. Antara langkah dan tindakan yang telah dipersetujui adalah:

1. Menetapkan laluan pergerakan lori (*dedicated route*) dari kawasan perlombongan ke kawasan pemprosesan mineral dan seterusnya ke jeti persendirian. Lori tidak dibenarkan melalui laluan yang sibuk seperti kawasan sekolah, pasar dan perumahan awam.
2. Memastikan setiap lori yang membawa mineral, terutamanya bauksit mempunyai Borang 13D iaitu Dokumen Transit Bijih Mineral yang dikeluarkan oleh Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

3. Memastikan setiap lori yang digunakan untuk membawa mineral bauksit berdaftar dengan pihak PDRM bagi memastikan kenderaan mempunyai dokumen yang sah dan bagi memudahkan kerja-kerja pemantauan pergerakan lori yang membawa bauksit.
4. Dari masa ke semasa, pihak PDRM memantau bagi memastikan setiap lori bauksit dan lori-lori lain yang membawa bahan mineral serta batuan mematuhi had laju yang telah ditetapkan.
5. Memastikan lori membawa muatan mineral bauksit mengikut had muatan yang ditetapkan oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan muatan yang dibawa hendaklah ditutup dengan kanvas.
6. Menetapkan masa perjalanan lori di antara jam 7.00 pagi hingga 7.00 malam bagi memudahkan pemantauan pergerakan lori. Sekiranya pergerakan lori melebihi tempoh masa yang ditetapkan, kebenaran bertulis hendaklah diperolehi terlebih dahulu daripada Pejabat Pengarah Tanah dan Galian (PTG) Johor.
7. Memastikan semua lori memasuki *washing bay* terlebih dahulu sebelum keluar dari kawasan perlombongan mineral bauksit supaya lori dalam keadaan bersih dan tidak mengotorkan jalan raya.
8. Memastikan semua lori yang telah menghantar mineral bauksit di jeti persendirian dicuci terlebih dahulu sebelum keluar dari kawasan jeti persendirian tersebut. Di samping itu, kerja-kerja pembersihan jalan dilakukan di kawasan berhampiran dengan jeti persendirian untuk mengelakkan kesan habuk berterbangan di jalan raya.
9. Semua peraturan tambahan tersebut telah dimaklumkan kepada semua syarikat yang berkaitan di samping penguatkuasaan semua peraturan dan undang-undang perlombongan, alam sekeliling dan jalan raya sedia ada bagi menjamin keselamatan bukan sahaja rakyat, tetapi juga pekerja-pekerja syarikat itu sendiri.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN IR. HAJI KHAIRUDDIN BIN A. RAHIM (SENGGARANG)
SOALAN B62**

Bagaimana status cadangan untuk mengadakan alternatif sumber air yakni air bawah tanah selain air sungai yang selama ini menjadi permasalahan kepada rakyat?

JAWAPAN YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE

Semua loji rawatan air di negeri Johor mendapatkan bekalan air dari sungai dan empangan. Purata sumber air mentah yang diperlukan oleh 44 buah loji rawatan air ialah 1,787.40 juta liter hari (JLH). Bagaimanapun, sumber air bawah tanah merupakan sumber alternatif bagi loji rawatan air sedia ada. Berdasarkan kajian semasa, luahan air bawah tanah di negeri Johor tidak begitu banyak jika dibandingkan dengan negeri Kelantan. Mulai tahun ini, kerajaan Johor telah mula meneroka air bawah tanah dengan membina tiga (3) buah telaga tiub di FELDA Lok Heng bagi dibekalkan ke Loji Rawatan Air Lok Heng. Kadar luahan bagi ketiga-tiga telaga tiub tersebut ialah 0.9 juta liter sehari. Berdasarkan kepada reka bentuk kapasiti loji, kerajaan Johor perlu membina sekitar lima (5) hingga enam (6) bagi mendapatkan jumlah luahan air sebanyak 2.1 juta liter sehari bagi memenuhi keperluan loji tersebut iaitu sebanyak tiga (3) juta liter sehari.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN TEE BOON TSONG (SENAI)
SOALAN B63**

Mohon SOP pertukaran kakitangan kerajaan. (JCS)?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Pertukaran kakitangan merupakan salah satu fungsi Pengurusan Sumber Manusia yang penting. Pegawai akan dapat memberi perkhidmatan yang cemerlang sekiranya ditempatkan di jawatan yang bersesuaian dengan kompetensinya.

Dimaklumkan bahawa Pentadbiran Negeri telah pun menggunakan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2004 sebagai garis panduan pertukaran pegawai awam negeri Johor termasuk Pegawai Tadbir Negeri Johor (JCS).

Dalam melaksanakan garis panduan tersebut, pentadbiran negeri telah menetapkan urusan pertukaran dilaksanakan sebagaimana berikut:

- i. Menukarkan pegawai di suatu jawatan yang diklasifikasikan sebagai jawatan sensitif tidak melebihi 5 tahun.
- ii. Menukarkan pegawai di suatu jawatan yang diklasifikasikan sebagai jawatan bukan sensitif tidak melebihi 8 tahun.

Walau bagaimanapun, ada kalanya pertukaran perlu dilakukan dengan lebih kerap berikutan terdapat persaraan pegawai, kenaikan pangkat dan pewujudan jawatan-jawatan baru. Kekosongan di jawatan-jawatan yang terlibat perlu diisi segera dan ini akan mengakibatkan rombakan penempatan pegawai perlu dilaksanakan secara berangkai.

Di samping itu juga, pertukaran pegawai tadbir adalah perlu dilakukan bagi membantu memperkaya dan memperluas tugas kepada pegawai dan selanjutnya boleh menyumbang ke arah peningkatan produktiviti dan juga menambah serta mempelbagaikan pengalaman yang amat berguna untuk kemajuan kerjaya mereka.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN TEE BOON TSONG (SENAI)
SOALAN B64**

Permohonan statistik penerima Kad Sihat Johor pada tahun 2018?

JAWAPAN YB TUAN DR. SAHRUDDIN BIN JAMAL

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan negeri Johor telah bersetuju agar penerima Kad Sihat Johor bagi tahun 2018 terdiri daripada penduduk di bawah senarai Ketua Isi Rumah (KIR) e-Kasih di setiap daerah negeri Johor. Bantuan rawatan kesihatan juga dipanjangkan kepada semua Ahli Isi Rumah (AIR) yang berdaftar di bawah Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Johor. Seramai 3,754 penerima KIR e-Kasih telah mendapat Kad Sihat Johor pada tahun 2018 iaitu 508 penerima bagi daerah Johor Bahru, 320 penerima bagi daerah Muar, 746 penerima bagi daerah Batu Pahat, 97 penerima bagi daerah Segamat, 91 penerima bagi daerah Kluang, 608 penerima bagi daerah Pontian, 683 penerima bagi daerah Kota Tinggi, 283 penerima bagi daerah Mersing, 163 penerima bagi daerah Tangkak, dan 255 penerima bagi daerah Kulai.

Memandangkan Kad Sihat Johor mula diserahkan kepada penerima pada 29 September 2018, pemberian kemudahan di pro rata kepada tempoh bermula bulan September sehingga Disember 2018 iaitu sebanyak RM200.00 bagi setiap keluarga dengan jumlah RM50.00 bagi setiap rawatan di hospital atau klinik swasta. Pada tahun 2018, sebanyak 245 klinik di negeri Johor telah berdaftar sebagai klinik panel bagi Kad Sihat Johor. Jumlah keseluruhan tuntutan Kad Sihat Johor bagi tahun 2018 adalah RM55,681.00.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN TEE BOON TSONG (SENAI)
SOALAN B65**

Adakah kerajaan Johor akan meningkatkan amaun bulanan bantuan JKM?

JAWAPAN YB CIK LIOW CAI TUNG

Kerajaan negeri telah menyediakan bantuan kewangan bulanan iaitu skim Bantuan Am sebanyak RM200.00 seorang sebulan. JKM Negeri Johor telah membuat perbandingan antara negeri-negeri bagi kadar Bantuan Am seperti berikut :

Bil	Negeri	Kadar sebulan (RM)
1.	Selangor	250.00 300.00 350.00
2.	Johor	200.00
3.	Pahang	300.00
4.	Kedah	200.00 – 350.00
5.	Pulau Pinang	220.00 - 770.00
6.	Perak	150.00 – 250.00
7.	Negeri Sembilan	140.00 200.00 270.00
8.	Melaka	200.00 – 230.00
9.	Perlis	100.00 – 300.00
10.	Kedah	200.00 – 350.00
11.	Kelantan	150.00
12.	Terengganu	200.00 – 450.00
13.	Sabah	150.00 – 300.00
14.	Sarawak	200.00 – 300.00

JKM Negeri Johor juga telah menerima syor dan pandangan Jawatankuasa Pemeriksa Kira-Kira Raya Negeri Johor Bil 1/2019 yang telah bersidang pada 15 Januari 2019 dan memutuskan bahawa "Jawatankuasa juga mengambil maklum dengan cadangan pihak JKM agar kadar Bantuan Am negeri dinaikkan kepada RM300.00 sebulan berbanding RM200.00 ketika ini".

Sehubungan itu, pihak JKM akan merangka kertas permohonan kepada kerajaan negeri Johor untuk mempertimbangkan dan mengkaji semula kadar Bantuan Negeri yang diterima kini sebanyak RM200.00 sebulan kepada kadar baru yang difikirkan munasabah untuk dimuktamadkan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN CHEO YEE HOW (PERLING)
SOALAN B66**

Nyatakan keluasan tanah yang hasil dari penambakan laut mengikut lokasi masing-masing yang terkini?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Kerajaan negeri Johor ada meluluskan pemberimilikan tanah yang melibatkan kawasan perairan kepada individu, syarikat swasta dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC). Pastiya apa jua pembangunan yang hendak dilaksanakan di atas kawasan tersebut memerlukan aktiviti penambakan terlebih dahulu.

Berdasarkan rekod di Pentadbiran Tanah, keseluruhan kawasan yang telah diluluskan adalah seluas 2,718.615 hektar (6,717.84 ekar) melibatkan kawasan-kawasan di Tanjung Kupang, Pantai Lido (Danga Bay), Senibong, Sungai Melayu, Gelang Patah dan Pengerang. Kelulusan tersebut telah diberikan kepada Benalec Sdn Bhd, Country Garden Danga Bay Sdn Bhd, Country Garden Pacific View Sdn Bhd, R & F Development Sdn Bhd, Iskandar Waterfront Holdings, Berjaya VCTY, Front Concept Sdn Bhd, Perbadanan Setiausaha Kerajaan Johor (SSI), PIJ Holding Sdn Bhd, Kumpulan Prasana Rakyat Johor (KPRJ) dan Dialog Group.

Namun begitu tidak semua kawasan-kawasan ini telah dijalankan penambakan. Ianya hanya akan bermula sebaik sahaja Pelan Kerja Tanah dikemukakan dan diluluskan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan. Sehingga kini lebih kurang 278.58 hektar (678.51 ekar) sahaja yang telah ditambah iaitu di atas sebahagian kawasan yang telah diluluskan melibatkan pembangunan di Pengerang, Senibong, Tanjung Kupang, Danga Bay, Plentong, Stulang dan Pontian.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN CHEO YEE HOW (PERLING)
SOALAN B67**

Nyatakan isu-isu utama yang rakyat Johor mengambil perhatian dari hasil soal selidik oleh kerajaan negeri Johor untuk masa terkini?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Terkini, kerajaan negeri telah melaksanakan soal selidik bagi mendengar permasalahan dan kerisauan yang membelenggu rakyat. Kaji selidik yang dilaksanakan bersempena pembentangan Ucapan Belanjawan Johor 2019 yang lalu telah merumuskan enam (6) dapatan tertinggi iaitu:

1. Perumahan dan Infrastruktur Awam
2. Kos Sara Hidup
3. Pengangkutan Awam
4. Belia
5. Pendidikan, Modal Insan dan Kemahiran
6. Kesihatan

Keenam-enam perkara yang dinyatakan di atas diberi penekanan oleh kerajaan negeri dan turut disampaikan kepada kerajaan persekutuan untuk diberi perhatian yang sewajarnya bagi memastikan kesejahteraan rakyat.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN CHEO YEE HOW (PERLING)
SOALAN B68**

Nyatakan kadar rumah terbengkalai mengikut daerah dalam negeri Johor yang terkini?

JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD

Sebanyak 44 projek perumahan swasta telah disahkan terbengkalai di negeri Johor sepertimana peruntukan di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1966 [Akta 118].

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 35 projek atau 80% telah berjaya disiapkan atau diselesaikan. Manakala sebanyak lima (5) projek atau 11% sedang dalam pelbagai peringkat pemulihan / pembinaan dan baki empat (4) projek atau 9% sedang dalam perancangan awal pemulihan.

Pecahan perincian bilangan unit rumah dan jumlah pembeli adalah sepertimana Jadual 1 di bawah, manakala senarai projek perumahan swasta yang masih terbengkalai sehingga tahun 2018 adalah seperti di **Lampiran B68**.

Kerajaan melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa berusaha untuk mengadakan rundingan bagi membantu pemaju-pemaju perumahan mendapatkan jalan penyelesaian bagi semua isu-isu yang berkaitan dengan pihak agensi utiliti dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan bertindak sebagai pemudah cara (*mediator*) dalam mencapai kata putus agar projek berjaya disiapkan dengan memperoleh Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) atau Sijil Kelayakan Menduduki (CFO) seterusnya dapat diserahkan kepada pembeli-pembeli rumah tersebut. Langkah ini bertujuan untuk membantu pembeli-pembeli rumah dalam usaha untuk mendapatkan kembali rumah-rumah mereka.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN CHEO YEE HOW (PERLING)
SOALAN B69**

Senaraikan keluasan tanah untuk kesemua jenis tanaman yang diusahakan dalam negeri Johor?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan rekod dalam Sistem Hasil Tanah Johor, jumlah keluasan tanah dengan syarat nyata tanaman di seluruh Negeri Johor adalah seluas 1,170,276.4236 hektar. Keluasan tertinggi adalah tanaman Kelapa Sawit seluas 702,692.8235 hektar diikuti dengan tanaman getah 253,742.0688 hektar, dusun seluas 72,122.1208 hektar, Kelapa seluas 70,250.8457 hektar. Keluasan tanaman lain adalah sebagaimana perincian di **Lampiran B69 – KELUASAN TANAH DENGAN SYARAT NYATA TANAMAN MENGIKUT JENIS TANAMAN.**

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN YEO TUNG SIONG (PEKAN NANAS)
SOALAN B71**

Memohon pencerahan tentang pelaksanaan projek *transfer station* di tapak pelupusan Pekan Nanas. Bilakah masa projek tersebut akan bermula, tarikh tender, jumlah kos dan jangkaan masa siap?

JAWAPAN YB TUAN TAN HONG PIN

Tapak Pelupusan Pekan Nenas, Pontian merupakan tapak pelupusan bukan sanitari. Tapak ini telah beroperasi sejak tahun 1994 sehingga kini. Keluasan tapak sedia ada ini berukuran 5.26 hektar dan ianya telah menghampiri jangka hayatnya.

Oleh yang demikian, bagi mengatasi masalah ini dan juga aduan pencemaran *leachate* di kawasan sekitar, pihak kerajaan persekutuan melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara telah mengambil langkah mewujudkan Pusat Pemindahan Pekan Nenas. Projek ini akan dibangunkan di Lot 1336 dan Lot 1337 iaitu terletak bersebelahan tapak pelupusan sedia ada. Anggaran kos bagi projek ini adalah berjumlah RM14 juta dan dijangka mula dibina pada September 2019 dan dijangka siap sepenuhnya pada Julai 2023.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN YEO TUNG SIONG (PEKAN NANAS)
SOALAN B72**

Memohon pencerahan status Pulau Kukup. Adakah Pulau Kukup telah diwartakan sebagai Tanah Kesultanan dan bila tarikh Pulau Kukup diwartakan sebagai Tanah Kesultanan?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Selaras dengan ketetapan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Johor pada tahun 2018, keseluruhan tanah Pulau Kukup telah diwartakan semula sebagai Taman Negara Johor di bawah Enakmen Perbadanan Taman Negara (Johor) 1989. Proses pewartaan telah disempurnakan melalui Warta Kerajaan Johor Bilangan 317 pada Januari 2019.

Sehubungan itu, Pulau Kukup akan terus kekal digunakan sebagai Kawasan Taman Negara Johor akan dijaga serta dikawal selia oleh kerajaan Johor melalui Perbadanan Taman Negara Johor bagi menjadikannya sebuah produk pelancongan negeri Johor Darul Takzim.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN YEO TUNG SIONG (PEKAN NANAS)
SOALAN B73**

Senaraikan Tanah Kesultanan dan keluasan terkini yang telah digazetkan di bawah *Sultanate Lands Enactment 1934* serta tanah-tanah kesultanan dan luasannya pada tahun 1980, 1990, 2000 dan 2010.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Sultanate Land Enactment 1934 adalah satu peruntukan perundangan yang mengisytiharkan sesuatu tanah atau kawasan sebagai Tanah Kesultanan bagi menjaga kedaulatan negeri Johor. Tanah-tanah kesultanan yang telah diisytiharkan di bawah Seksyen 3, *Sultanate Land Enactment 1934*;

Johor Bahru	:	11 kawasan seluas 1,116.4811 hektar
Pontian	:	5 kawasan seluas 159.449 hektar
Batu Pahat	:	2 kawasan seluas 7.048 hektar
Kota Tinggi	:	2 kawasan seluas 1.152 hektar
Muar	:	6 kawasan seluas 4.5745 hektar
Kluang	:	1 kawasan seluas 1.734 hektar
Segamat	:	1 kawasan seluas 0.850 hektar
Tangkak	:	2 kawasan seluas 7.006 hektar
Mersing	:	10 kawasan seluas 13.3505 hektar

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN YEO TUNG SIONG (PEKAN NANAS)
SOALAN B74**

Memohon pencerahan tentang perkembangan Projek Pusat Petroleum Bersepadu Dan Taman Maritim serta siapakah pelabur yang berkomitmen dalam projek ini selepas 1 MY *Strategic Oil Terminal* telah digugurkan?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Projek penambakan laut bagi tujuan Taman Perindustrian Maritim Tg Piai "Tg Piai Maritime Industrial Park, (TPMIP) yang diusahakan oleh Spektrum Kukuh Sdn Bhd (SKSB) iaitu anak syarikat Benalec Sdn Bhd (Benalec) merangkumi kawasan seluas 3,485 ekar yang dibahagikan kepada tiga (3) fasa sebagaimana berikut:

- a) Penambakan TPMIP Fasa 1 berjumlah 1,080 ekar;
- b) Penambakan TPMIP Fasa 2 berjumlah 1,008 ekar;
- c) Penambakan TPMIP Fasa 3 berjumlah 1,411 ekar.

TPMIP akan ditambah secara berperingkat dan jangka masa penyiapan bagi setiap fasa untuk keseluruhan projek berkeluasan 3,485 ekar ini adalah tertakluk kepada permintaan komersial. Kerja-kerja penambakan laut telah pun dimulakan pada awal bulan Disember 2015 yang lalu dan setakat ini hampir dua ratus (200) ekar daripada kawasan dalam Fasa 1 iaitu Plot 1 telah ditambah. Kerja-kerja penambakan tambahan juga telah dilaksanakan bagi sebahagian kawasan yang telah ditambah iaitu di atas kawasan seluas 100 ekar dan kini sedang dalam tempoh menunggu bagi kawasan yang ditambah untuk mencapai tahap pengukuhan tanah ("*soil consolidation*") yang telah ditetapkan sebelum kerja-kerja membawa keluar surcaj dan kerja-kerja pembinaan struktur pencegah hakisan dapat diteruskan. Dengan kemajuan kerja yang telah ditunjukkan ini, sambutan yang diperolehi adalah lebih serius dan menggalakkan daripada pasaran dan pelabur dalam sektor petroleum.

Selepas 1 MY *Strategic Oil Terminal* digugurkan, terdapat banyak perkembangan baru yang sangat memberangsangkan bagi pihak Benalec, antaranya, baru-baru ini, Benalec telah menandatangani satu Memorandum Persefahaman yang melibatkan tiga pihak iaitu Benalec, sebuah syarikat konglomerat kewangan antarabangsa yang mendapat sokongan negeri, dan juga sebuah syarikat minyak utama terbesar dunia. Ketiga-tiga pihak ini sedang menjalankan kajian kemungkinan ("*feasibility study*") serta terikat dalam perbincangan secara eksklusif bagi tujuan membina kemudahan penyimpanan tangki pertama yang akan dibangunkan di Plot 1 iaitu 100 ekar pertama di TPMIP ini, dikenali sebagai Tanjung Piai Oil Terminal, (TPOT).

Syarikat konglomerat kewangan yang namanya tidak dapat didedahkan kerana tertakluk kepada syarat dalam Memorandum Persefahaman yang telah ditandatangani, akan menjadi pemegang saham majoriti projek TPOT, selain pengendalian serta penjenamaan juga adalah di bawah tanda dagangan syarikat ini. Syarikat minyak utama tersebut pula bercadang untuk menyimpan sehingga 1 juta meter padu (m³) minyak di TPOT yang akan dibina di atas Plot 1 TPMIP.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

Menjelang akhir tahun ini, sekiranya semua pihak mencapai persefahaman, satu syarikat usaha sama akan ditubuhkan di antara Benalec dan syarikat konglomerat kewangan dan syarikat usaha sama ini akan menjadi penyewa/pembeli kepada Plot 1 iaitu 100 ekar pertama tanah di TPMIP daripada SKSB. Syarikat usaha sama tersebut akan membina terminal penyimpanan cecair pukal di atas Plot 1 di TPMIP ini, bagi kegunaan syarikat minyak utama tersebut.

Selain itu, pemaju projek juga sedang giat berbincang dengan beberapa pihak pelabur yang berminat dari beberapa buah negara termasuk dari Singapura, China, Eropah dan juga UAE bagi plot-plot tanah lain di TPMIP. Dengan sambutan yang diperolehi, pemaju projek melalui Perbadanan Setiausaha Kerajaan Johor (SSI) telah mengemukakan permohonan untuk mewujudkan Zon Perdagangan Bebas (FCZ) dan Zon Perindustrian Bebas (FIZ) untuk TPMIP kepada pihak Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dengan harapan pewartaan TPMIP sebagai kawasan FCZ dan FIZ akan menarik minat lebih ramai pelabur dari seluruh dunia agar melabur di TPMIP.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN B75**

Sila senaraikan kadar premium bagi permohonan pembaharuan Tanah Kampung Baru dan Lesen Pendudukan Sementara (TOL) mengikut daerah di seluruh negeri Johor.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Pembaharuan tanah kampung baru melibatkan 2 jenis permohonan iaitu permohonan memperbaharui tempoh pajakan tanah bagi tanah-tanah yang telah luput tempoh pajakannya manakala permohonan melanjutkan tempoh pajakan adalah bagi tanah-tanah yang tempoh pajakannya masih berkuat kuasa dan ingin melanjutkan tempoh pajakannya kepada 99 tahun.

Kadar bayaran premium adalah mengikut sebagaimana ketetapan di dalam Kaedah-Kaedah Tanah Johor 1966 (Pindaan) (NO.1) 2004, JPU. 94 (premium). Kadar premium bagi kedua-dua jenis permohonan tersebut adalah berbeza. Bagi permohonan memperbaharui tempoh pajakan yang telah luput tempoh, kadar premiumnya adalah 15% daripada harga pasaran bagi tempoh pajakan 60 tahun 30% daripada harga pasaran bagi tempoh pajakan 99 tahun.

Bagi permohonan melanjutkan tempoh pajakan di mana pajakannya masih berkuat kuasa, kadar premiumnya adalah mengikut sebagaimana Ringkasan Mesyuarat Kerajaan Bil. 1627/2012 bertarikh 18 Julai 2012 dan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Johor Bilangan 1 Tahun 2012 di mana kadar premium yang dikenakan hanya ke atas Jumlah Tahun Tambah sahaja.

Manakala kadar bayaran yang dikenakan bagi permohonan Lesen Pendudukan Sementara di seluruh negeri Johor adalah sebagaimana ketetapan dalam Jadual 6 Senarai IV – Bayaran Lesen Pendudukan Sementara Kaedah-Kaedah Tanah Johor 1966 (Pindaan)(No.1) Tahun 2004 bertarikh 16.12.2004.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN B76**

Sila senaraikan jumlah dan penerima peruntukan yang telah diberikan kepada persatuan belia di negeri Johor bagi tahun 2018.

JAWAPAN YB TUAN MOHD. KHUZZAN BIN ABU BAKAR

Untuk makluman Yang Berhormat, tiga (3) buah pertubuhan belia telah menerima peruntukan bantuan di bawah Jabatan Belia dan Sukan Negara mahupun Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor untuk melaksana program dan aktiviti bagi tahun 2018 seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1: Senarai Pertubuhan Belia Yang Menerima Peruntukan Bantuan Aktiviti Tahun 2018

BIL.	PERTUBUHAN BELIA	PROGRAM / AKTIVITI	JUMLAH PERUNTUKAN
1.	Majlis Belia Daerah Kota Tinggi	Program Jelajah Semarak Merdeka MBDKT 2018	RM5,000.00
2.	Persatuan Belia (MBFM) FELDA Taib Andak	Program Tautan Mahabbah Medium Transformasi Tahun 2018	RM5,000.00
3.	Majlis Belia Daerah Kluang	Liga Sukan Untuk Semua Daerah Kluang	RM7,600.00

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN B77**

Nyatakan bilangan pesalah rasuah yang telah diambil tindakan dan hukuman mengikut pecahan jabatan, agensi sepanjang tahun 2018.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman YB Tangkak, sepanjang tahun 2018, 188 orang telah disiasat oleh SPRM Negeri Johor di mana seramai 94 orang daripadanya melibatkan penjawat awam dari pelbagai agensi persekutuan dan negeri di Johor. Daripada jumlah tersebut, seramai 64 orang telah ditangkap atas pelbagai kesalahan di bawah bidang kuasa Suruhanjaya ini.

Daripada jumlah 94 orang yang telah disiasat, seramai 9 orang daripadanya telah mendapat arahan tuduh yang mana 2 daripadanya telah dituduh di Mahkamah, manakala 7 orang lagi dalam proses untuk pertuduhan. Sejumlah 23 orang lagi telah disyorkan Laporan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (LSPRM) bagi tujuan tindakan tatatertib diambil oleh jabatan yang berkenaan, 4 orang lagi telah dikenakan surat nasihat/teguran kepada jabatan, manakala siasatan ke atas 4 orang lagi telah ditutup kerana tiada unsur kesalahan rasuah telah berlaku.

Siasatan ke atas 54 penjawat awam masih lagi dalam tindakan siasatan oleh SPRM Negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN B78**

Sila senaraikan keluasan tanah kosong milikan kerajaan negeri mengikut daerah.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Berdasarkan guna tanah semasa negeri Johor, guna tanah dikategorikan kepada 2 bahagian iaitu Tepu Bina dan Bukan Tepu Bina.

Merujuk kepada sumber Plan Malaysia – Kajian Rancangan Struktur Negeri Johor 2030 jumlah keseluruhan guna tanah Tepu Bina melibatkan keluasan 190,665.77 hektar tanah iaitu 9.93% negeri Johor yang terdiri daripada pembangunan perumahan, perdagangan, industri, institusi dan kemudahan awam, infrastruktur dan utiliti, pengangkutan, tanah lapang dan rekreasi.

Manakala jumlah keseluruhan guna tanah Bukan Tepu Bina melibatkan keluasan 1,730,219.23 hektar iaitu 90.07% negeri Johor yang terdiri daripada pembangunan pertanian, **tanah kosong**, badan air dan hutan. Jumlah keseluruhan **tanah kosong** di negeri Johor adalah seluas 42,555.74 hektar iaitu lebih kurang 2.22% dan belum ada data atas pecahan guna tanah mengikut daerah-daerah di negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN B79**

Sila nyatakan jumlah Pelaburan Langsung Asing (FDI) ke negeri Johor sepanjang tahun 2018. Senaraikan pelaburan tersebut mengikut sektor.

JAWAPAN YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE

Sehingga September 2018, negeri Johor telah menerima Pelaburan Langsung Asing (FDI) sebanyak RM22.78 bilion.

Berikut adalah pelaburan langsung asing (FDI) mengikut sektor industri. :

Industri	Jumlah Pelaburan Asing (RM)
Produk Petroleum (termasuk petrokimia)	11.221 bilion
Produk Elektrik & Elektronik	8.070 bilion
Kimia dan Produk Kimia	2.548 bilion
Peralatan Pengangkutan	314.348 juta
Produk Plastik	89.808 juta
Produk Besi Dibentuk	149.232 juta
Pengilangan Makanan	17.352 juta
Produk Bukan Logam	77.463 juta
Perabot & Kelengkapan	59.00 juta
Kayu & Produk Kayu	77.282 juta
Mesin & Kelengkapan	52.717 juta
Produk Getah	69.782 juta
Saintifik & Kelengkapan pengukuran	31.159 juta
Produk Besi Asas	2.145 juta

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN HAJI AYUB BIN HAJI JAMIL (RENGIT)
SOALAN B80**

Minta penjelasan bilangan Rumah Mampu Milik Johor / rumah mampu biaya Johor yang telah siap dibina dan diserahkan kunci kepada pemohon yang berjaya sepanjang tahun 2018. Nyatakan pencapaian tersebut mengikut bulan dan daerah.

JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD

Rumah Mampu Milik Johor / Rumah Mampu Biaya Johor yang telah siap dibina pada tahun 2018 adalah sebanyak 2,035 unit dengan pecahan mengikut daerah adalah sebagaimana berikut:

DAERAH	SIAP PEMBINAAN TAHUN 2018
JOHOR BAHRU	893
KULAI	110
MUAR	0
BATU PAHAT	444
KLUANG	125
SEGAMAT	74
TANGKAK	0
KOTA TINGGI	233
MERSING	156
PONTIAN	0
JUMLAH	2,035

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

Bagi pemohon yang berjaya menerima kunci adalah sebanyak 2,002 pemohon berdasarkan laporan individu yang menuntut Baucar RM1,000 sepanjang tahun 2018.

DAERAH	JUMLAH INDIVIDU YANG MENUNTUT BAUCER RM 1,000 (SEHINGGA 31 DISEMBER 2018)
JOHOR BAHRU	1,242
KULAI	69
BATU PAHAT	194
KLUANG	219
SEGAMAT	196
MUAR	14
TANGKAK	13
PONTIAN	55
JUMLAH	2,002

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN HAJI AYUB BIN HAJI JAMIL (RENGIT)
SOALAN B81**

Minta penjelasan pencapaian manifesto Kerajaan Pakatan Harapan, program kad sihat Johor sehingga 31.12.2018. Nyatakan bilangan penerima dan peruntukan terlibat mengikut daerah.

JAWAPAN YB TUAN DR. SAHRUDDIN BIN JAMAL

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan negeri Johor telah bersetuju agar penerima Kad Sihat Johor bagi tahun 2018 terdiri daripada penduduk di bawah senarai Ketua Isi Rumah (KIR) e-Kasih di setiap daerah negeri Johor. Bantuan rawatan kesihatan juga dipanjangkan kepada semua Ahli Isi Rumah (AIR) yang berdaftar di bawah Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Johor. Seramai 3,754 penerima KIR e-Kasih telah mendapat Kad Sihat Johor pada tahun 2018 iaitu 508 penerima bagi daerah Johor Bahru, 320 penerima bagi daerah Muar, 746 penerima bagi daerah Batu Pahat, 97 penerima bagi daerah Segamat, 91 penerima bagi daerah Kluang, 608 penerima bagi daerah Pontian, 683 penerima bagi daerah Kota Tinggi, 283 penerima bagi daerah Mersing, 163 penerima bagi daerah Tangkak, dan 255 penerima bagi daerah Kulai.

Memandangkan Kad Sihat Johor mula diserahkan kepada penerima pada 29 September 2018, pemberian kemudahan di pro rata kepada tempoh bermula bulan September sehingga Disember 2018 iaitu sebanyak RM200.00 bagi setiap keluarga dengan jumlah RM50.00 bagi setiap rawatan di hospital atau klinik swasta. Pada tahun 2018, sebanyak 245 klinik di negeri Johor telah berdaftar sebagai klinik panel bagi Kad Sihat Johor. Jumlah keseluruhan tuntutan Kad Sihat Johor bagi tahun 2018 adalah RM55,681.00.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN HAJI AYUB BIN HAJI JAMIL (RENGIT)
SOALAN B82**

Minta JPS menyenaraikan projek penggalian semula dan pembersihan sungai dan parit yang telah dilaksanakan di kawasan DUN Rengit sepanjang 2018. Nyatakan nama sungai atau parit, panjangnya dan kos terlibat.

JAWAPAN YB TUAN DR. SAHRUDDIN BIN JAMAL

Projek pembersihan sungai dan parit yang telah dilaksanakan pada 2018 dalam DUN Rengit ialah sepertimana berikut yang melibatkan peruntukan keseluruhan sebanyak RM1.1 juta.

Pelaksanaan Kerja Pembersihan Sungai dan Parit Tahun 2018 dalam DUN Rengit

i) Skim Rengit

Bil.	Tajuk Kerja	Harga (RM)
1	Kerja Mengali & Membersih Sg Punggur (JLN. BESAR - HULU) sepanjang 8,000m	71,300.00
2	Kerja-kerja menggali dan membersihkan Parit sri Baharom (Kuala-Hulu) serta kerja-kerja berkaitan	53,000.00
3	Kerja-kerja Menggali dan membersihkan Sungai Perpat (Kuala-Hulu) sepanjang 10,600m	56,920.00
4	Menggali semula parit Sg Punngur Kecil sepanjang 2,400m di Mukim 11	14,100.00
5	Menggali semula Pt. Lintang (Punggur- Mengkudu) sepanjang 1,300m di Mukim 11	5,120.00
6	Menggali semula Parit Lintang (Perpat - Sg. Rengit) sepanjang 4,660m di Mukim 11	19,490.00
7	Menggali dan mendalamkan BHL D (Pt. Abas-Sg. Merlong) sepanjang 50m di Mk. 12	19,629.00
JUMLAH		239,559.00

ii) Skim Tampok

Bil.	Tajuk Kerja	Harga (RM)
1	Kerja-kerja menggali dan membersihkan Pt. Jambi (Jalan Besar-Hulu) sepanjang 6,000 Meter	55,000.00
2	Kerja-kerja menggali dan membersihkan Sungai Bagan (Kuala-Hulu) sepanjang 15,000m	76,450.00
3	Menggali semula parit bagi Pt. Daeng Paglar dan Pt. Kedidi sepanjang 4,260m di Mk.12	17,900.00
4	Menggali semula parit bagi Pt. Daeng Machening dan Pt. Cheribon sepanjang 3,500m di Mk.12	14,850.00
5	Menggali semula Pt. Jayadi sepanjang 2,740m di Mk.12	11,586.00
6	Kerja-Kerja membaiki benteng pantai pecah	18,840.00
7	Kerja-kerja membaiki benteng pantai pecah	17,350.00
8	Kerja-kerja membaiki benteng pantai pecah	15,950.00
9	Menggali dan membersihkan pt. Tengah Sri Aman (AC Line-hulu) sepanjang 2,960m di MK. 12	18,468.00
10	Menggali dan membersihkan pt. Besar (AC Line-hulu) sepanjang 2,950m di MK. 12	18,410.00
11	Menggali dan membersihkan Pt. Lapis Sri Ladang (CD4-BHLD) sepanjang 2,550m di MK. 12	16,445.00
12	Menggali dan membersihkan Sg. Kluang Darat (AC-Hulu) sepanjang 3,280m di MK. 12	19,176.00
13	Kerja-kerja membaiki benteng pantai pecah	8,855.00
JUMLAH		300,425.00

Kerja - Kerja Undi Peruntukan Menteri Besar

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

Bil.	Tajuk Kerja	Harga (RM)
1	Kerja - Kerja Menyelenggara Dan Membaikpulih Jalan Ladang Bagan ke Belahan Tampok, Rengit	40,000.00
2	Kerja-kerja menggali semula dan membersihkan Sg. Berong (Kuala -Pt. Abd. Rahman)	38,400.00
JUMLAH		78,400.00

Kerja Sebutharga Peruntukan Menteri Besar

Bil.	Tajuk Kerja	Harga (RM)
1	Kerja - Kerja Menyelenggara Dan Membaikpulih Jalan Ladang Jalan Pt. Banjar, Rengit	75,870.00
2	Kerja - Kerja Menyelenggara Dan Membaikpulih Jalan Ladang Jalan Pt. Lintang/Tongkang, Rengit	50,580.00
3	Kerja - Kerja Menyelenggara Dan Membaikpulih Jalan Ladang Jalan Pt. Lapis Sri Bahrum/Jln, Rengit	47,828.00
5	Kerja-kerja menggali semula dan membersihkan parit BHL D serta kerja-kerja berkaitan di Tampok, Rengit	103,750.00
6	Kerja-kerja menggali semula dan membersihkan parit keliling (Gate Rengit - Sg. Tampok) Rengit	93,542.88
7	Kerja-kerja menggali semula dan membersihkan parit keliling (Pt. Botak - Sg. Rengit)	110,664.00
JUMLAH		482,234.88

JUMLAH **1,100,618.88**

Bagi kerja-kerja yang dilaksanakan oleh JPS Batu Pahat pada awal hingga pertengahan 2018 dalam DUN Rengit dianggap berada dalam pengetahuan YB kerana ia berkaitan dengan cadangan atau pelancaran pelaksanaan projek yang juga melibatkan YB sendiri.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN HAJI AYUB BIN HAJI JAMIL (RENGIT)
SOALAN B83**

Minta penjelasan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Majlis Perbandaran Batu Pahat, JKR Batu Pahat dan PDRM membantu menyelesaikan isu kesesakan berpanjangan sepanjang Jalan Rahmat dari Simpang Rantai hingga ke RHB Bank.

JAWAPAN YB TUAN TAN HONG PIN

Adalah dimaklumkan, Jalan Rahmat di antara bulatan Simpang Rantai sehingga ke persimpangan Simpang Empat lampu isyarat Jalan Rahmat atau Jalan Zabedah adalah terdiri daripada jalan dua hala dan setiap sehalanya mempunyai dua lorong. Manakala bagi Jalan Rahmat daripada persimpangan empat lampu isyarat sehingga ke hujung di jalan persimpangan tiga Jalan Rahmat atau Jalan Syahbandar adalah jalan sehalanya yang terdiri daripada tiga lorong dan di "*parking*" di kiri dan kanan jalan.

Jalan Rahmat ini secara puratanya mempunyai lebar 50 kaki dan jika mengikut kelebaran yang ada dan bilangan lorong ianya sepatutnya mencukupi bagi menampung isi padu kenderaan yang melalui jalan tersebut.

Namun apa yang berlaku di Jalan Rahmat terdapat banyak institusi kewangan yang menjadi tumpuan orang ramai untuk berurusan. Terdapat sesetengah pengguna yang meletakkan kenderaan secara "*double parking*" kerana hendak berada dekat dan senang berurusan dengan institusi tertentu. Kawasan meletak kenderaan sebenarnya mencukupi sekiranya pengguna sanggup untuk "*parking*" agak jauh dan perlu berjalan kaki sedikit.

Pihak Majlis Perbandaran Batu Pahat akan mempertingkatkan lagi kekerapan penguatkuasaan bagi memastikan pengguna tidak sewenangnyanya meletakkan kenderaan sehingga kadangkala jalan 3 lorong menjadi tinggal hanya satu lorong dan menyebabkan kesesakan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN HAJI AYUB BIN HAJI JAMIL (RENGIT)
SOALAN B84**

Minta penjelasan laporan kajian semula Pelan Projek Pemulihan Infra Saliran Projek Johor Barat dapat dibentangkan untuk rakyat Johor Barat.

JAWAPAN YB TUAN DR. SAHRUDDIN BIN JAMAL

Kajian semula Pelan projek Pemuliharaan Infra saliran Projek Johor Barat belum lagi dapat dilaksanakan kerana melibatkan peruntukan yang besar memandangkan kawasan Johor Barat adalah luas iaitu hampir 360 Ribu Hektar. Untuk makluman, Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Johor Barat yang dimulakan pada 1973 dan siap di laksana pada 31 Disember 1999 telah diserahkan oleh YB Menteri Pertanian Malaysia (bagi pihak Kerajaan Persekutuan) kepada YAB Menteri Besar Johor (bagi pihak Kerajaan negeri Johor) pada 19 Julai 2001.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB DATO' HAJI ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)
SOALAN B85**

Berapakah jumlah peruntukan yang disediakan oleh pihak kerajaan bagi program pembersihan sungai dan parit sepanjang tahun?

JAWAPAN YB TUAN DR. SAHRUDDIN BIN JAMAL

Peruntukan negeri kepada JPS bagi tahun 2019 bagi kesemua kerja penyelenggaraan, termasuk pembersihan sungai dan parit ialah RM35.650 juta; iaitu antara RM1.5 juta ke RM5.5 juta bagi setiap daerah, bergantung kepada keluasan kawasan dan keperluan dari masa ke semasa. Peruntukan ini sebenarnya memang tidak mencukupi berbanding bilangan dan panjang sungai dan parit yang ada dalam negeri Johor. Namun kerajaan negeri hanya dapat menyalurkan peruntukan berdasarkan kepada kemampuan dan hasil tahunan yang diperolehi.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB DATO' HAJI ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)
SOALAN B86**

Kebanyakan kilang-kilang haram mempunyai bekalan elektrik dan juga air. Adakah pihak kerajaan mempunyai alternatif bagi mengatasi masalah kewujudan kilang-kilang haram dengan mengadakan persefahaman dengan pihak TNB dan SAJ?

JAWAPAN YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE

JAWAPAN RANHILL SAJ

Bagi pihak Ranhill SAJ sendiri, melalui jabatan penguatkuasaan kami sentiasa peka dan memantau masalah kilang yang mendapatkan bekalan air secara haram.

Bagi kilang-kilang yang dikenal pasti menggunakan air secara haram, tindakan akan di ambil berdasarkan Akta Industri Perkhidmatan Air di bawah Seksyen 123 yang menyatakan apabila pengguna disabitkan kesalahan, pesalah boleh didenda tidak melebihi RM100,000.00 atau penjara selama setahun atau kedua-duanya sekali.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB DATO' HAJI ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)
SOALAN B87**

Permainan tradisional telah disemarakkan sepanjang 5 tahun yang lalu. Adakah ianya menjadi program utama kerajaan hari ini?

JAWAPAN YB TUAN MOHD. KHUZZAN BIN ABU BAKAR

Permainan tradisional tetap akan diteruskan biarpun kita sekarang di zaman globalisasi. Permainan tradisional ini akan menjadi pemangkin kepada seluruh rakyat Johor agar menghargai dan menghidupkan kembali permainan tradisional ini supaya tidak luput ditelan zaman.

Untuk makluman, pada tahun ini (2019) festival permainan tradisional telah diberi peruntukan sebanyak RM250,00.00 (RM: Dua Ratus Lima Puluh Ribu Sahaja) untuk meneruskan program ini yang melibatkan permainan gasing pangkah, congkak, batu Seremban, sepak raga bulatan, yoyo cina (diabolo) dan kabaddi. Permainan ini melibatkan pelajar sekolah rendah dan menengah seluruh daerah di negeri Johor.

Acara festival permainan tradisional yang dipertandingkan adalah seperti berikut :-

BIL.	KATEGORI	PERMAINAN
1	Sekolah Menengah	Batu Seremban Congkak Gasing Pangkah Sepak Raga Bulatan Yoyo Cina (Diabolo) Kabaddi
2	Sekolah Rendah	Batu Seremban Congkak Yoyo Cina (Diabolo)
3	Terbuka	5. Dam Aji

Penambahbaikan telah dilaksanakan dengan melancarkan logo Festival Permainan Tradisional Negeri Johor kali ke-4 Tahun 2018 pada 18 November 2018 (Ahad) untuk memperkukuhkan penjenamaan permainan tradisional ini.

Juga, sudut 'Mari Mencuba' diadakan untuk menghidupkan suasana melalui corak permainan tradisional yang lebih bersifat interaktif seperti baling guli, baling tin, baling selipar, capteh dan ceper.

Program ini sudah menjadi acara tahunan kerajaan negeri yang menggalakkan semua pelajar dapat mempelajari permainan tradisi di negara Malaysia. Program ini, juga memberi dorongan yang kuat kepada generasi muda kerana diadakan dalam bentuk pertandingan. Proses latihan oleh tenaga yang mahir akan dapat melahirkan generasi muda yang berpengetahuan mendalam terhadap seni permainan tradisional. Program ini amat baik

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

kerana mendapat sokongan dan kerjasama dari Jabatan Pendidikan Negeri Johor melalui peranan kesemua Pejabat Pendidikan Daerah di negeri Johor.

Permainan tradisional ini menjadi teras kepada kerajaan negeri Johor bagi melahirkan generasi yang kenal seni budaya ke arah inovasi kreatif. Permainan tradisional juga memberi impak yang baik untuk generasi menggunakan masa terluang dengan berfaedah. Selain itu, dapat memberi keyakinan diri, keterampilan sebagai sebuah pasukan, berdisiplin dan sikap bekerjasama.

Jumlah penglibatan keseluruhan di peringkat negeri adalah seramai 976 orang mengikut pecahan seperti berikut:

- i. Penglibatan Guru dan Pelajar - 924 orang
- ii. Penglibatan Pengadil - 52 orang

Untuk makluman, selain festival permainan tradisional yang melibatkan pelajar sekolah, pada 3 November 2018 telah diadakan Program Permainan Sukan Rakyat di Parit Maimon, Batu Pahat. Program ini bertujuan menyemarakkan seni permainan tradisional di kalangan penduduk setempat. Acara yang terlibat adalah tarik upih, tarik tali, jalan tempurung, terompah gergasi, tiup tepung, anyaman ketupat, memancing botol, memancing ikan puyu dan bola sepak berkain batik. Program ini telah mendapat kerjasama daripada Pusat Khidmat Masyarakat DUN Semerah, Komuniti Taman Sri Sulung, Komuniti Parit Yusop, Komuniti Parit Maimon, Komuniti Parit Muhammad dan Komuniti Parit Lapis Maimon.

Permainan tradisional ini tetap diangkat oleh kerajaan negeri untuk menjadi acara tahunan dalam kalender aktiviti selain program yang dirancang dalam aktiviti belia dan sukan. Barangkali, sudah sampai masanya kita mengangkat permainan tradisi ini ke peringkat yang lebih tinggi seperti SUKMA, Sukan Sea dan Sukan Asia. Jika dilihat kepada negara yang menganjurkan Sukan Sea telah memasukan acara sukan tradisinya menjadi salah satu acara untuk pungutan pingat emas.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB DATO' HAJI ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)
SOALAN B88**

Adakah pihak kerajaan mempunyai satu garis panduan kelayakan IPTA atau IPTS untuk kriteria pemilihan kakitangan yang ditemu duga, setelah mengambil kira kewujudan IPTS yang terlalu banyak pada hari ini?

JAWAPAN YB TUAN DR. RAMAKRISHNAN A/L SUPPIAH

Lazimnya, di pihak industri, proses pengambilan dan pemilihan kakitangan adalah berbeza mengikut jenis syarikat iaitu syarikat asing dan tempatan. Justeru itu, Unit Strategik Modal Insan mengambil langkah proaktif dengan meningkatkan kolaborasi di antara pihak Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan industri bagi melahirkan graduan yang memenuhi keperluan industri serta menyelesaikan masalah graduan yang tidak mempunyai pekerjaan. Pengambilan dan pemilihan sumber manusia merupakan fungsi yang paling mencabar dalam pengurusan sumber manusia. Cabaran ini semakin ketara selari dengan perubahan yang berlaku terutamanya tahap pendidikan. Menyedari hakikat ini, pihak unit SMI dalam usaha memperkasakan jalinan kerjasama strategik antara IPT awam mahupun swasta dan pihak industri yang merangkumi aspek pembangunan kurikulum, kerjasama pintar, penempatan latihan industri serta sidang dialog universiti-industri dapat membuka laluan kepada banyak kebaikan bagi kedua-dua pihak. Perubahan pantas dalam industri di era globalisasi ini, program akademik yang ditawarkan haruslah relevan dengan keperluan semasa dan perubahan dalam sesuatu lapangan industri.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB DATO' HAJI ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)
SOALAN B89**

Penerokaan dan pencerobohan tanah. Adakah pihak kerajaan hari ini mengambil kira kekurangan kakitangan yang boleh membuat pemantauan aktiviti penerokaan dan pencerobohan haram oleh pihak yang tidak bertanggungjawab?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Secara umumnya, aktiviti penguatkuasaan Pentadbiran Tanah Johor adalah melibatkan kesalahan-kesalahan di bawah Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 sebagaimana berikut:-

- i. Seksyen 425 – Pencerobohan Tanah Kerajaan
- ii. Seksyen 426 – Pemindahan Bahan Batuan secara tidak sah
- iii. Seksyen 127 – Pelanggaran syarat nyata

Di samping itu juga, Pihak Berkuasa Negeri Johor juga telah bersetuju agar pegawai-pegawai di Pentadbiran Tanah Johor turut diberi kuasa untuk melaksanakan aktiviti penguatkuasaan bagi kesalahan-kesalahan di bawah Enakmen Mineral (2003) Negeri Johor.

Kerajaan negeri sentiasa memberi perhatian kepada keperluan Pentadbiran Tanah Johor dalam melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan. Di samping berusaha memastikan pengisian perjawatan yang telah pun diluluskan, fokus juga diberikan untuk memastikan pasukan penguat kuasa dibekalkan dengan kenderaan, peralatan dan teknologi terkini yang dapat membantu pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan. Sebagai contoh pada tahun 2018, kerajaan negeri melalui Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor telah pun membekalkan 2 buah kenderaan SUV, 2 buah *scrambler* dan 13 unit *drone*.

Di samping itu, bagi meningkatkan keberkesanan pemantauan ke atas tanah-tanah kerajaan khususnya bagi tanah-tanah yang dirizabkan untuk tujuan tertentu, peringatan sentiasa diberikan kepada jabatan/agensi yang bertanggungjawab menyelenggara tanah-tanah rizab tersebut supaya sentiasa mengambil tindakan proaktif bagi memastikan tanah-tanah terlibat digunakan sebagaimana tujuan ia dirizabkan di samping mengambil tindakan awal atas apa jua aktiviti pencerobohan yang berlaku.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN B90**

Apakah status pembinaan jejantas di persimpangan Taman Sam Hoe - Kampung Paya (FT050/56/400) yang mempunyai kadar kemalangan maut yang tinggi? Projek ini telah dimajukan oleh Jabatan Kerja Raya pada tahun 2014 dan dimasukkan do dalam RMK-10. tetapi tidak tersenarai?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

Projek yang dinyatakan tidak tersenarai di dalam senarai projek pelaksanaan RMK-10 kerana hasil siasatan di lokasi oleh Pakar Kejuruteraan Jalan Dan Jambatan Cawangan Jalan JKR Malaysia mendapati lokasi tersebut tidak sesuai dan memenuhi kriteria untuk di bina jejantas.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN B91**

Apakah program kemahiran untuk orang OKU yang sedia ada di negeri Johor dan berapa ramai orang OKU yang manfaat daripada program berkenaan?

JAWAPAN YB CIK LIOW CAI TUNG

Kerajaan negeri sentiasa memastikan golongan Orang Kurang Upaya (OKU) di negeri ini diberikan hak masing-masing serta peluang untuk berdikari bagi meneruskan kehidupan mereka. Melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) pelbagai perkhidmatan dan kemahiran kepada OKU telah disediakan seperti berikut:

1. Program Pemulihan Dalam Komuniti ianya bertujuan untuk memastikan golongan OKU mampu diketengahkan kepada komuniti dalam persediaan menghadapi dunia luar dan dunia pekerjaan. Bagi golongan OKU yang mampu untuk meneruskan dalam bidang akademik mereka akan ditempatkan ke sekolah Pendidikan Khas.

Terdapat 73 buah Pusat Pemulihan Dalam Komuniti di negeri Johor yang ada menempatkan seramai 2,500 orang pelatih-pelatih Orang Kurang Upaya. Mereka ini dilatih dan dibantu oleh seramai 434 orang penyelia dan petugas Pusat Pemulihan Dalam Komuniti. Pewujudan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti ini banyak membantu dari segi sahsiah dan kemahiran Orang Kurang Upaya ini. Setiap hari mereka dilatih dengan kemahiran pengendalian urusan sendiri dan juga bidang kemahiran yang mereka minat dan yang mampu dilakukan oleh mereka mengikut keupayaan masing-masing. Di antara kemahiran yang disediakan adalah golongan OKU ini dilatih kepada latihan Industri Kecil Sederhana seperti mengendalikan produk makanan ringan, Kraf tangan, jahitan dan juga pertanian.

Kini hampir semua Pusat Pemulihan Dalam Komuniti mempunyai produk pengeluaran mereka sendiri. Jabatan Kebajikan Masyarakat telah pun mengusahakan kiosk untuk memasarkan produk-produk PDK ini.

2. Kemahiran untuk Orang Kurang Upaya turut juga disediakan di Institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat. Di negeri Johor ini terdapat dua buah Institusi penempatan pemulihan bagi golongan Orang Kurang Upaya iaitu di Taman Sinar Harapan Jubli bagi golongan Orang Kurang Upaya perempuan dan juga di Taman Sinar Harapan Tampoi bagi golongan Orang Kurang Upaya lelaki.

Taman Sinar Harapan Jubli dan Tampoi ini merupakan sebuah institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat yang member penjagaan, latihan dan pemulihan kepada OKU Masalah Pembelajaran. Taman Sinar Harapan ini menyediakan latihan dan pemulihan kepada penghuni melalui aktiviti dalam institusi dan aktiviti luar institusi. Latihan dan pemulihan tersebut berdasarkan pendekatan normalisasi dan integrasi.

Pendekatan ini membolehkan penghuni untuk berdikari sebagai anggota masyarakat yang normal. Latihan kemahiran yang diberikan kepada penghuni OKU adalah seperti kelas urusan rumah tangga, kelas jahitan, kelas pertanian, kelas masakan, kelas dandan, kelas kraf tangan dan kelas refleksologi. Seramai 97 orang penghuni di

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

Taman Sinar Harapan Jubli dan seramai 99 orang penghuni yang berada di Taman Sinar Harapan Tampoi telah mendapat latihan.

3. Melalui program *Two Years Exit programme*, golongan OKU juga disediakan dengan pelbagai latihan keusahawanan dan diberi geran pelancaran untuk memajukan bidang keusahawanan masing-masing. Pendekatan program ini mengambil kira aspek meningkatkan motivasi klien supaya bersedia untuk bekerja selepas memperolehi latihan kemahiran yang sesuai dengan keupayaan mereka. Penglibatan klien OKU dalam pekerjaan adalah secara berterusan bagi memastikan klien tidak kembali kepada bantuan kebajikan untuk saraan hidup.

Latihan kemahiran yang diberikan adalah seperti Literasi Kewangan dan Pengurusan Buku Tunai, Program kerjasama dengan Maybank iaitu RISE (*Reach Independance and Sustainable Entrapneuership Programme*). Program RISE ini adalah untuk meningkatkan potensi dan daya saing penerima bantuan yang berminat atau sedang berniaga. Jumlah peserta OKU yang mendapat faedah dari program ini adalah dalam tahun 2016 seramai 92 orang, dalam tahun 2017 adalah seramai 59 orang dan dalam tahun 2018 adalah seramai 64 orang.

4. JKM turut menyediakan latihan *Job Coach* kepada kakitangan JKM di Institusi dan petugas PDK. Tujuan *Job Coach* adalah untuk melatih dalam membantu mencarikan pekerjaan kepada OKU sama ada yang berada di Institusi, PDK atau Komuniti yang berdaftar. Mereka akan suai padankan kerja dengan kemampuan OKU tersebut. Pada tahun lepas, seramai 40 orang telah diberi kursus asas tentang *Job Coach*. Seramai 74 orang pelatih OKU yang mendapat faedah dari program ini.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN B92**

Apakah rancangan untuk melanjutkan perkhidmatan Bas Muafakat dari Renggam ke Kluang, di mana terdapatnya lebih daripada 3,000 penduduk berulang alik harian dari Simpang Renggam / Renggam ke Kluang untuk bekerja dan bersekolah?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

Pihak PAJ telah membuat Kajian di kawasan tersebut dan mendapati sepanjang perjalanan kawasan tersebut merupakan kawasan pertanian dan bukan merupakan kawasan sasaran perkhidmatan BMJ.

Perkhidmatan ini amat menitikberatkan keperluan pengguna daripada keseluruhan lapisan masyarakat termasuklah pelajar sekolah dan warga emas. Antara kawasan tumpuan perkhidmatan ini adalah kawasan perumahan, bangunan kerajaan, hospital, sekolah dan juga kawasan membeli belah. Perkara ini perlu diambil berat supaya matlamat utama perkhidmatan ini dapat dicapai dan sekali gus meningkatkan jumlah pengguna perkhidmatan BMJ.

Selain daripada itu, pihak PAJ juga telah membuat kajian terhadap laluan ini yang pernah dioperasikan oleh Syarikat Renggam Bus Co Sdn Bhd. Syarikat ini telah menghentikan operasinya pada pertengahan 2018 atas faktor kekangan kewangan bagi menampung kos operasi harian.

Hasil daripada kajian tersebut, Pihak PAJ telah membuat analisis dengan terperinci terhadap laluan ini dan mendapati purata pengguna bagi setiap trip adalah 15 orang daripada jumlah keseluruhan penumpang dalam bas iaitu 40 orang. Secara keseluruhan, sebanyak 36.67% purata pengguna bagi setiap trip yang dioperasikan oleh Syarikat Renggam Bus Co Sdn Bhd. Tambahan pula, hasil kajian mendapati purata pengguna bagi laluan ini adalah bukan warganegara dan majoritinya adalah warga asing yang bekerja di kawasan Renggam.

Jarak perjalanan yang jauh juga iaitu 46.4 KM per trip merupakan aspek yang perlu dititikberatkan supaya perkhidmatan BMJ dapat digunakan pada tahap yang maksimum. Jarak yang jauh juga menyebabkan pertambahan kilometer yang tinggi dan sekali gus meningkatkan kos operasi harian perkhidmatan Bas Muafakat Johor (BMJ) yang akan ditanggung oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Menyedari akan kepentingan perkhidmatan pengangkutan awam yang dapat membantu rakyat, pihak PAJ telah mengambil inisiatif lain dengan menyarankan perkhidmatan bas berbayar daripada pengusaha Kembara CT. Perkhidmatan bas awam berbayar ini akan beroperasi pada hujung minggu iaitu pada setiap hari Jumaat, Sabtu dan Ahad.

Walau bagaimanapun, perkhidmatan ini baru di peringkat cadangan dan sekiranya pihak operator tiada halangan maka laluan ini akan beroperasi seperti apa yang telah dipersetujui. Dengan adanya perkhidmatan ini, sekali gus dapat sedikit sebanyak membantu pengguna yang memerlukan perkhidmatan pengangkutan awam dari Renggam ke Kluang.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN B93**

Empangan Sembrong yang membekalkan air kepada penduduk Kluang selalu mengalami pencemaran dari penanaman haram di tanah rizab JPS sekitar empangan. Apakah tindakan penguatkuasaan bersama antara DOE, SAJ, JPS, Pejabat Tanah yang boleh dilakukan untuk menyelesaikan masalah kesihatan rakyat Kluang?

JAWAPAN YB TUAN DR. SAHRUDDIN BIN JAMAL

JAWAPAN JPS

Aktiviti pencerobohan tanah rizab JPS dengan penanaman haram sehingga menyebabkan pencemaran kepada Empangan Sembrong adalah amat dikesali.

Dalam kepentingan menjaga sumber air di Empangan Sembrong, aktiviti-aktiviti yang boleh mendatangkan pencemaran perlu dikawal. Antaranya dengan mewujudkan perimeter keselamatan dan hanya tumbuhan asli dan asal sahaja berada dalam kawasan tersebut.

Bagi makluman Yang Berhormat, agensi dan pihak-pihak bertanggungjawab memantau tanah kerajaan sentiasa mengambil tindakan susulan tentang pencerobohan yang berlaku. Bagi kawasan Empangan Sembrong, tindakan akan lebih efektif apabila kawasan selesai dirizabkan. Proses perizaban ini sedang dilakukan dan dalam peringkat akhir. Sewajarnya kawasan rizab ini perlu dikekalkan sebagai kawasan tadahan semula jadi yang diwartakan.

JAWAPAN BAKAJ

Empangan Sembrong merupakan empangan di bawah kawal selia JPS Johor. Empangan tersebut siap dibina pada tahun 1984. Empangan ini berfungsi sebagai empangan tebatan banjir dan empangan bekalan air. Kapasiti empangan ialah 18MCM dengan keluasan takungan ialah 8.5km² dan luas kawasan tadahan ialah 130km².

Kawasan tadahan empangan terdiri daripada kawasan pertanian kelapa sawit bersekala kecil dan besar. Kawasan pertanian bersekala besar seperti Ladang Kian Hoe, Ladang Nior, Ladang Coronation dan Ladang Guthrie dan Ladang Pertanian Moden. Dianggarkan kawasan pertanian kelapa sawit berkeluasan 72% daripada keluasan tadahan empangan kawasan pertanian kelapa sawit yang berada dalam kawasan tadahan air ialah 72%. Keluasan pertanian moden yang berada dalam kawasan tadahan air ialah 1,232 hektar. Terdapat juga kilang kelapa sawit di Ladang Coronation. Manakala perkampungan yang berada dalam kawasan tadahan air ialah Kampung Seri Lalang.

Pada tahun 2016, *National Hydraulic Research Institute Of Malaysia (NAHRIM)* telah membuat kajian air mentah di Empangan Sembrong dan mendapati bahawa punca utama pencemaran air mentah disebabkan oleh kandungan *eutrophic* dalam tasik yang berkemungkinan besar disebabkan oleh kehadiran *nitrogen (N)* dan *phosphorus (P)* dari aktiviti pertanian di Projek Pertanian Moden Kluang. Selain dari itu, pencemaran air tasik Sembrong juga disebabkan oleh air kumbahan dan sisa enapcemar daripada kawasan pembangunan berhampiran.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

Proses *eutrophication* dalam air mentah di tasik Sembrong telah menghasilkan alga yang dikenali *cyanobacteria*. Kepekatan kandungan *cyanobacteria* dalam air mentah menyebabkan loji rawatan air meghadapai kesukaran untuk merawat air mentah. Selain dari alga, tasik Sembrong juga dipenuhi dengan hidupan akuatik seperti rumpai dan kiambang yang menyebabkan kemerosotan kualiti air tasik Sembrong.

Berdasarkan daripada kajian NAHRIM, pentadbiran ini akan mengambil tindakan lanjut seperti menubuhkan jawatankuasa kawalan pencemaran Tasik Sembrong, pelantikan perunding bagi menasihatkan jawatankuasa kawalan pencemaran Tasik Sembrong, membuat pemantauan bersepadu dengan Ranhill SAJ, Pejabat Pentadbir Tanah daerah Batu Pahat, Pejabat Tanah dan Galian, Pejabat Pertanian, Pejabat Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Pengairan dan Saliran dan lain-lain jabatan atau agensi berkaitan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN B94**

Terdapatnya bangunan-bangunan bersejarah di Jalan Lambak dan Jalan Ismail Kluang yang amat unik dengan pertembungan seni binaan barat dan timur. Apakah polisi kerajaan dalam pemeliharaan bangunan-bangunan warisan untuk penyelenggaraan dan menjadikan tarikan pelancongan?

JAWAPAN YB TUAN MOHD. KHUZZAN BIN ABU BAKAR

Kerajaan negeri sedang berusaha melaksanakan inventori terhadap bangunan-bangunan dan tapak warisan bagi tujuan mewartakan untuk mengekalkan warisan tersebut sebagaimana keadaan asalnya. Pewartakan dibuat melalui Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Dengan mewartakan bangunan tersebut, ia memberi peluang untuk mendapatkan bantuan khidmat nasihat terutama bagi penyelenggaraan dan membaik pulih bangunan tersebut seterusnya bangunan yang sudah di baik pulih akan menjadi tumpuan pelancong dalam dan luar Negara.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN B95**

Sila nyatakan prosedur pelantikan penyelaras DUN di tempat-tempat yang dimenangi pembangkang?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Pelantikan penyelaras DUN di kawasan-kawasan yang dimenangi oleh pembangkang adalah hasil kesepakatan dan persetujuan bersama di kalangan pimpinan tertinggi Pakatan Harapan negeri bertujuan memastikan kawasan DUN yang diwakili oleh pembangkang tidak ketinggalan menikmati pembangunan sebagaimana enam teras utama yang telah dibentangkan dalam Belanjawan Johor 2019.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN B96**

Sila nyatakan dari manakah penyelaras DUN memperoleh dana untuk membiayai keperluan pejabat mereka?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Kos pengurusan pejabat-pejabat JPD diperolehi melalui Peruntukan Pembangunan Pejabat Menteri Besar Johor. Bagi tahun 2019 sebanyak RM100,000.00 telah diperuntukkan kepada JPD di bawah skop pentadbiran.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN B97**

Sila nyatakan apakah keperluan penyelaras DUN yang dipanggil dengan gelaran YB sedangkan mereka kalah di dalam Pilihan raya Umum?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Sedia maklum tiada keperluan untuk penyelaras DUN dipanggil dengan gelaran YB kerana gelaran tersebut hanya layak digunakan oleh Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan pegawai kerajaan yang dikurniakan gelaran oleh DYMM Tuanku (contoh YB Setiausaha Kerajaan Johor).

Merujuk kepada isu ini yang ditularkan dalam media sosial kerajaan negeri memohon maaf di atas kesilapan semasa menulis nama di luar sampul sijil watakah pelantikan Pengerusi Jawatankuasa JPD bagi kawasan yang diwakili pembangkang.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN B98**

Sila nyatakan apakah status permohonan menaik taraf padang SMK Laksamana?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

Pada masa kini, Jabatan Pendidikan Negeri Johor memberi lebih keutamaan kepada bentuk-bentuk kerosakan yang mengganggu keselamatan, keselesaan dan proses pembelajaran dan pengajaran (PdP).

JPNJ telah menerima permohonan menaik taraf padang SMK Laksamana dan telah pun dipanjangkan kepada agensi pusat sejak 2017, namun sehingga kini masih belum mendapat kelulusan lagi.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN B99**

Sila nyatakan apakah langkah kerajaan negeri Johor untuk mentransformasikan 73 FELDA dalam negeri Johor?

JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD

Pihak FELDA mencadangkan supaya kerajaan negeri Johor memastikan perkara-perkara berikut perlu diteruskan atau diwujudkan :

1. Latihan kemahiran kepada Generasi FELDA melalui Yayasan Pelajaran Johor.
2. Menyusun semula penempatan dalam FELDA dengan menggalakkan Generasi Kedua FELDA untuk tinggal dalam rancangan.
3. Mengenal pasti lot-lot kosong dalam FELDA dan memberikan latihan kepada Generasi Kedua untuk terlibat dalam usahawan perkhidmatan dan pertanian.
4. Memastikan sistem pengurusan ladang mengikut amalan pertanian yang baik bagi meningkatkan pendapatan peneroka.
5. Kerajaan diminta untuk meneruskan penyaluran dana sebanyak RM30 Juta bagi pembaikan jalan kampung.
6. Mencadangkan agar beban kos yang ditanggung oleh pihak FELDA perlu dikurangkan dalam pembaikan jalan pertanian.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN B100**

Bagaimana kerajaan merancang mengekalkan tempat atau bangunan warisan budaya dan bersejarah, di samping mempertingkatkan infrastruktur baru di sesetengah kawasan?

JAWAPAN YB TUAN TAN HONG PIN

Di kawasan Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP), bangunan-bangunan yang dikenal pasti ada unsur warisan akan dinyatakan di dalam Rancangan Tempatan Daerah dan dizonkan di dalam Zon Warisan untuk ia dikawal sekiranya ada kerja-kerja pembangunan oleh pemilik premis.

Melalui Pelan Rancangan Kawasan Khas Bandar Penggaram, bangunan-bangunan tersebut juga akan dikenal pasti dan usaha adalah membentuk kesemua bangunan itu agar berada di dalam Zon Warisan. Selanjutnya, bagi mendapat perhatian dari pelancong, pelbagai projek perlu dilaksanakan di dalam zon ini, seperti laluan basikal, *cycle lane* dan kebun kejiranan seperti Program Transformasi lorong belakang, Program *Walk able* di dalam Zon Warisan, mengecat bangunan dan beberapa program Pengindahan Bandar.

Dalam masa yang sama, pendekatan-pendekatan bekerjasama dengan Yayasan Warisan Johor sedang dijalankan kerana bangunan-bangunan untuk diiktiraf sebagai warisan ini memerlukan data dan fakta yang sah oleh agensi yang layak sebelum ia boleh diwartakan sebagai bangunan/kawasan warisan.

MPBP maklum akan kepentingan sumber warisan ini, justeru pendekatan ke arah tersebut telah dilaksanakan dan dalam tempoh terdekat ini, tumpuan pelaksanaan akan diberi kepada Bandar Penggaram sebagai bandar kedua yang lama selepas Bandar Maharani.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGARAM)
SOALAN B101**

Apakah status terkini berkenaan Yayasan Pengaram?

JAWAPAN YB TUAN TAN HONG PIN

Untuk makluman, sehingga kini Yayasan Pengaram masih belum mendapat kelulusan Sijil Pemerbadanan dari pihak Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU). Semua aktiviti Yayasan Pengaram adalah ditangguhkan.

Namun begitu, pihak Bahagian Kerajaan Tempatan SUKJ (BKT SUKJ) ada membuat perbincangan dengan semua PBT Johor yang juga dihadiri oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor dan pegawai dari BHEUU pada 3 Januari 2019 yang lalu untuk menyelesaikan masalah berkaitan pelantikan Pengasas, pelantikan Pemegang Amanah dan hal-hal lain yang berkaitan dengan terma perundangan. Pihak BKT SUKJ akan melaksanakan lagi perbincangan berkaitan perkara ini dalam masa terdekat.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN MD. YSAHRUDIN BIN KUSNI (BUKIT NANING)
SOALAN B102**

Apakah hasil bumi ataupun sumber tenaga baharu yang boleh dicipta bagi menjana ekonomi negeri seperti sisa pepejal yang boleh menghasilkan sumber tenaga baharu serta berapakah kos penyelidikan dan pembangunan ini?

JAWAPAN YB TUAN TAN HONG PIN

Berdasarkan *Feed in Tariff (FiT) system* yang dijalankan oleh *Sustainable Energy Development authority (SEDA)* di Malaysia. Mereka menggariskan 4 sumber utama tenaga baharu yang dibenarkan untuk memasuki sumber tenaga elektrik di Malaysia. Sumber utama yang diberikan perhatian ini adalah dari Biogas, Biomass, Small Hydropower dan Solar Photovoltaics.

Biogas ditakrifkan sebagai gas yang dihasilkan oleh pencernaan anaerobik atau penapaian bahan organik asli di bawah keadaan anaerobik termasuk tetapi tidak terhad kepada baja manusia, sisa pembandaran dan sisa *biodegradable* yang dihasilkan di Malaysia. Teknologi biogas merujuk kepada sistem yang direka untuk menjadikan sisa organik kepada tenaga yang boleh digunakan. Biogas biasanya terdiri daripada metana, dengan sebahagian besarnya karbon dioksida, dan kuantiti gas yang lebih kecil seperti nitrogen dan hidrogen. Gas-gas metana, hidrogen dan karbon monoksida adalah gas yang boleh dibakar. Pembebasan tenaga ini membolehkan biogas digunakan sebagai bahan bakar dalam enjin gas untuk menukar tenaga dalam gas menjadi tenaga elektrik dan panas. Biogas adalah sumber yang boleh diperbaharui, jadi ia memenuhi syarat untuk *Feed in Tariff*.

Gas tapak pelupusan dihasilkan oleh sisa organik basah yang diperam di bawah keadaan anaerobik di tapak pelupusan. Sisa tersebut dilindungi dan secara mekanikal dimampatkan oleh berat bahan yang didepositkan dari atas. Bahan ini menghalang pendedahan oksigen dengan itu membolehkan mikrob anaerobik berkembang maju. Gas ini dibina dan perlahan dilepaskan yang boleh digunakan untuk pemanasan, elektrik, dan banyak operasi lain yang menggunakan variasi enjin pembakaran dalaman.

Teknologi ini telah pun diguna pakai di beberapa tapak pelupusan di Malaysia di antaranya adalah di Tapak Pelupusan Sanitari Seelong di mana ianya telah menghasilkan 20MV sehari dan telah di jalan selama beberapa tahun.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN MD. YSAHRUDIN BIN KUSNI (BUKIT NANING)
SOALAN B103**

Berapakah peratusan sasaran pelaburan bagi hab perabot di Muar khususnya di Batu 8 kawasan DUN Bukit Naning?

JAWAPAN YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE

Cadangan pembangunan Muar Furniture Park (MFP) merupakan satu inisiatif Johor Corporation (JCorp) dalam membantu kerajaan Johor untuk melaksanakan pemutihan kilang-kilang perabot yang beroperasi secara haram di sekitar daerah Muar. JCorp telah diamanahkan oleh kerajaan Johor untuk membangunkan satu hab perabot yang sistematik dan tersusun serta komprehensif dan kini ianya dikenali sebagai MFP. Hab perabot ini telah dirancang sebagai satu kawasan perindustrian yang dilengkapi dengan kemudahan moden dan bersesuaian untuk menjadi prasarana yang memenuhi standard industri perabot dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengannya. Pembangunan MFP ini terutamanya dari segi penentuan saiz lot industri, malahan kategori pengusaha itu sendiri adalah diputuskan melalui siri perbincangan dengan pihak Persatuan Perabot Muar (MFA). Oleh kerana itulah, lot tanah industri pada keluasan 366 ekar pertama telah ditawarkan dan diberi keutamaan kepada ahli-ahli MFA terlebih dahulu.

JCorp juga menawarkan plot-plot tanah untuk menempatkan projek-projek pemudah cara ('enablers') dalam MFP seperti Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) yang akan membangunkan Pusat Penyelidikan & Pembangunan (R&D, Pusat Perolehan), 'cargo consolidated centre', Pusat Khidmat Industri seperti Hostel pekerja, kilang-kilang siap bina dengan konsep beli terus/sewa-beli kepada pengusaha perabot bersaiz kecil dan lot-lot perdagangan. Projek-projek 'enablers' ini bertujuan menyediakan ekosistem yang lengkap dan kondusif sesuai untuk sektor perindustrian, khususnya bagi industri perabot ini.

JCorp menjangkakan keseluruhan kawasan boleh diserahkan kepada pemilik plot-plot tanah dalam tempoh 36 bulan iaitu pada Suku ke-2 Tahun 2021. Mengikut program, 30 ekar pertama boleh diserahkan kepada para pelabur yang membeli tanah di MFP mulai Suku ke-2 Tahun 2019 bagi memberi ruang kepada mereka memulakan pembinaan bangunan kilang masing-masing.

Keseluruhan MFP dijangka boleh disiapkan dalam tempoh 5 tahun, manakala jumlah pelaburan dianggarkan untuk dijana apabila MFP beroperasi sepenuhnya adalah bernilai RM1.3 bilion.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN MD. YSAHRUDIN BIN KUSNI (BUKIT NANING)
SOALAN B104**

Apakah fungsi pihak Tourism dalam memastikan Tahun Melawat Johor pada 2020 tercapai sasaran pengunjung ke lokasi-lokasi yang telah disenaraikan sebagai menarik untuk dikunjungi?

JAWAPAN YB CIK LIOW CAI TUNG

Kerajaan negeri Johor melalui Tourism Johor amat komited dalam mempromosikan dan memperhebatkan kempen Tahun Melawat Johor 202 yang bakal menjelmakan negeri Johor sebagai negeri pelancongan yang dinamik. Seperti yang sedia maklum, sektor industri pelancongan mempunyai potensi yang sangat besar, sedang dipacu untuk menjadi salah satu penjana utama ekonomi dan rakyat negeri Johor selain menjadi penampan kepada tempas ekonomi dunia yang tidak menentu.

Selaras dengan kempen Tahun Melawat Johor 2020 yang sedang giat dijalankan dengan kerjasama Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Johor dan Tourism Malaysia Johor serta pemain-pemain industri pelancongan, berikut merupakan inisiatif-inisiatif yang telah dirangka :

1. Program “*Road Show*” yang akan dilaksanakan di setiap daerah dalam negeri Johor, negeri-negeri terpilih serta negara-negara seperti Singapura, Indonesia, Vietnam, China dan Korea Selatan.
2. Memperkasakan aspek “*Software*” merangkumi hebahan promosi dan publisiti melalui media-media terutamanya di medium media sosial bagi mewujudkan “*Awareness*” terhadap Tahun Melawat Johor 2020.
3. Kempen Tahun Melawat Johor 2020 merangkumi aspek “*Hardware*” iaitu menambah baik dan memperkasakan aspek-aspek berkaitan pembangunan produk, infrastruktur, kemudahan sokongan pelancongan dan pengurusan destinasi.
4. Penganjuran Festival, Acara dan Ekspo yang bertaraf nasional dan antarabangsa sebagai contoh SUKMA 2002, Kejohanan E-Sukan, Festival Layang-Layang Sedunia Kali Ke-25, Festival Perarakan Chingay dan sebagainya.
5. Mengatur siri lawatan *fam-trip* yang merangkumi media-media (antarabangsa/tempatan), blogger-blogger antarabangsa dan tempatan, dan agensi-agensy pelancongan tempatan dan antarabangsa.
6. Memperhebatkan pengiklanan bahan-bahan promosi di pintu-pintu masuk utama negeri Johor, “*in-flight magazine*”, dan Penyediaan aplikasi telefon pintar iaitu “Destinasi Johor” bagi merencanakan kempen publisiti sempena Tahun Melawat Johor 2020.

Inisiatif-inisiatif ini akan menjadi penanda aras bagi memperkasakan dan memacu sektor pelancongan Johor secara menyeluruh dan dimanfaatkan sebaik-baiknya bagi persediaan fizikal prasarana dan rangka promosi kelak.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN MD. YSAHRUDIN BIN KUSNI (BUKIT NANING)
SOALAN B105**

Dalam memastikan agama Islam terus terbela, apakah tindakan pencerahan pihak kerajaan dalam menerangkan konteks agama itu dalam masyarakat majmuk ini supaya negeri ini terus hidup dalam keharmonian dan keamanan?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

Jabatan Agama Islam Negeri Johor dalam usaha menyusun dasar Dakwah Negeri Johor sebagai panduan dan asas pelaksanaan dakwah di negeri Johor. Jabatan Agama Islam Negeri Johor melalui Pejabat Kadi di setiap daerah ada melaksanakan Program Sebaran Islam. Program Sebaran Islam dilaksanakan sebanyak 10 kali sebulan bagi setiap daerah. Bagi setahun program sebaran Islam dilaksanakan sebanyak 1,200 kali dalam setahun. Program ini bertujuan memberi pencerahan berkaitan Akidah, Ibadah dan Akhlak kepada masyarakat. Program Sebaran Islam ini melibatkan pegawai dan kakitangan di Jabatan Agama Islam negeri Johor yang bertauliah untuk menyampaikan pencerahannya.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEEMPAT
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
PADA HARI KHAMIS, 7 MAC 2019**

**YB TUAN MD. YSAHRUDIN BIN KUSNI (BUKIT NANING)
SOALAN B106**

Berapakah kelab ataupun persatuan belia yang berdaftar secara sah bergerak secara aktif dalam memainkan peranan dalam masyarakat?

JAWAPAN YB TUAN MOHD. KHUZZAN BIN ABU BAKAR

Sehingga 31 Disember 2018, sebanyak 1,045 pertubuhan belia di negeri Johor telah berdaftar di bawah Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia dan masih sah pendaftarannya seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2: Bilangan pertubuhan belia yang berdaftar di bawah Pendaftar Pertubuhan Belia

Peringkat	Bilangan Pertubuhan Belia
Negeri	19
Batu Pahat	167
Johor Bahru	230
Kluang	114
Kota Tinggi	82
Mersing	43
Muar	118
Pontian	74
Segamat	111
Kulai	59
Tangkak	28
JUMLAH	1,045

Sumber: Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia, sehingga 31 Disember 2018.